



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Melantik Jawatankuasa Pemilih Di Bawah P.M. 76	(Halaman 28)
Melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	(Halaman 29)
Akta Kastam	(Halaman 41)
Merujuk Y.B. Simpang Renggam Ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Di Bawah P.M. 80 – <i>Oleh Y.B. Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)</i>	(Halaman 44)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO

5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
25. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Imohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO

33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasar Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
8. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
11. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]

14. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
16. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
17. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]

17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato’ Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]

17. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 18 Julai 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perancangan kerajaan bagi menyelaraskan urus tadbir kutipan dan agihan zakat di negara ini dan apakah peranan International Zakat Organization (IZO) selama ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Butiran 1, senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Islam adalah termasuk kutipan dan juga agihan zakat terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Sehubungan itu menyedari tentang tanggungjawab berkaitan adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa majlis ataupun di bawah negeri, maka Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR adalah sebagai pemudah cara di peringkat nasional bagi memperkasakan institusi zakat negeri-negeri. Berhubung dengan International Zakat Organization (IZO), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia melalui persidangan OIC pada tahun 2005 telah mencadangkan untuk menubuhkan International Zakat Organization (IZO) untuk mengumpulkan dana khas bersumberkan zakat bagi menangani isu kemiskinan di negara-negara OIC. IZO pada masa sekarang dikenali sebagai World Zakat Organization (WZO).

Walau bagaimanapun, penubuhan WZO secara rasmi belum dapat direalisasikan. Sehingga kini, memandangkan tiada negara-negara yang boleh menyumbangkan dana zakat menyatakan persetujuan untuk menyertai WZO. Setakat ini, hanya 11 negara yang berminat menyertainya di mana kesemua negara-negara berkenaan adalah negara yang belum kukuh ekonomi dan mengharapkan bantuan. Sekiranya penubuhan WZO ini diteruskan juga tanpa penglibatan negara-negara penyumbang, dikhuatiri Malaysia sahaja yang akan menanggung segala kos yang berkaitan untuk memastikan kelangsungan jangka panjang, Malaysia akan terus menggerakkan pelbagai usaha dengan kerjasama pelbagai pihak untuk menarik penyertaan negara-negara penyumbang. Terima kasih.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa pentadbiran zakat adalah hak negeri. Namun adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk menyatukan hasil-hasil kutipan melalui satu tabung ataupun satu akaun khas yang dikendalikan oleh satu badan khas sebagaimana

kerajaan mewujudkan KWSP atau PERKESO yang mana dahulu kita pernah dengar bahawa kerajaan pernah mencadangkan kewujudan Lembaga Zakat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jadi, di mana di sini kita mengharapkan kalau dapat ditubuhkan satu tabung khas dikendalikan oleh satu badan khas di mana setiap kerajaan negeri adalah menjadi pemegang amanahnya, supaya agihan zakat ini dapat diagihkan secara lebih berhemah dan berkesan meliputi semua kawasan dan lapisan masyarakat. Jadi, adakah kita mempunyai cadangan yang lebih spesifik macam ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor melihat bahawa perancangan untuk kita memberikan lebih kesan dan juga lebih sampai kepada akar umbi ataupun golongan-golongan asnaf yang memerlukan bantuan zakat iaitu dengan penubuhan Lembaga Zakat Malaysia. Namun hakikat yang sebenar yang harus kita semua fahami sebagaimana jawapan awal saya sebut tadi bahawa di bawah Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, ia adalah merupakan bidang kuasa negeri masing-masing.

Walaupun kita melihat ada kebaikan-kebaikan juga di sana, namun beberapa perkara yang wajar amat difahami selain daripada kuasa ini merupakan kuasa negeri yang ianya memerlukan kepada persetujuan ataupun perkenan Majlis Raja-Raja dan kemudian Majlis-majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Ini satu perkara.

Hal yang keduanya ialah walaupun kita ingin menyatukan himpunan ataupun kumpulan wang zakat tersebut, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat juga wajar memahami bahawa negeri yang berjaya mengutip menjangkau kepada jangkauan yang agak tinggi iaitulah Wilayah Persekutuan dan juga Selangor. Negeri-negeri lain masih lagi di bawah paras untuk mampu menampung keperluan masjid, surau dan juga sekolah-sekolah agama negeri masing-masing. Itu pun dibantu oleh pihak persekutuan dalam konteks pengajian dan juga prasarana bangunan.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Persekutuan masih lagi melihat hal untuk menampung keperluan penyelarasan dan juga untuk bagi tujuan memudahkan kutipan zakat wajar kita lakukan tetapi melalui cara yang diuruskan oleh pihak JAWHAR di mana JAWHAR telah mengeluarkan manual-manual pengurusan zakat dan juga pengagihan di peringkat nasional dengan tidak mengganggu gugat kuasa yang diberikan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada negeri bagi menguruskan kewangan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa soal zakat ini adalah soal negeri, diuruskan oleh negeri dan sebagainya.

Namun demikian, kita tahu bahawa walaupun ianya urusan negeri, pembayar-pembayar zakat ini tidak semestinya datang dari negeri itu sahaja. Mungkin dari negeri-negeri lain, termasuklah pembayar zakat perniagaan.

Jadi, soalan saya adakah kerajaan mempunyai satu mekanisme untuk cuba menyelaraskan supaya syarikat-syarikat besar terutamanya GLCs, dapat memberikan sumbangan kepada majlis-majlis agama negeri yang mungkin pencapaian kutipannya kurang. Supaya ia boleh menampung pemberian kepada asnaf ini dan sekali gus boleh mengurangkan usaha untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan umat Islam. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu yang juga mengutarakan untuk supaya syarikat-syarikat besar yang beroperasi di Malaysia terutamanya GLC yang telah pun membayar zakat masing-masing.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa GLC-GLC dan juga syarikat-syarikat besar yang beroperasi ini kebanyakannya bertumpu di Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi ada juga usaha-usaha ke arah untuk tujuan mereka ini membayar kepada negeri-negeri. Sebagai contoh, dua hari kelmarin Yang Berhormat Pontian diwakili oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk FELDA, di mana FELDA sudah mengagihkan kepada semua negeri berdasarkan keluasan tanah dan juga tapak ladang mereka.

Begitu juga dengan pihak Tabung Haji. Tabung Haji juga membayar kepada setiap negeri berdasarkan kepada jumlah simpanan oleh mereka yang menyimpan di Tabung Haji dan jumlah pada negeri tersebut. Jadi, dibayar mengikut pecahan. Ini berlaku dalam beberapa GLC tertentu.

Walau bagaimanapun, kita memahami masih banyak lagi syarikat-syarikat besar ataupun GLC yang belum melaksanakan hal-hal yang tersebut. Akan tetapi saya melihat perkembangan ini sedang berjalan kerana pihak-pihak negeri telah pun memberikan ruang dan *offer*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada syarikat-syarikat ini. Sebagai contoh, di mana mereka telah memberikan ruang supaya ada syarikat-syarikat yang membayar di negeri tertentu, ia mendapat pulangan kembali daripada beberapa peratus yang telah ditetapkan oleh negeri.

Sebagai contoh, satu persepuluh dan sebagainya untuk negeri dipulangkan kepada syarikat tersebut untuk mereka tolong sampaikan pula kepada asnaf yang menjadi sasaran kepada mereka, terutamanya daripada kakitangan yang berpendapatan rendah di dalam syarikat mereka. Jadi, usaha ini telah memberikan ruang yang lebih baik kepada syarikat-syarikat ini melihat. Ini merupakan sebagai satu ruang dan peluang untuk mereka banyak bertumpu kepada negeri-negeri berkenaan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan mengambil perhatian untuk lebih menggerakkan supaya syarikat-syarikat besar ini juga turut menyumbang di negeri bagi membantu mereka menolong asnaf-asnaf di peringkat negeri masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kesahihan maklumat yang mengatakan sisa pembuangan radioaktif oleh kilang Lynas Kuantan akan dikitar semula menjadi baja, gypsum dan juga bahan binaan jalan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) akan menghasilkan tiga *residue* iaitu *water leach purification* (WLP), *neutralization underflow* (NUF) dan *fuel gas desulphurization* (FGD).

Dalam lesen TOL yang kita luluskan buat masa ini sampai 2 September 2014, adalah kita pastikan semua produk-produk yang dikeluarkan ini perlu dikeluarkan daripada negara ini. Ini kita *firm*. Kita akan keluarkan.

Walau bagaimanapun syarikat Lynas ada bercadang untuk mengitar semula *residue* dari kilang Lynas kepada baja *gypsum* dan juga bahan binaan jalan. Benda ini masih terlalu awal, masih lagi belum dilakukan apa-apa. Walau bagaimanapun perkara-perkara ini adalah subjek kepada kelulusan pada masa akan datang. Jadi, benda ini tidak timbul seperti yang telah pun kita beritahu yang hasil ini perlu dikeluarkan daripada negara ini.

Untuk produk *residue* FGD ataupun NUF yang dijangka yang dikeluarkan itu adalah *residue* yang mengandungi jumlah barang-barang semula jadi yang perlu dikawal. Dengan demikian, *residue* itu dijangka boleh dikitar semula kalau kita buat *research*. Akan tetapi benda itu perlu dikeluarkan.

Manakala yang menjadi isu ialah WLP yang dikeluarkan. Ini juga adalah satu benda yang perlu kita cairkan dahulu kepada satu nilai kurang daripada satu *becquerel per*

gram, barulah benda ini selamat untuk dikeluarkan daripada negara ini. Jadi, perlu rawatan. Tidak boleh kita terus keluar. Jadi, dalam bentuk ini, *residue* yang diproses tersebut apabila ia sudah kurang daripada 1 *becquerel per gram*, maknanya dikategorikan sebagai bahan yang mengandungi jumlah radioaktif semula jadi yang perlu dikawal kurang daripada nilai itu. Jadi, ini juga perlu dikawal oleh Jabatan Alam Sekitar dan dikeluarkan daripada negara ini. Itu adalah kita *firm*. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini pagi ini saya hendak mengalu-alukan kehadiran *student*, mahasiswa daripada UiTM Dungun, Terengganu dan juga seluruh *student* yang datang. Selamat datang ke Parlimen.

Soalan saya. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa penggulungan perbahasan Titah Diraja mengatakan ada pihak Lynas mencadangkan untuk menyimpan sisa radioaktif di Malaysia. Ini sudah bercanggah dengan keputusan Kabinet yang telah luluskan supaya semua sisa radioaktif ataupun bahan sampingan yang dihasilkan oleh Lynas perlu dikeluarkan atau dieksport ke luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ini ketetapan Kabinet sebelum permit diberi kepada Lynas. So, soalan saya. Ini sudah bercanggah dengan keputusan Kabinet. Adakah kementerian bercadang untuk tarik balik lesen Lynas ini? Adakah tadi Yang Berhormat Menteri kata bahan kemungkinan akan dikitar semula? Adakah bahan kitaran ini akan digunakan di tempatan atau perlu dieksport ke luar negara? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya yang buat penggulungan perkara itu dan saya ingat benda ini tidak bercanggah langsung. Lynas sebenarnya tidak pernah bercadang untuk menyimpan terus *residue* itu di dalam negara. Akan tetapi *procedures* daripada peringkat antarabangsa, pelesenan ini perlu menyediakan—saya ingat itu Yang Berhormat ada silap kefahaman itu. Perlu menyediakan, dipanggil tempat simpanan tetap ataupun dipanggil PDF tidak salah saya.

Ini adalah syarat semasa kita hendak luluskan betul pun kita adakan syarat itu. Syarat ini perlu ada fasal kita risau, kita tidak mahu guna pun, kita memang tidak mahu guna pun. Akan tetapi sebagai sebuah negara yang mempunyai tenaga kepakaran yang tinggi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, negara kita oleh kerana tadi mengalu-alukan kedatangan banyak mereka yang hadir itu daripada institut pengajian tinggi. Saya hendak maklumkan, kita mempunyai sistem pendidikan yang melahirkan profesional yang sangat hebat. Itu fasal pengawalan kita di Lynas juga sangat hebat. Undang-undang kita sangat hebat hingga kita boleh melahirkan Timbalan Ketua Pengarah Agensi Atom Antarabangsa (IAEA) yang beribu pejabat di Vienna juga adalah profesional dari Malaysia.

Kedua,... [Tepuk] Kita kena mengiktiraf mereka ini. Itu sebab kita telah mengawal, kita telah mengadakan undang-undang yang hebat yang membolehkan Lynas beroperasi sangat selamat di negara ini. Kedua, penasihat khas kepada Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bermula dari hujung tahun ini juga adalah daripada orang Malaysia. Ini profesional yang kita akan lahirkan yang berada di dalam Dewan ini. Saya hendak beritahu, lima orang penyelidik ataupun pakar ataupun penasihat dari dalam bidang atom ini yang di seluruh dunia, datang dari Malaysia.

■1020

Berbalik kepada soalan yang saya katakan tadi, kita mesti lihat ini adalah syarat dalam tol, dia kena membuat satu pusat simpanan tetap yang kita risau oleh sebab banyak sangat, ada 13 kes mahkamah, macam-macam orang kata, sampai ada yang tidur di tepi jalan menghalang perkara-perkara ini, kita risau manalah tahu satu ketika dia lari ke, selain daripada kita ada simpan duit dia USD50 juta, jadi apa kita hendak buat? Itulah yang kita buat simpanan tetap itu hanya untuk kalau perlu berlaku pada masa hadapan. Akan tetapi buat masa sekarang, saya *firmed*, Kabinet *firmed* semua produk ini perlu dikeluarkan daripada negara ini. Terima kasih.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapati *technology rare earth* ini amat penting kerana Malaysia antara negara mempunyai deposit yang banyak dalam *rare earth* ini. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah kerajaan supaya isu ini tidak dipolitikkan supaya jangan sampai gagal. Jadi kerana teknologi ini perlu dipelajari dan amat penting untuk menjadi sebuah negara maju. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Tidak ada soalan?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Langkah-langkah supaya tidak dipolitikkan.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Yang Berhormat Merbok, tadi saya katakan, sebenarnya selama tiga hingga empat hari ini, kita berbincang melahirkan tenaga profesional Malaysia. Kita hendak peruntukan yang banyak untuk membolehkan kita melahirkan tenaga profesional kita yang hebat, kita hendak kemudahan itu dan ini. Semua telah disediakan oleh kerajaan. Mengapa kita melakukan perkara ini adalah untuk menghasilkan profesional Malaysia yang hebat.

Jadi apabila kita meminta tenaga profesional kita membuat satu penilaian projek-projek yang begitu kritikal yang boleh mendatangkan banyak manfaat kepada negara, profesional kita ini sudah pun memberikan maklumat bahawa ia selamat, itu okey dan berdasarkan kepada undang-undang tetapi kita tidak mahu dengar apa yang mereka katakan. Kita masih lagi menggunakan pendapat itu dan ini. Jadi ini tidak mengiktiraf kepada – setelah saya memegang jawatan ini, saya tengok langkah-langkah apa yang kita telah buat, kita telah mengadakan peruntukan undang-undang yang baik, kita telah mempunyai jabatan untuk mengawasi benda ini dengan baik. Jadi kita tidak perlu ragu, kita mempunyai kepakaran serta sistem perundangan dan undang-undang yang baik untuk mengawal perkara ini pada masa akan datang.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak memperbetulkan Yang Berhormat Merbok. Saya rasa Yang Berhormat Merbok tersilap soalan Tuan Yang di-Pertua. Dia kata Malaysia ini pengeluar yang terbesar dari segi *rare earth*. Sebenarnya tidak ada *rare earth* di Malaysia yang dikeluarkan ini...

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Bukan pengeluar, pendeposit. Kita mempunyai deposit...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tidak ada, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Tidak mengapa Yang Berhormat Merbok.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Untuk makluman Yang Berhormat Merbok, saya main dengan *engineer*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota, teruskan kepada soalan. Ada soalan?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Soalnya Tuan Yang di-Pertua, sedar tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawasanya PDF yang dijanjikan dalam perjanjian di antara Lynas dengan kerajaan hendaklah menyediakan PDF, tempat pelupusan sisa yang tetap pada 10 bulan setelah perjanjian itu dilakukan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi 10 bulan itu sudah mati dan luput pada 2 Julai yang lalu dan sehingga hari ini Menteri gagal hendak memaklumkan kepada kita sama ada Lynas telah pun menyediakan PDF itu. Kalau ia sudah ada disediakan senarai, namakan, beritahu kita, ini kan rahsia, rahsia.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, tahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri pakar mana ini? Ingat tidak semasa peristiwa Bukit Merah. Pakarlah yang mengatakan selamat tetapi 10 tahun, 20 tahun kemudian berapa ramai yang mati, berapa janin yang lahir menjadi cacat hasil dari kilang *rare earth* di Bukit Merah?

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Termasuk pakar PAS pun ini.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya ingat wakil Yang Berhormat Indera Mahkota silap, saya ingat baca balik. Saya ingat Yang Berhormat silap. Apa yang dikatakan 10 bulan itu bukan menyediakan, saya ada rekodnya. Bukan menyediakan tetapi membuat cadangan untuk penilaian.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Adakah cadangan itu?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ya, ya cadangan itu sudah pun dibagi kita, perkara ini dalam proses penilaian yang diterima...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Di mana?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya sudah beritahu hari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya sudah beritahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Bagi peluang...

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Semasa penggulungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya ingat Yang Berhormat kena tengok baca semula. Dia kata dalam masa 10 bulan...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Engineer* itu.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Perlu dihantar satu cadangan untuk penilaian dan ini telah pun dihantar...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Di mana?

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Dan telah pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota, tidak boleh macam ini. Tidak boleh macam ini Yang Berhormat Indera Mahkota. Duduk, duduk Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya hendak jawab benda ini ada pada kita. Kita terima sehari sebelum itu dan proses penilaian sedang dibuat. Ini yang kita janjikan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ya, saya ingat – tidak payah, tidak payah.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Peraturan tidak boleh banyak kali dalam satu soalan. Satu soalan sahaja.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Duduk, saya ingat...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: ...Satu hari sebelum.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Yang Berhormat kena baca.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Menteri yang sama jawab dalam Dewan ini... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota. *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Yang Berhormat, dia perlu bagi dalam masa 10 bulan, cadangan untuk dinilai. Ini *clear* dan kita menerima *less* dengan 10 bulan

dan dalam proses penilaian. Ini saya hendak kata *firm*. Kedua, yang saya kata yang mengatakan di Bukit Merah itu juga tidak benar. Kalau Yang Berhormat hendak apa yang berlaku mati, kita akan memberikan laporan bertulis dan juga laporan kepada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah usahawan atau bakal usahawan di negeri Sabah yang telah menerima manfaat dari Permodalan Usahawan Bumiputera Berhad melalui beberapa programnya seperti Skim Prosper Pemborong, Prosper Runcit, Prosper Siswazah, Francise, Teraju dan sebagainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 248 orang dari negeri Sabah telah pun menerima manfaat daripada pelbagai skim-skim dan program-program yang dianjurkan oleh PUNB. Ini termasuklah Skim Prosper Pemborong seramai 11 orang, Prosper Runcit seramai 114 orang, Program Siswazah Perantis seramai 109 orang, Prosper Usahawan Muda seramai 10 orang dan Skim Pembuatan, Kejuruteraan dan Servis seramai 4 orang.

Selain daripada itu, terdapat 8 orang lagi yang telah mengambil bahagian dalam Program Pembangunan Francais yang telah dianjurkan di bawah KPDNKK dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, sedap kita dengar jawapan tetapi saya daripada Sabah belum ada mendengar terdapat 248 orang yang sudah dibina di Sabah. Jadi kalau begitu, mungkin saya minta kalau tidak ada sekarang, senarai nama-nama 248 orang supaya kita boleh dedahkan di Sabah bahawa orang-orang ini sudah dibantu oleh kerajaan. Ini kerana kalau tidak, orang tidak akan tahu. Minta senarai nama-nama 248 orang itu. Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Ini soal TERAJU. Saya ingin tahu sama ada TERAJU ini sudah begitu beroperasi di Sabah dan bagaimana cara pelaksanaannya. Jika sekiranya ia bekerjasama dengan dewan-dewan perniagaan bumiputera yang ada, saya ingin tahu apakah program-program yang telah dilaksanakan bersama dengan dewan-dewan perniagaan jika sudah dimulakan. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. *Insyallah* nanti kita cuba berikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya sila Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah pun membuka sebuah pejabat TERAJU di koridor di Sabah yang telah dibuka pada 5 Jun 2012. Ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian TERAJU di negeri Sabah. Setakat ini kita telah mengenal pasti 10 buah syarikat dari Sabah yang telah diiktiraf sebagai syarikat teras. Manakala kita juga telah pun memberikan kelulusan dana mudah cara ataupun *facilitation fund*, dengan izin, di Koridor Pembangunan Sabah berjumlah RM9.2 juta. Memang kita masih banyak lagi yang perlu dilakukan dan ini termasuklah dengan kerjasama pelbagai kumpulan peniaga-peniaga di Sabah. Terima kasih.

■1030

4. **Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan statistik terperinci peserta program TalentCorp bagi tahun 2011, 2012, 2013 mengikut umur, jantina, bangsa dan negara. Berapakah kos operasi TalentCorp dan berapakah peruntukan kerajaan yang diberikan untuk tahun 2011, 2012 dan 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Tuan Yang di-Pertua setakat ini TalentCorp telah pun menjalankan pelbagai program untuk menarik tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia dan juga untuk memanfaatkan takungan modal insan berkemahiran tinggi dalam negara agar terus mapan.

Saya percaya soalan Yang Berhormat Kluang telah pun merujuk kepada Program Kepulangan Pakar ataupun *Returning Experts Programme* yang telah bermula sejak tahun 2011. Program ini sebenarnya telah berjaya, sehingga kini kita telah meluluskan permohonan seramai 2,105 orang setakat Jun 2013. Ini termasuklah 680 orang tahun 2011, 923 orang tahun 2012 dan 502 orang sehingga Jun 2013.

Dari segi profil permohonan ini, dari segi umur hampir kesemuanya berumur lebih daripada 30 tahun memandangkan keperluan bekerja lebih daripada enam tahun di luar negara. Dari segi profil jantina kira-kira 75% dari kaum lelaki dan 25% adalah perempuan. Dari segi profil bangsa 60% dari kaum Cina, 30% kaum bumiputera dan 10% daripada kaum India dan lain-lain.

Dari segi negara-negara dari mana mereka ini bekerja, 10 negara utama ialah Singapura, United Kingdom, negara China, Australia, Amerika Syarikat, UAE, Qatar, Arab Saudi, Hong Kong dan juga Ireland. Dari segi soalan berkenaan dengan peruntukan, TalentCorp telah menerima geran pelancaran berjumlah RM30 juta untuk tahun 2011, untuk tahun 2012 sebanyak RM20 juta dan RM15 juta untuk tahun 2013. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah apakah perbezaan di antara program TalentCorp dengan *Brain Gain Programme* di bawah mantan Perdana Menteri dan juga apa pencapaiannya. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri ialah peruntukan ialah RM30 juta untuk tahun 2011 dan RM20 juta untuk tahun lepas. Tahun ini peruntukan berapa dan kalau dibandingkan dengan pencapaian seorang yang dibawa balik (*returning expert*) berapa kosnya untuk tiap-tiap orang yang dibawa balik. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Dari segi apa perbezaan antara program TalentCorp ini dengan *Brain Gain*, saya minta maaf kerana saya tidak berapa *familiar* dengan izin, dengan program *Brain Gain* yang telah dilaksanakan. Akan tetapi kalau ikutkan program yang kita adakan sekarang ini memang bagi saya amat efektif. Berdasarkan kepada jumlah 2,105 orang yang telah mendapat manfaat dalam jangka masa dua setengah tahun yang terkini.

Dari segi jumlah peruntukan yang telah diberikan, yang saya katakan tadi tahun 2013 ialah RM15 juta. Kalau kita hendak ikutkan kira, maknanya kalau jumlah yang dibelanjakan untuk setiap peserta ini kita tidak boleh bagi terus RM15 juta bagi pada 502 orang kerana TalentCorp bukan hanya ada satu program akan tetapi kita mempunyai banyak program yang lain. Akan tetapi secara amnya bagi saya dengan izin, *it's money well spent*. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan memang baik. Akan tetapi untuk soalan tambahan Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah mukadimah, terus sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebagai satu negara yang membangun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hari-hari keluar TV. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Dan kita ada visi untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan negara maju. Jadi persoalannya profil-profil rakyat kita yang berada di luar negara, apakah kepakaran, kemahiran yang diperlukan yang dipentingkan oleh kerajaan kita. Kalau negara maju seperti Amerika, *Europe*, Australia dan China mengambil kepakaran-kepakaran dan kemahiran-kemahiran orang bukan warganya, apa salahnya kalau negara kita juga berbuat demikian. Kita ambil kepakaran-kepakaran dari luar negara, bekerja di negara kita kerana kalau rakyat kita yang enggan balik sini mahu gaji yang besar, mahu keuntungan yang besar tidak perlu. Kita boleh juga lantik pakar-pakar yang bukan warganegara kita untuk membuat satu *transfer technology* untuk kita. Saya minta pendapat daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ngam itu. Orang kawasan sudah tengok. *[Ketawa]* Sila.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua kita sebenarnya memang mengambil kira keperluan kemahiran daripada semua sumber. Akan tetapi yang kita pentingkan ialah untuk *prioritize* kan dengan izin, kita utamakan kemahiran-kemahiran yang terdapat di kalangan rakyat kita sendiri sama ada di dalam negeri, di dalam negara ataupun yang berada di luar negara. Akan tetapi memang kalau ada kepakaran yang tidak dimiliki oleh rakyat Malaysia memang kita boleh import kemahiran-kemahiran ini, pakar-pakar tersebut dari luar negara.

Dari segi kemahiran-kemahiran yang diperlukan bergantung. Banyak pakar perubatan yang kita telah bawa balik, juga pakar-pakar dari industri *oil and gas*. Sebagai contoh antara program-program yang telah berjaya kita laksanakan ialah kita telah dapat membawa balik pakar-pakar seperti Pengerusi Shell iaitu saudara Ian Lo, juga Rhoda Yap daripada British India dan juga CEO Malakoff iaitu saudara Zainal Abidin Jalil.

Jadi ramai anak-anak Malaysia yang dulunya bekerja di luar sana yang mempunyai kepakaran tertentu yang kita boleh bawa mereka balik dan menyumbang kepada ekonomi negara. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri mengikut daripada statistik Yang Berhormat Menteri sebut tadi sepanjang tiga tahun kita telah berjaya membawa balik hampir 2,005 orang pakar dari luar negara yang mereka ini ialah rakyat Malaysia. Soalan saya ialah saya hendak tahu berapa ramai di antara mereka ini masih kekal ataupun mereka sudah kembali balik ke negara-negara yang pada asalnya kita ambil mereka.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mempunyai keperluan supaya mereka yang balik ke Malaysia ini perlu bekerja selama sekurang-kurangnya lima tahun. Maknanya *they have to serve at least five years*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kebanyakan mereka ini masih lagi di Malaysia kecuali kita juga membenarkan sekiranya mereka perlu keluar balik untuk menjalani kursus-kursus yang tertentu, jadi dengan kelulusan kita benarkan mereka berbuat begitu. Terima kasih.

5. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan jumlah perbelanjaan kementerian dalam menyediakan subsidi barangan keperluan pengguna berikutan penyeragaman harga beberapa barangan keperluan terpilih antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamuallaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan sahabat saya dari Sipitang, pada tahun ini kerajaan telah melaksanakan penyeragaman harga bagi gula, tepung gandum, kegunaan am, minyak masak, produk Kedai Rakyat 1Malaysia, produk Coop1Malaysia dan produk FAMA. Program penyeragaman ini juga dikenali sebagai 1Malaysia, 1Harga.

■1040

Penyeragaman ini harga barang tersebut dilaksanakan secara berperingkat iaitu pada 1 Februari 2013 bagi gula dan tepung gandum kegunaan am. Manakala 1 Mac 2013 bagi produk 1Malaysia, Kedai Rakyat dan juga produk Coop1Malaysia dan produk FAMA dan minyak masak. Penyeragaman harga tersebut memberi faedah besar kepada rakyat di Sabah dan Sarawak termasuk Labuan kerana harga barangan keperluan boleh dibeli pada harga yang sama dengan Semenanjung. Ini dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat di Sabah, Sarawak dan Labuan dan merupakan satu manfaat yang amat besar kepada rakyat di Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Ianya juga selaras dengan konsep 1Malaysia yang diterajui oleh kepimpinan negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyeragaman harga bagi gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak, produk 1Malaysia, Kedai Rakyat, produk Coop1Malaysia dan produk FAMA melibatkan peruntukan kewangan keseluruhannya sebanyak RM385.7 juta. Terima kasih.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah bersungguh-sungguh untuk memastikan rakyat Sabah dan Sarawak menikmati harga barangan yang sama dengan Semenanjung yang telah pun meletakkan RM385 juta untuk program tersebut. Saya fikir ini perlu ditingkatkan dan tidak cukup lagi.

Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan tentang sambutan pihak peniaga dalam program seumpama ini dan dalam mematuhi arahan-arahan penyeragaman tersebut kerana masih ada harga-harga barang kawalan ini yang tinggi harganya terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman yang jauh, yang memerlukan kos kenderaan seperti di kawasan saya Long Pasia. Tiga jam hingga empat jam setengah baru sampai. Sudah semestinya— ini contoh satu daripadanya. Memerlukan kos yang tinggi sedangkan penumpang daripada Long Pasia ke Sipitang pun *per head* RM25 sebagai contoh. Belum yang lain-lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah itu.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Sejauh manakah pemantauan telah dilakukan dalam harga barangan tersebut supaya kerajaan tidak membazir wang rakyat khususnya dalam usaha untuk membantu golongan marhaen, golongan rakyat terutama sekali luar bandar untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat mengenai dengan sambutan, sambutan begitu menggalakkan dan daripada semasa ke semasa permohonan berterusan dipohon oleh peniaga-peniaga di Sabah termasuklah di Sarawak dan juga di Labuan untuk mengendalikannya barang-barang yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat di kawasan Sabah, kita membuka dan juga memberi kepada gerai-gerai Coop termasuklah agrobazar dan juga kedai KR1M 1Malaysia. Jumlah dari segi sambutan, Coop di Sabah sahaja kita ada 42 buah kedai koperasi dan juga di Sarawak kita ada 29 buah kedai dan di Labuan ada satu dan jumlahnya adalah 72 buah kedai. Di Sabah dari segi kedai agrobazar, kita ada 36 buah agrobazaar di Sabah yang membantu untuk menjayakan program ini dan di Sarawak – 10 buah dan di Labuan – sebuah. Ini termasuklah Kedai Rakyat 1Malaysia.

Jadi, kita yakin dan kita percaya bahawa sambutan walaupun disebut oleh Yang Berhormat di kawasan Putatan masih lagi mengalami harga yang tidak begitu memuaskan, *insya-Allah* kita akan membuat pemantauan. Ini kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai ataupun penguat kuasa kita sentiasa mengadakan pemantauan di seluruh gerai di kawasan yang kita wujudkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Pokok Sena, jangan panjang-panjang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan dakwat kekal ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tahniah kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri hari ini jawab *cool*, elok. Sebab apa? Kelmarin itu bukan *depa ragging* sedikit. *Depa duk* buli kawan-kawan. Sebelah sana pun *duk* buli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ha.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan barangan kawalan keperluan yang disubsidikan oleh kerajaan ini. Ini kerana isu yang timbul sekarang ini ialah bila timbul musim perayaan seperti minyak masak, gula, kita telah pun menghadapi beberapa krisis kekurangan bekalan. Malah, kadang-kadang bukan musim perayaan pun berhadapan dengan krisis tambahan lagi dalam musim perayaan.

Saya ingat pada musim perayaan yang lalu, kita menghadapi krisis kekurangan bekalan padahal kita sudah subsidi, kita sudah subsidi untuk memastikan bahawa harga sama dan sebagainya antara Sabah dan Sarawak dan juga di peringkat Semenanjung, di kawasan pedalaman pun ditanggung kos pengangkutan tersebut. Akan tetapi, turut menghadapi kekurangan bekalan. Saya tidak pasti sama ada kekurangan bekalan ini kerana betul bekalan kurang ataupun kerana ada sorokkan untuk memaksa barangan itu dijual dengan harga yang lebih kepada siap-siapa yang dikehendaki. Jadi, apa langkah-langkah dan tindakan kerajaan untuk memastikan supaya bahawa barangan-barangan yang di subsidi dan yang dikawal ini pasti ada jumlah yang mencukupi pada musim-musim perayaan?

Termasuk juga saya katakan bahawa penyeragaman harga ayam. Ini penyeragaman harga ayam yang saya persoalkan semalam ini ialah kerana disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa awal Ogos. Saya hendak minta esok hari Jumaat mesti ditentukan harga siling ayam. Hari Jumaat esok mesti ditentukan harga siling ayam dan saya minta harga siling ayam itu tidak lebih daripada RM7 sebelum daripada kenaikan mendadak sebelum daripada Ramadan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena ini kita anggap panjang tapi dia anggap pendek. Sila.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pokok Sena semalam pun terlibat juga cuba mengganggu jawapan saya pada hari kelmarin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih bila soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena agak mudah saya bercakap kerana dia pun orang Kedah, saya pun boleh berbahasa Kedah untuk Yang Berhormat memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Mengenai dengan perayaan ataupun kekurangan bekalan, biasalah di mana-mana juga perayaan memang terdapat kenaikan harga barang. Semalam pun Yang Berhormat Pokok Sena sebut mengenai pada tiap-tiap kali perayaan memang berlaku kenaikan harga barang. Sudah berapa puluh kali sudah perayaan, memang itulah sentiasa berlaku kerana diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga di musim-musim perayaan.

Jadi, kekurangan bekalan bukanlah mungkin berlaku juga sorokkan tetapi kita memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan akan memastikan bekalan barangan akan mencukupi di musim perayaan, pada tiap-tiap kali perayaan barang ini akan sentiasa mencukupi.

■1050

Mengenai dengan ayam, Yang Berhormat Pokok Sena sebut mengenai dengan harga ayam. Untuk makluman yang terhormat, yang terhormat Menteri telah pun berjumpa dengan pengeluar barangan gula dan juga minyak masak, termasuklah dengan pengeluar-

pengeluar, pengusaha dan penternak ayam. *Insyah-Allah* pada hari Jumaat Yang Berhormat Menteri akan membuat pengumuman mengenai dengan harga ayam pada hari Jumaat nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Akan tetapi Yang Berhormat sebut yang RM7 itu bergantung pada perbincangan kita dengan pengusaha-pengusaha kerana kita hendak supaya menang-menang di dalam harga ini. Terima kasih.

6. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah hasil siasatan oleh pihak kementerian pada tahun 2009 tentang keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan dan siapakah pihak yang bertanggungjawab atas tragedi keruntuhan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya di bawah peruntukan dana khas Kerajaan Persekutuan.

Projek bernilai RM292.9 juta ini telah disiapkan pada bulan Mei 2008. Walau bagaimanapun pada 2 Jun 2009 sebahagian daripada bumbung utama stadium tersebut telah runtuh dan ia terpaksa ditutup untuk kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan dan juga baik pulih. Berikutan dengan itu, Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan jawatankuasa penyiasatan pada akhir tahun 2009 untuk mengenal pasti punca keruntuhan berkenaan.

Hasil laporan tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Pejabat Peguam Negara pada awal Januari 2010 untuk tindakan susulan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan jawatankuasa itu telah mengenal pasti punca keruntuhan sebahagian bumbung stadium ini telah disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut. Pertama, faktor reka bentuk bumbung yang tidak memadai ataupun *inadequate design*, dengan izin. Kedua, faktor bahan dan kualiti hasil kerja *workmanship* dengan izin, yang tidak mengikuti spesifikasi.

Ketiga, faktor pengawasan dan pengawalan kualiti tidak dilaksanakan di tapak projek. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu masih lagi sedang mengumpulkan lagi bukti-bukti untuk memfailkan saman awam atau *civil suit*, dengan izin, kepada pihak-pihak yang terlibat dengan kecuaiannya pembinaan projek ini. Sekian terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terus soalan tambahan. Seperti kita maklum tidak ramai tahu betapa seriusnya keruntuhan tersebut kerana pada malam pembukaan Sukan SUKMA 2008, seramai 50,000 orang telah membanjiri stadium tersebut dan 20,000 orang telah menduduki di kawasan bawah bumbung yang teklah runtuh. Satu hari selepas daripada keruntuhan itu sepatutnya ada sukan Kerajaan Pusat tetapi *alhamdulillah* telah diselamatkan dengan selisihnya keadaan tersebut.

Soalan saya adalah kenapa setelah begitu lama runtuh bumbung pertama pada tahun 2009, pada tahun 2013 bumbung kedua telah runtuh sekali lagi? Soalan ini amat aneh kerana kita boleh mempelajari daripada keadaan yang telah berlaku sebelum itu. Kalau kita mengenal pasti siapakah pereka bentuk sebenarnya bumbung itu dan kita telah mengenal pasti dan tahu kaedah untuk membuka bumbung kedua yang runtuh. Ini kerana kita tahu dalam bumbung yang pertama, didapati kontraktor itu tidak berdaftar dengan CIDB dan tidak pengalaman dan bumbung kedua yang runtuh juga kontraktornya tidak berdaftar dengan CIDB juga tidak berpengalaman. *[Dewan riuh]*

Jadi, apakah yang telah kita pelajari selepas empat tahun keruntuhan dan di antara dua keruntuhan itu RM40 juta barang-barang mekanikal dan juga genset telah dicuri di bawah kawalan 24 jam *security*. Saya berpendapat bahawasanya ini merupakan masalah teknikal dan juga pengurusan, *human and social problem*. Jadi, soalan saya adalah apakah tindakan untuk kita mengelak peristiwa sedemikian berlaku lagi kalau kita tidak tahu pun siapa perekanya. Ini kerana seperti yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan

kedua berlaku nyaris mengorbankan lima pekerja kerana dia tidak tahu bagaimana hendak membuka bumbung itu. Jadi, kalau kita tahu pereka bentuk asalnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Keadaan itu boleh dielakkan, boleh diselamatkan. *[Disampuk]* Soalan saya, mengelak peristiwa demikian berlaku dan tindakan atas pihak bersalah supaya tragedi yang sama pada projek yang sama dengan kesalahan yang sama tidak berulang. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih yang berhormat Kuala Terengganu di atas soalan tambahan beliau. Tuan yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sebagai agensi teknikal kerajaan sememangnya sentiasa prihatin dan berusaha untuk menambah baik sistem serta amalan semasa dalam industri pembinaan di negara kita. Sehubungan dengan itulah Yang Berhormat, Kementerian pada bulan ini telah menubuhkan pasukan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar industri pembinaan di negara ini.

Jawatankuasa khas ini Yang Berhormat, akan mengkaji semula amalan prosedur semasa industri pembinaan dan juga seterusnya kemukakan syor-syor penambahbaikan kepada kerajaan untuk pertimbangan. Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini diberikan tempoh masa tiga bulan untuk mengumpul ataupun melakukan siasatan, melawat kepada tapak, tempat berlaku insiden.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidakkah terlalu lambat? Sudah berapa tahun, baru hendak tubuhkan jawatankuasa itu. *[Dewan riuh]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Dan jawatankuasa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam! Yang Berhormat Shah Alam pun sudah berapa tahun duduk dalam Dewan, tidak faham-faham lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Faham Tuan Yang di-Pertua, faham. *[Ketawa]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Shah Alam, jika Parlimen adakan kursus taklimat hadirilah. Jadi, belajarlah kembali.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan tidak faham tetapi tidak boleh terima jawapan macam itu Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Mana boleh, sudah berapa tahun?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Jawapan apa yang Yang Berhormat Shah Alam telah terima pun, sepanjang di Dewan ini saya tidak pernah dengar Yang Berhormat Shah Alam boleh terima apa jawapan sekali pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jawapan jawatankuasa baru ditubuhkan selepas lima tahun peristiwa berlaku. Mana boleh, sepatutnya benda ini menjadi satu perkara yang biasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Suara Yang Berhormat Shah Alam pun sudah keluar seluruh negara.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Speaker takut... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: *Political mileage* sudah dapat. Tak apalah. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, jawatankuasa khas pakar tersebut telah bermesyuarat sebanyak dua kali, lawatan tapak serta mengadakan siri sesi penerangan serta perbincangan sepanjang minggu untuk mereka melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Untuk pengetahuan, *interim report* dijangka akan dikemukakan pada

minggu depan kepada Yang Berhormat Menteri dan keseluruhan hasil siasatan ataupun hasil perbincangan ini dijangka diperoleh pertengahan bulan September 2013. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kementerian nyatakan kepada kita semua, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap kontraktor-kontraktor dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam hal menyebabkan keruntuhan atau robohnya sesuatu bangunan seperti mana telah berlaku di Stadium Sultan Mizan. Kita tidak mahu kejadian itu berulang lagi. Bolehkah pihak kementerian nyatakan? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah, walaupun orang baru tetapi lebih beradab berbanding dengan Yang Berhormat Shah Alam tadi. [*Dewan riu*] Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya tindakan perundangan terhadap pihak-pihak yang terlibat dengan insiden kecuaiian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, tidak boleh telefon dalam Dewan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ini boleh diambil menerusi tiga kategori iaitu pertamanya pada aspek keahlian profesional, aspek kontraktual dan juga aspek kawal selia.

■1100

Dari sudut keahlian profesional, terdapat akta-akta yang boleh diguna pakai untuk mendakwa pihak-pihak yang terlibat iaitu Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Pendaftaran Jurujukur Bahan 1967.

Daripada aspek kontraktual pula, ia akan melibatkan pelbagai akta sedia ada termasuklah akta-akta yang boleh digunakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; Akta Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984; Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) 1994; Akta Pengangkutan Jalan 1987; Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1984.

Manakala daripada aspek kawal selia pula, pengawasan serta pemantauan projek terletak di bawah agensi kawal selia projek yang terlibat seperti pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) ataupun CIDB sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah pihak kementerian bercadang untuk menimbang semula supaya dimansuhkan sumbangan 10% dalam kos penyelenggaraan kepada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca selawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, pada masa ini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan masih mengekalkan geran sepadan bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah swasta dengan nisbah 90:10. Sumbangan 10% daripada *management committee*, dengan izin ataupun JMB adalah diperlukan kerana ia merupakan prinsip asas Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Sumbangan ini adalah bagi tujuan untuk menentukan penduduk mempunyai rasa tanggungjawab terhadap penyelenggaraan kawasan perumahan mereka.

Didapati, dengan sumbangan 10% ini, ia dapat disediakan oleh *management committee* (JMB) dan kesannya adalah amat positif:

- (i) untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan penduduk;
- (ii) peningkatan pembayaran yuran penyelenggaraan bangunan strata dan *sinking fund* juga mulai dibayar oleh penduduk; dan
- (iii) peningkatan rasa pemilikan dan tanggungjawab penduduk terhadap bangunan yang dimiliki secara bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya ada dua soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu sahaja soalan.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Satu sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Gabungkan.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Okey, pada tahun 2010, peruntukan sebanyak RM37.2 telah diluluskan yang mana RM20 juta daripada Kerajaan Persekutuan, RM10 juta daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, RM5 juta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan RM2.6 juta daripada swasta. Soalan saya ialah tinggal banyak mana lagi wang yang masih ada sekiranya wang ini untuk bagi maksud penyelenggaraan ini sudah habis? Adakah ia diganti balik? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebutlah 'dan'.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Peruntukan yang telah diberikan ialah RM40 juta. Belanja, RM7.316 juta. Baki ada RM32.683977 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk program TP1M ini, apabila *urbanization* telah dipulangkan semula kepada KPKT. Maka dari 15 Mei, semua persoalan berkenaan dengan program TP1M ini akan diselenggarakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini kerana Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil alih persoalan berkenaan dengan kesejahteraan bandar daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah pun sebut bahawa telah diambil alih oleh KPKT. Itulah sebabnya apabila saya hendak menanyakan soalan ini, saya harap bahawa Yang Berhormat pun boleh menjawab kerana permohonan yang dibuat sebelum ini apabila di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, sungguhpun telah dipohon oleh beberapa rumah pangsa, rumah kos rendah di Pulau Pinang tetapi hanya sehingga sekarang hanya satu sahaja yang diluluskan. Ini sungguhpun pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan jaminan akan menanggung baki 10% yang diperlukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

So, supaya ini adalah satu *win-win situation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebab kita boleh membantu penduduk rumah pangsa apabila mereka tidak mampu untuk mengeluarkan 10% ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk menanggung 10% ini supaya ia dapat dilaksanakan. Sungguhpun jaminan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi sehingga sekarang hanya satu sahaja. Sungguhpun lebih hampir 30 telah pun dipohon untuk rumah pangsa berikut. Bolehkah Yang Berhormat memberikan sebab mengapa kelulusan tidak diberikan untuk tujuan membantu mereka yang berpendapatan rendah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, banyak permohonan yang telah diterima oleh Kementerian Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dahulu. Oleh kerana kekangan-kekangan yang sedang dihadapi, khususnya peruntukan hanya berjumlah RM40 juta, maka kita terpaksa mengagih-agihkan keperluan ini kepada kawasan-kawasan yang mendesak.

Untuk makluman Yang Berhormat, banyak kawasan yang telah kita selesaikan. Saya berkeyakinan dengan diambil alih oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya berkeyakinan mereka akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan bahawa rumah-rumah ataupun rumah-rumah pangsa swasta ini dapat kita selenggarakan dengan sebaiknya demi memastikan bahawa rakyat mendapat kehidupan dengan sejahtera dan lestari.

8. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah substantif kerajaan dalam memastikan peningkatan kadar tenaga buruh wanita dalam pasaran pekerjaan di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ampang di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, berikutan peningkatan tahap pendidikan golongan wanita, kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah meningkat daripada 44.7% pada tahun 1995 kepada 49.5% pada tahun 2012. Bilangan wanita yang bekerja bagi tempoh yang sama juga turut meningkat daripada 2.6 juta pada tahun 1995 kepada 4.6 juta pada tahun 2012. Usaha berterusan untuk memperkasakan wanita telah diberikan tumpuan khas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di antara tahun 2011 sehingga tahun 2015.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita kepada 55% pada tahun 2015. Dalam usaha untuk mencapai sasaran ini, antara inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti 1AZAM yang telah mencatatkan penyertaan sejumlah 106,967 orang di seluruh negara dari tahun 2010 sehingga tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, 70,224 orang atau 65.65% peserta adalah wanita. Kementerian juga bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita. Dari bulan Januari 2010 hingga bulan Disember 2012, kementerian telah berjaya melahirkan 4,300 usahawan wanita.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa dari bulan Januari hingga Disember 2012, Amanah Ikhtiar Malaysia telah melaksanakan 700 program latihan keusahawanan khusus bagi wanita dan jumlah peserta yang telah mengikuti program ini ialah seramai 24,994 orang. Bagi tempoh bulan Januari 2009 hingga bulan Januari 2013, Amanah Ikhtiar Malaysia juga telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM5.42 bilion kepada 131,943 orang sahabat wanita untuk membiayai kegiatan ekonomi mereka. Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) juga telah dirangka bagi membantu 50,000 orang usahawan kecil terutamanya wanita bagi melonjakkan perniagaan mereka secara *online* dengan geran RM1,000 melalui peruntukan daripada SKMM.

■1110

Sehingga kini 952 orang wanita telah menerima peruntukan ini. SME Corp juga turut menyediakan pembiayaan khas ataupun *soft loan* kepada usahawan wanita yang menceburi perusahaan kecil dan sederhana. Daripada Disember 2001 hingga Disember 2012, sebanyak 76 syarikat milik wanita telah menerima pembiayaan tersebut. Selain itu ada juga program yang dilaksanakan iaitu *enrichment* dan *enhancement* dan Program Business Accelerators. Pada tahun 2012 sebanyak 27 syarikat milik wanita telah menerima manfaat daripada program tersebut.

Kerajaan juga memperkenalkan tiga waktu kerja berperingkat semenjak tahun 2007 untuk sektor perkhidmatan awam. Selain itu bagi sektor awam bagi mengekalkan wanita dalam pendidikan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita bekerjasama dengan Talent Corporation Malaysia untuk mengadakan program bagi mengenal pasti peluang pekerjaan yang wujud di syarikat-syarikat swasta yang menawarkan aturan kerja anjal yang sesuai kepada wanita profesional yang berhasrat untuk kembali bekerja.

Satu laman mikro yang dinamakan Talent Wanita telah diwujudkan yang dipaut kepada portal rasmi Jabatan Pembangunan Wanita. Di mana profil profesional wanita yang berhasrat untuk kembali bekerja akan dikumpulkan menerusi permohonan secara atas talian ataupun *online*.

Portal Talian Wanita telah dijenamakan semula kepada flexWorkLife.my yang telah dilancarkan pada 8 Julai 2013 baru-baru ini. Portal ini dijangka menyumbang ke arah usaha mengekalkan wanita dalam pasaran kerja. Untuk memastikan sokongan yang kuat diberikan kepada wanita yang bekerja dan terus bekerja dan institusi keluarga pusat jagaan kanak-kanak adalah penting. Oleh kerana itu adalah menjadi perjuangan kementerian ini supaya lebih banyak taman asuhan kanak-kanak (taska) dibuka khususnya di tempat kerja. Bagi membolehkan lebih ramai lagi wanita memasuki pasaran pekerjaan. Bagi menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja di sektor awam kerajaan telah menambah geran pelancaran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam daripada 50,000 kepada 80,000 mulai tahun 2007.

Seterusnya dalam Bajet 2010, kerajaan telah meningkatkan geran pelancaran penubuhan taska daripada 80,000 kepada 200,000. Bagi penjawat awam Tuan Yang di-Pertua kerajaan memberi subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan. Kerajaan juga menyediakan insentif sejak tahun 1994 bagi menggalakkan sektor swasta membuka taska di tempat kerja yang membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak layak diberikan elaun bangunan perindustrian selama sepuluh tahun. Melalui Bajet 2013 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan insentif baru kepada para pengusaha taska swasta itu geran pelancaran RM10,000 kepada penyedia taska untuk membantu mereka membuka taska. Ini dianggarkan 1,000 taska akan mendapat manfaat daripada insentif ini.

Kedua, potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberi kepada pekerja dan juga perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan yang akan diberikan kepada majikan. Ketiga, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Habis sudah. Pengenalan insentif tersebut telah menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja. Hingga Mei 2013 saya ingin maklumkan sebanyak 80 taska di tempat kerja sektor awam dan 27 taska di tempat kerja sektor swasta telah pun berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua saya sudah jangkakan jawapan yang meleret-leret yang menceritakan tentang angka. Jadi itulah jawapan yang tipikal yang kita dapat daripada Kementerian Wanita. Kalau soalan kasi *all figures*.

Akan tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua angka itu adalah berbentuk kuantiti tetapi dari segi kualiti kita masih boleh mempersoalkan dari segi sasarnya dan sebagainya. Jadi apa yang saya hendak minta Menteri juga menjelaskan di sini bahawa dalam untuk mencapai 55% tenaga kerja wanita di negara ini sistem sokongan yang kuat mesti ada seperti yang disebut antaranya disebutkan taska dan sebagainya. Akan tetapi undang-undang syariah juga harus memartabatkan wanita. Undang-undang diskriminasi wanita mengandung bekerja dan sebagainya juga harus ditangani.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya soalan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi soalnya Tuan Yang di-Pertua ialah pada tahun 2005 wakil UNDP Dr. Richard Latte mengatakan bahawa di antara satu faktor yang penting untuk mencapai sasaran penglibatan wanita di dalam negara adalah gender *responsive budgeting*. Ini yang mana negara ini di bawah Yang Berhormat Rompin dahulu beria-ia macam hangat-hangat tahi ayam hendak buat gender *responsive programmed* untuk memberi penjelasan kepada kementerian tetapi setakat ini gagal. Hanya lima kementerian yang telah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini meleret-leret.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 41.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak kena fahamkan kerana sebelah sana...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Biarlah dia hendak masuk TV.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak gender sensitif dan tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan, soalan Yang Berhormat Ampang terus soalan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak berapa faham dengan *gender responsive budget*. Jadi oleh itu saya ingin bertanya kepada kementerian ada lima *focal point* apakah hasilnya? Adakah kementerian akan juga melaksanakan program ini ke semua kementerian yang lain yang tidak faham apa itu *gender responsive budgeting*, yang tidak faham apa itu *gender sensitivition*. Keduanya, saya tahu kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan, soalan Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Soalannya saya amat berbangga kementerian selalu menyebut kita punya Gabenor adalah seorang wanita Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ini bukan bahas.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Akan tetapi adakah kementerian memanfaatkan beliau agar beliau dapat melaksanakan dasar-dasar wanita di negara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Presiden PKR pun tidak ada kuasa.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Tadi kata dekat orang panjang. Hoi! Berhentilah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Agar ia menjadi ikon kepada wanita untuk membudayakan wanita dalam negara ini. Ikon-ikon ini harus dimartabatkan untuk memartabatkan wanita so, wanita akan berjaya, akan membawa gelombang wanita di negara ini...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ceramah, ini ceramah!

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Untuk meningkatkan martabat kita kerana 50% penduduk kita adalah wanita sudah tiba masanya yang ada di sini memperjuangkan, memberikan mereka kedudukan yang lebih elok di...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Ampang, cukup, cukup, cukup.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang bukan Menteri lagi ya. Tunggu Menteri jawab dahulu.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ceramahlah kita dengar hari ini terima kasihlah Yang Berhormat daripada Ampang atas ceramah itu. Sesungguhnya memang kerajaan kita Barisan Nasional ini memperjuangkan hak wanita. Kita tidak berhenti-henti memperjuangkan.

Kementerian ini pun tidak berhenti-henti memperjuangkan hak wanita ini. Memang kita telah kata 55% ini kita akan dapat. Kalau Yang Berhormat tadi kata mempersoalkan kualiti tetapi Yang Berhormat juga mengakui bahawa Dr. Zeti Akhtar Aziz itu cukup tinggi kualitinya, dihormati di seluruh dunia bukan sahaja di negara kita Malaysia. Jadi ertinya kerja kita yang kita buat di Malaysia ini telah melahirkan wanita yang berkualiti termasuk

Yang Berhormatlah agaknya. [Tepuk] Jadi tentang gender sensitif, *gender budgeting* semua itu kita ada jawatankuasa di peringkat kementerian.

Kita juga telah mengadakan *focal point* di kementerian-kementerian. Ini kerja kita buat secara berterusan Yang Berhormat. Itu sebab kita ada sasaran 55% *by the year 2015* kita ada sasaran. Sasaran ini akan kita capai *insya-Allah*. Jadi untuk tujuan memberikan lagi gender *sensitizing* kepada rakan-rakan yang lain Yang Berhormat pun boleh main peranan di kalangan kawan-kawan Yang Berhormat yang ramainya kaum Adam itulah. Kita di sini pun yang sama kita buat untuk semua orang *insya-Allah*. Jadi, jangan bimbang Yang Berhormat kualiti kita akan capai, kuantiti juga kita akan capai. Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang baru boleh bertanya. Sila.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu tadi kerana sudah banyak kali berdiri tidak dapat. Yang Berhormat Menteri saya hendak mencadangkan supaya kita ini tidaklah seperti kata Yang Berhormat Ampang kita tidak gender sensitif. Di kawasan ini rasanya tidak ada yang bersetujukan kita semua?

■1120

Soalan saya ialah dalam usaha untuk kita hendak menggalakkan wanita ke prasarana pekerjaan ini, dua akta atau pun *regulation* yang perlu dijadikan *champion* oleh kementerian ialah *part time regulation* ini. Ini kerana kita melihat, banyak di kalangan syarikat-syarikat swasta yang tidak mengambil inisiatif untuk menggajikan wanita secara *part time*. Jadi, mengapa tidak Kementerian Wanita yang menjaga wanita menjadi *champion* untuk menggalakkan dua hala kepada majikan agar mengambil pekerja wanita secara sambilan dan juga menyediakan portal khas untuk yang ingin bekerja, berdaftar di bawah Kementerian Wanita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cadangan Yang Berhormat Menteri. Ambil perhatian.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Begitulah. Kita suka, cadangan yang baik, yang bernas. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. Memang kita sudah ada pun portal itu dan kita jangka ini akan membantu kita membawa ramai wanita dalam alam pekerjaan, *insya-Allah* di sektor swasta.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari SMJK Yoke Kwan dari Parlimen Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan.

9. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta Perdana Menteri menyatakan jaminan, persoalan haluan kerja anggota PDRM berpangkat inspektor hingga DSP ini akan diterima pakai oleh JPA kerana sehingga hari ini banyak tuntutan ditolak oleh JPA. Bolehkah pihak JPA memberi alasan penolakan tersebut berserta alasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menambah baik skim perkhidmatan awam. Salah satu usaha adalah untuk melalui menentukan haluan kerjaya penjawat awam agar dapat merealisasikan agenda transformasi negara.

Bagi Skim Perkhidmatan PDRM, kerajaan telah meluluskan perubahan skim perkhidmatan pegawai kanan polis yang antaranya meliputi peringkat kelayakan masuk pangkat inspektor. Perubahan skim ini meletakkan inspektor dalam kumpulan pengurusan dan profesional. Penambah baikkan skim perkhidmatan pegawai kanan polis juga memperuntukkan kelayakan masuk pelbagai penggabungan pangkat serta perubahan grad jawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sekarang sedang menimbang cadangan penambahbaikan kemajuan kerjaya pegawai perkhidmatan awam secara

keseluruhan. Cadangan ini turut mengambil kira cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan dan laluan kerjaya PDRM termasuk laluan kerjaya bagi anggota PDRM yang berpangkat inspektor hingga *Deputy Superintendent Police* (DSP).

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu menangani gejala jenayah ini adalah perkara yang menjadi harapan rakyat di seluruh negara. Rata-rata anggota polis yang saya temui terutamanya di Parlimen Kuala Selangor mengatakan kekuatan mereka tidak mencukupi dalam menangani permasalahan jenayah kerana kekurangan tenaga anggota yang mencukupi. Ini adalah kerana kepadatan penduduk yang semakin meningkat.

Soalan saya, apakah langkah-langkah JPA dalam membuat *fast track* dalam usaha penambahan anggota PDRM serta kenaikan pangkat anggota polis di seluruh negara terutamanya dalam jabatan-jabatan yang kritikal seperti Jabatan Siasatan Jenayah. Bagaimanakah proses kenaikan pangkat ini boleh di isi dalam memberikan semangat dan insentif dalam memberikan galakan kepada tahap profesionalisme anggota PDRM. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang lain saya jawab bertulis tetapi saya hendak beritahu tentang proses kenaikan pangkat inspektor itu yang akan memberi laluan yang cepat untuk kita rekrut pegawai-pegawai kanan polis. Yang Berhormat Pokok Sena, dahulu inspektor kita ambil yang bukan ijazah dan ASP kita ambil ijazah. ASP yang pertama yang berijazah itu adalah Ketua Polis Dahulu, Tun Hanif. Itu sebab dia jadi Ketua Polis yang paling lama dalam dunia kerana dia berijazah di umur 33 tahun.

Sekarang ini, inspektor pakai ijazah. Jadi, ASP tidak diambil lagi. Sekarang inspektor yang berijazah ini akan diambil dan apabila dia naik pangkat, dia naik pangkat ASP. Akan tetapi inspektor yang bukan ijazah masih diambil untuk tujuan kenaikan pangkat. Makna kata, mereka daripada peringkat bawah, koperal, sarjan. Jadi, dia diambil untuk kursus *direct*. Jadi, maknanya dia inspektor juga, bukan ijazah tetapi diambil untuk inspektor. Pengambilan begini akan mempercepatkan pengambilan pegawai-pegawai kanan. Apabila pegawai kanan yang boleh diambil dengan ramai, sekali gus kita boleh dapat merekrut anggota polis yang lain.

Cadangan polis simpanan itu agar dapat diperluaskan, saya rasa itu yang sewajarnya patut kita bagi perhatian dan ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berkongsi kekusaran Yang Berhormat Kuala Selangor tadi tentang kenaikan jenayah di negara kita termasuklah di kawasan saya sendiri di Bukit Mertajam. Saya juga ingin mengucapkan terima kasihlah kepada polis yang memang bertungkus-lumus. Ini kerana selama ini mereka memang kekurangan sumber disebabkan faktor-faktor tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Soalan saya ialah salah satu faktor kenaikan jenayah dan ketidakcekapan adalah kerana campur tangan politik dalam operasi polis. Yang ini diakui sendiri oleh mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan. Jadi, soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan bebas, contohnya IPCMC yang akan juga bertanggungjawab terhadap kenaikan pangkat polis supaya kenaikan pangkat dalam pasukan polis tidak dipengaruhi oleh pengaruh politik. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat bahawa tugas JPA. Saya ini JPA hari ini. Tugas JPA ialah menambah jawatan dan juga jawatan yang berpangkat tadi. Akan tetapi tugas untuk membuat *recruitment* ialah polis, PDRM.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PDRM menaikkan pangkat dan juga mengambil rekrut yang baru. Jadi, tugas JPA untuk bagi. Jadi, bagi JPA, kita tidak ada masalah kalau ada permohonan daripada pihak PDRM untuk dipertimbangkan jawatan-jawatan yang telah disebutkan tadi.

Jawatan-jawatan kritikal dibagi keutamaan. Soal perkataan campur tangan orang politik dan sebagainya, saya percaya campur tangan bukan dalam bentuk *direct*. Kalau ada kes-kes, satu dua kes, ia bukan melibatkan SPRM secara keseluruhan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang ini didakwa oleh mantan Ketua Polis Negara. Dia kata campur tangan termasuk daripada Menteri Kabinet.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey. Saya jawab habis *sat gi*, lepas itu baru bangun. Biar beradab sedikit ya. Okey, yang pertama sekali kalau sekiranya kita kata campur tangan, kadang-kadang kita hendak minta tolong polis, DAP pun minta tolong. PKR pun minta tolong, PAS pun minta tolong. Minta tolong hendak tanya. Jadi, kita minta tolong hendak tanya sesuatu perkara. Adik-beradiklah, kena tangkap pasal daun ketumkah dan sebagainya. Kita hendak tanya apa peraturan yang membolehkan supaya mereka itu dikeluarkan atau pun lain-lain tindakan yang akan diambil. Itu bukan campur tangan.

Sementelahan kita orang politik, kita minta tolong semua jabatan. Adakah DAP yang banyak dapat maklumat pada hari ini, maklumat daripada jabatan kerajaan itu, apakah itu bukan campur tangan? Banyak maklumat yang tidak mungkin DAP boleh dapat dan baca di sini kecuali Menteri dan juga pegawai itu. Akan tetapi maklumat itu bocor sebab padahal kalau hendak kira empat orang sahaja. Di mana dalam empat orang ini yang membocorkan rahsia? Itulah campur tangan yang paling bahaya dalam dunia.

Akan tetapi, telahan bekas Ketua Polis Negara, dia kata campur tangan, dia bukan Ketua Polis lagi masa dia cakup. Kalau dia cakup semasa dia Ketua Polis, itu boleh kita terima. Akan tetapi apabila sudah berhenti jadi Ketua Polis, kita tidak boleh terima. Macam Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut ini bekas *admiral*, bekas tentera laut. Dia cakap apa pun pasal tentera laut, dia cakap berdasarkan pengalaman dia. Akan tetapi hendak katakan tugas dia, kerjanya yang dia campur tangan, dia tidak boleh. Jadi, tidak boleh kalau mana-mana anggota kerajaan hendak kata campur tangan politik, dia ada salurannya yang boleh dimaklumkan. Kita orang politik ini bukan ada apa. Kita hendak bagi perkhidmatan kepada rakyat, kita hendak cari ihsan yang saya sebutkan semalam iaitu semoga Allah Taala merahmati perbuatan kita.

Bukan dalam bentuk yang ada sekarang. Saya harap PAS tolong bagi maklumat betapa kita ini bukan kita hendak mengejarkan dunia itu sangat, kita hendak cari juga akhirat. Akan tetapi PAS kata telah pun maklum kepada DAP dan sebagainya tentang Islam yang sebenarnya tetapi nampaknya mereka tidak faham. *Dok* syak wasangka sampai sekarang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO pun tidak faham-faham.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Ahli Yang Berhormat, belum lagi saya sebut apa-apa. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan Lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■1130

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) yang menyatakan mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Selasa, 16 Julai 2013, kira-kira jam 3.25 petang di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Ahli Parlimen Pandan ketika mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013, telah mengeluarkan kenyataan yang mendakwa bahawa Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai kaitan dengan individu yang bernama Mohamed Salleh bin Mohamed Ali yang memiliki syarikat yang dikatakan membekalkan dakwat kekal pada pilihan raya ke-13 yang lalu.

Saya baca kenyataan Yang Berhormat Pandan seperti yang dipetik dalam *Hansard*, "*Maknanya Mohamed Salleh bin Mohamed Ali ini adalah seorang yang pakar. Dia*

pakar perundingan terus dengan kerajaan, dakwat dia dapat, pertahanan dia dapat, general trading kerajaan semua dia dapat. Ini kerana dia diberitakan rapat dengan pimpinan-pimpinan kerajaan termasuklah juga dengan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR". Kenyataan ini telah dimuat naik ke YouTube dan ditonton hampir 80,000 orang setakat semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini telah mendapat penafian balas daripada Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof yang telah menafikan kaitan dengan Mohamed Salleh dalam kenyataan kepada pemberita Elizabeth Zakaria daripada *Malaysian Insider* pada hari semalam 17 Julai 2013. Dalam maklum balas tersebut, Tan Sri Pengerusi SPR mengatakan beliau dan timbalan tidak mencampuri urusan pembelian dakwat kekal yang diuruskan oleh pihak urus setia Suruhanjaya Pilihan Raya. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dakwaan Yang Berhormat Pandan ini boleh dilihat mengelirukan Dewan dan boleh sekali gus dianggap menghina Dewan yang mulia ini. Saya juga - sebentar dahulu. Saya berdiri di atas peraturan mesyuarat.

Saya juga berpendapat bahawa Yang Berhormat Pandan telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12) dan wajar dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan tersebut. Sekiranya ini berlaku, ia membolehkan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR yang tidak hadir, yang tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjawab dakwaan tersebut boleh dipanggil oleh Jawatankuasa bagi mempertahankan diri dan menjawab tohmahan tersebut. Sekiranya Yang Berhormat Pandan ini dirujuk, maka ini semua akan memberi keadilan yang lebih. Ini kerana bila mana suatu benda didakwa ia perlu pembuktian. Nabi pun sebut, *[Berucap dalam bahasa Arab] "Orang yang memberi dakwaan perlu datang dengan bukti"*.

Maka sebab itulah saya akan mengemukakan satu usul kepada Tuan Yang di-Pertua untuk merujuk Yang Berhormat Pandan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya pohon untuk mendapat *ruling* Tuan Yang di-Pertua bagi membolehkan usul saya dibahaskan dalam sesi Dewan Rakyat yang akan datang memandangkan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas akan ditangguhkan pada hari ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat, hari ini saya dapat notis usul seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi. Saya baca dengan teliti. Selepas itu saya baca juga kepada laporan yang tercatat dalam *Hansard*. Begini Yang Berhormat, untuk merujuk seseorang itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12), ada tiga perkara yang perlu dipenuhi dahulu, prasyarat.

Pertamanya, kenyataan yang dibuat itu adalah tidak betul. Keduanya, apabila kenyataan yang dianggap tidak betul itu diketahui oleh Yang Berhormat yang berkenaan bahawa kenyataan itu tidak betul tetapi dia tidak perbetulkan. Itu syarat kedua. Ketiganya dia mempunyai niat. Jadi apabila saya baca semua Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pandan itu adalah suatu kenyataan bagi pendapat saya cuma melanggar Peraturan Mesyuarat 36(8) di mana sering kali saya tekankan, kalau berhujah jangan sebut perkara-perkara terutama kepada mereka yang tidak boleh membela diri di dalam. Juga jangan membuat tuduhan sewenang-wenangnya tetapi itu sudah menjadi budaya kita di Parlimen. Kadang-kadang kita *let go* sahaja.

Jadi kesilapan di sini ialah Peraturan Mesyuarat 36(8) di mana yang disebut ialah entiti Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR. Jelas disebut di dalam Peraturan Mesyuarat 36(8) di situ. Saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(p) di mana mengatakan bahawa kalau merujuk seseorang itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, *it must be done in the time when the thing happens*. Saya baca Yang Berhormat. Pada ketika itu apabila Yang Berhormat Pandan sedang berhujah, Yang Berhormat Kepala Batas berdiri membuat pencelahan. Yang Berhormat berkata, *"What is wrong with it?"* Bermakna maksud dia adakah salah. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Saya mahu buat *ruling* Yang Berhormat. Jangan bertengkar dengan saya.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Saya tidak bertengkar dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apabila Yang Berhormat berdiri membuat pencelahan, bermakna *you said what is wrong with it*. Jadi apa Yang Berhormat cuba perelaskan itu, apa salah kalau umpamanya barang itu perundingan. Ini kerana sebelum ini pun ada juga perundingan dibuat. *You called certain things* sewaktu Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Ketua Pembangkang. Normal dalam perbahasan. Akan tetapi di sini Yang Berhormat, yang paling jelas ialah saya tidak boleh mengatakan bahawa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pandan itu mengelirukan kerana tidak ada fakta bercanggah yang ditimbulkan dalam *Hansard* bahawa apa yang disebut itu mengelirukan.

There is no opposing fact that I can gather. Cuma dalam saat ini di samping salah peraturan mesyuarat, kalau Yang Berhormat Pandan juga mahu tekankan bahawa ada penyelewengan dalam hal ini apa yang Yang Berhormat Pandan boleh buat kerana melanggar Peraturan Mesyuarat 36(8) tadi, harus bawa usul bersendirian. Ini kerana untuk mengelakkan jangan sebut nama orang-orang yang tidak boleh membela diri dalam Dewan. Ambil ini sebagai iktibar Ahli-ahli Yang Berhormat. Merujuk seseorang itu kepada 36(12) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah perkara berat.

Soal ketiga mengenai dengan *intention*. Yang Berhormat Pandan yakin yang fakta dia adalah betul. Ini kerana sebelum itu pun dia kata dia suruh dedahkan. Tidak ada pendedahan bermakna dia buat. Cuma sekarang ini Yang Berhormat Pandan, mungkin untuk memberi peluang kepada orang di sana membela diri, kalau Yang Berhormat Pandan umpamanya dia berani, dia ikhlas, dia ulang di luar supaya pihak yang di sana...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Itu yang saya hendak minta.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja. Jadi kalau kita menuntut keadilan dalam semua hal, mesti kita semua harus bersikap adil. Mesti bermula dengan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi atas sebab itu Yang Berhormat, saya terpaksa dengan mohon maaf menolak permohonan Yang Berhormat untuk merujuk Yang Berhormat Pandan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. [*Tepuk*]

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat lagi? Ini kerana selepas ini saya terpaksa bagi Menteri memberi usul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum habis Tuan Yang di-Pertua, soal tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa? Yang Berhormat Ketereh? Peraturan mesyuarat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah diri memohon penjelasan lebih lanjut daripada Tuan Yang di-Pertua apabila Tuan Yang di-Pertua dengan jelasnya menyebut tentang pelanggaran perkara 36(8) yang dikatakan serius.

Seperti mana yang kita tahu, ada sebab tertentu perlembagaan dan peraturan mesyuarat melindungi individu-individu berdasarkan kepada kedudukan mereka seperti Yang di-Pertuan Agong dan di dalamnya juga termasuklah anggota Suruhanjaya Pilihan Raya. Oleh sebab itu diadakan 36(8).

■1140

Jadi apabila Tuan Yang di-Pertua mengemukakan pendapat bahawa Yang Berhormat Pandan tidak menyatakan perkara yang tidak betul dan tidak memperbetulkan perkara yang kami menganggap tuduhan kepada SPR itu tidak betul dan kononnya beliau juga tidak ada niat untuk yang sedemikian.

Saya khawatir kerana sepanjang sesi ini kita telah dapat melihat bagaimana Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berulang kali diserang dengan membelakangkan *provision* yang ada dalam 36(8). Kalau Yang Berhormat Pandan dilepaskan dengan tindakan-tindakan beliau itu, saya khawatir Dewan yang mulia ini diambil, *will be taken for granted* untuk seterusnya melakukan sesuatu yang tidak ada pada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR. [*Tepuk*]

Saya minta penjelasan lebih lanjut dan saya pun hendak belajar juga daripada *ruling* Tuan Pengerusi untuk kegunaan pada masa-masa yang akan datang. Pada hemat saya perilaku membelasah secara membuta tuli terhadap Pengerusi SPR dan Timbalan Pengerusi SPR mestilah dilihat sebagai satu perkara yang melanggar hak dan kebebasan kita sebagai Ahli Parlimen.

Justeru itu perkara ini adalah satu perkara yang sangat serius. Saya tidak nampak di sini di mana Yang Berhormat Pandan membuktikan dakwaan dia betul apabila Pengerusi SPR sendiri terpaksa membuat penafian di luar. Setelah penafian itu dibuat oleh pengerusi SPR, Yang Berhormat Pandan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memperbetulkan. Ini jelas menggambarkan niatnya adalah untuk *discredit* Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR. Saya minta pemakluman dan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya respons dahulu kepada Yang Berhormat Ketereh Yang Berhormat. *Take turn.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kaitan, berkenaan dengan Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh pun dalam Dewan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beruas, saya belum panggil Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini isu yang sama. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya respons dahulu. Ahli Yang Berhormat, ini serius kerana ini soal peraturan mesyuarat. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh tadi mengenai dengan soal keseriusan. Itu sebab saya kata selalu, apabila berhujah mesti ambil perhatian kepada peraturan mesyuarat. Jelas Peraturan Mesyuarat 36(8) melindungi orang-orang tertentu umpamanya, ketua-ketua kerajaan luar negara yang berdiplomatik. Seri Paduka Baginda Tuanku dan Raja-Raja, Tuan Yang Terutama, Ketua Polis Negara, hakim-hakim, suruhanjaya-suruhanjaya termasuk SPR dilindungi.

Akan tetapi sejak saya memegang jawatan Speaker daripada Parlimen Kedua Belas lagi, ini yang menjadi budaya kita. Saya tegur beberapa kali tetapi teguran saya dianggap sebagai saya tidak adil. Parlimen Ketiga Belas ucapan saya, ayuh ubah. Dalam soal ini, saya bersikap adil sudah oleh sebab tiga prasyarat *full shot*. Pertama, bercanggah dengan fakta. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan sebagai satu tuduhan. Pihak suruhanjaya tidak boleh menjawab, pihak Menteri boleh menjawab.

Jadi untuk menjaga integriti Yang Berhormat Pandan sendiri, kalau betul tuduhan itu benar, lapor sama SPR dan buat usul tersendiri. Jangan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat Pandan, belum saya siap. Jangan buat tuduhan melulu seperti begitu oleh sebab seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh tidak menjadi buat keadilan kepada orang yang tertuduh di luar. Jadi untuk membuat keadilan kerana Yang Berhormat Pandan menuntut keadilan, saya sarankan bukan saya mengarah. Buat keadilan kepada Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya dengan timbalan dia ulang di luar supaya mungkin dia mempunyai ruang untuk saman jika tidak betul. Saya tidak mahu... *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh melibatkan peraturan mesyuarat dengan fakta-fakta luaran.

Concern saya adalah peraturan mesyuarat. Fakta yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan kalau itu adalah fakta, tidak ada percanggahan dari mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada ketika waktu Yang Berhormat Pandan buat, Yang Berhormat Kepala Batas tidak berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(p) bahawa dirujuk, selepas dua hari baru dirujuk.

Untuk merujuk suara Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan *it must be done on the first opportunity. Two days laps.* Yang Berhormat, yang saya buat ini bukan untuk apa-apa cuma mempertahankan integriti Parlimen, peraturan mesyuarat

yang saya harus buat tafsiran dan ini *applicable* kepada semua. Termasuk peguam-peguam terkemuka yang juga Ahli-ahli Parlimen jangan hentam hakim secara sembarangan, jangan hentam Ketua Polis Negara, jangan hentam orang-orang yang dibela di bawah Peraturan Mesyuarat 36(8). Itu saya setuju dengan Yang Berhormat Ketereh. Jadi Yang Berhormat Kepala Batas saya rasa sudah saya buat penjelasan yang panjang lebar. Jadi saya mohon maaf. Saya terpaksa tolak usul Yang Berhormat itu di bawah 36..

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat Pandan ada melanggar Peraturan Mesyuarat 36(8). Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjimatkan masa Dewan, saya bersetuju dengan saranan Tuan Yang di-Pertua. Saya akan failkan satu usul di bawah 36(8) khusus untuk membicarakan tentang isu yang dibawa tentang Suruhanjaya Pilihan Raya dan saya akan mengulanginya di luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, bermakna isu mengenai dengan soal itu *settled*. Sila Yang Berhormat Menteri usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat Menteri, *point of order* usul, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *The Standing Order 1(e)*. Usul memerintah...

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balik, ulang balik Yang Berhormat, saya tak dengar. Peraturan mesyuarat mana?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, 1(e)

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, 1(e), 1 '*elephant*'.

Tuan Yang di-Pertua: Satu?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: 'e'?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya. Usul meminta Ketua Polis Negara memberi kemudahan lalu-lalang kepada Ahli-ahli Dewan. Ya, untuk maklumat Dewan ini, kebelakangan lalu-lalang Ahli-ahli Dewan ini telah... [*Disampuk*] Eh, saya sini lalu-lalang. Ya, telah terganggu. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, telah terganggu kebelakangan ini. Saya bagi dua fakta. Minggu lepas ada kaunter *booth Celcom* dia jual pakej khasnya untuk Ahli Parlimen sahaja di perkarangan Dewan ini. Dua hari yang lepas, ada Honda *salesman* letak satu CRV di pintu depan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya faham. [*Ketawa*]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia baru sampai, dia baru *punch card* Yang Berhormat. Dia baru *punch card*, baru *punch card*, baru sampai. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat. sudahlah. Jangan habiskan masa.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, saya nak minta...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia baru sampai, baru *punch card*.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Eh, sama ada Dewan..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong diam dulu Yang Berhormat. Kalau tidak, tidak selesai hal ini. Sila, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak minta satu keputusan daripada Dewan ini sama ada perkarangan Dewan yang mulia ini open. *Open for* aktiviti perniagaan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kalau aktiviti...

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya sudah ambil maklum Yang Berhormat. Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Okey, kalau sekiranya aktiviti perniagaan dibenarkan, saya minta bukan sahaja Celcom, Digi, Maxis... [Disampuk] Ya, bukan, bukan sahaja Honda, Toyota, kita boleh panggil Yang Berhormat Bukit Bintang, jual dekat sini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, saya minta, saya minta satu keputusan sama ada perkarangan Dewan ini dibenarkan menjadi satu tempat *business*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia baru *punch card* sahaja, baru sampai itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya fahami Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, terima kasih.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau menimbulkan peraturan mesyuarat, ambil perkara itu serius. Peraturan Mesyuarat 1(e) itulah tadi saya terkejut. [Dewan riuh] Belum pernah, belum pernah dilemparkan Peraturan Mesyuarat 1(e). Tujuan peraturan mesyuarat itu Yang Berhormat ialah untuk kalau pun kalau misal kata ada perkara yang menghalang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen. [Ketawa] Jadi mengenai dengan soal penjualan itu ini cuma hal pentadbiran dan *I'll take note*. Saya akan ambil perhatian kepada itu. Tidak kita menggalakkan ada perkara-perkara lain di persekitaran Parlimen.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, terima kasih, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.49 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan

diputuskan usul-usul di perkara 1, perkara 2, perkara 3 dan juga perkara 4 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ada ditetapkan”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya orang tidak berbahas, pukul 1 kita boleh habis. Terima kasih. *[Ketawa]*

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan hendaklah disetujui]

■ 1150

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Apa, apa Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan satu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam soal begini bukan menarik perhatian. Kalau ada peraturan mesyuarat saya benarkan.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ini berkenaan peraturan mesyuarat di mana saya ingin membangkitkan isu masalah jawapan bertulis.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat diam dulu. Saya tidak dengar apa Yang Berhormat hujah. Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Dalam penggulungan Khamis lepas, Menteri-menteri yang tidak sempat menjawab isu-isu yang dibangkitkan diminta untuk memberi jawapan bertulis dan janji kita Ahli-ahli Yang Berhormat juga diperlukan mengemukakan persoalan-persoalan untuk jawapan bertulis sebelum Parlimen bersidang. Akan tetapi sehingga hari ini walaupun Parlimen akan ditangguhkan selepas hari ini, tapi kita tidak menerima sebarang jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya rasa ini adalah sesuatu perubahan yang perlu dibawa oleh Tuan Yang di-Pertua supaya Setiausaha Dewan diperintahkan untuk mendapatkan jawapan bertulis daripada Menteri-menteri untuk diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun lepas sidang ini ditangguhkan, saya rasa jawapan masih boleh dibekalkan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tindakan saya Yang Berhormat, jelas. Sebab itu saya benarkan Yang Berhormat untuk berhujah supaya pihak-pihak sebelah kanan dengar sendiri dan pegawai-pegawai di belakang. Jadi, bermakna saya sudah akur kepada permohonan Yang Berhormat. Sila.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

USUL

MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M.76

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Ketiga Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi).
- (ii) Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan.
- (iii) Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- (iv) Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Ahli Parlimen Selangau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- (v) Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai, Ahli Parlimen Bentong.
- (vi) Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang
- (vii) Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Gelang Patah.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah usul daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas. Mahu perlu bahas lagi? Kalau tidak perlu bahas kita... Sila, sedikit saja. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit saja. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga pada Yang Berhormat Menteri, hanya saya melihat bahawa wakil daripada PAS tidak ada. Kalau boleh, boleh tidak tambah seorang lagi kerana daripada PKR ada, dari DAP ada. Tambahkan satu lagi daripada PAS. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong yang mana. Menyokong ini kah, menyokong saranan itu. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Menyokong cadangan Yang Berhormat Shah Alam.

Seorang Ahli: Tidak percaya dekat DAP itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya menyokong cadangan Yang Berhormat Shah Alam juga. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Semua main wayang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana tidak ada pembahas...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Yang Berhormat Shah Alam sendiri yang masuklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada perbincangan, saya terpaksa kemukakan persoalan kepada Majlis untuk buat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 1 itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila.

11.58 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, hak yang tadi saya tidak boleh bagi penjelasan fasal cadangan PAS?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat Menteri. Sudah pun ada keputusan Yang Berhormat. Sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Peringkat awal memang kita cadang nama, cadang orang PAS.

USUL

MELANTIK Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Ahli Parlimen Pulau dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketiga Belas”.

Kalau sekiranya ada cadangan daripada Keadilan untuk menukarkannya, saya ingat boleh buat sekarang.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, seperti biasa perkara terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Gombak.

11.59 pg.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyertai perbahasan berhubung pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi PAC yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sekiranya Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan semula supaya Pengerusi PAC itu diwakili oleh Ketua Pembangkang ataupun daripada Pakatan Rakyat. Ini selaras dengan hasrat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri ketika memberikan ucapan pelantikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak. Peraturan mesyuarat melarang untuk menggunakan nama Tuan Yang di-Pertua dalam berbahas. Jangan libatkan nama saya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya tidak mengguna nama Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik cadangan Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Tuan Yang di-Pertua itu satu cadangan yang cukup proaktif, progresif dan mulia. *[Dewan riuh]*

Dan saya kira tanggungjawab saya untuk menyambut saranan Tuan Yang di-Pertua dalam usaha kita untuk melakukan perubahan. Kita diajar untuk merubah tetapi nampaknya Yang Berhormat Arau kurang arif tentang reformasi yang hendak kita laksanakan di Dewan Rakyat ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua lihat di negeri Selangor, kita telah pun menawarkan jawatan pengerusi PAC kepada Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

Ini adalah amalan yang telah dilaksanakan di negara-negara yang mengamalkan demokrasi yang cukup kuat dan subur dan kita telah pun melaksanakan di negeri Selangor. Malangnya Ketua Pembangkang negeri Selangor tidak bersedia untuk menerima jawatan tersebut. Maka, hari ini saya berharap supaya Yang Berhormat Arau mewakili Jemaah Menteri Kabinet dapat meneliti semula cadangan tersebut dan kita mempunyai wakil untuk dilantik selaku pengerusi PAC dan kalau boleh saya minta 15 Ahli Dewan Rakyat daripada Pakatan Rakyat untuk bangun menyokong cadangan yang saya kemukakan itu Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli Pakatan Rakyat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Terima kasih. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

12.00 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan tentang pelantikan jawatankuasa yang rasa saya terlalu penting untuk Dewan yang mulia ini. Pada saya, cadangan yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri memang merupakan satu cadangan yang menjadi satu kebiasaan dan harus kita lihat sebagai satu perubahan iaitu ke arah memperkukuhkan PAC tersebut.

Oleh kerana itu, saya juga mengambil kesempatan menggesa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini untuk menjaga amanah dan menjalankan kewajipan mereka tanpa ada partisan parti ataupun pendirian politik masing-masing. Ini kerana kalau kita bekerja atas kapasiti sebagai kepentingan sebuah pasukan maka kita akan lupakan latar belakang kita dalam parti masing-masing.

Ini rasa saya, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi merupakan dua faktor yang penting dan saya lihat identiti kedua-dua wakil rakyat ini memang boleh diterima oleh masyarakat sebab berlatarbelakangkan ekonomi dan pendidikan masing-masing yang ada. Tidak begitu ekstrem, tidak begitu menonjol dengan kerenah-kerenah yang tidak digemari oleh masyarakat.

Oleh kerana itu, bukan saya bercanggah dengan Yang Berhormat Gombak tetapi rasa saya adalah lebih penting untuk kita mengutamakan kerjasama di antara kerajaan dan juga pembangkang dalam jawatankuasa ini untuk menentukan mana-mana mungkin ada

perkara-perkara yang tidak kita ingini berlaku di masa akan datang. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bolehlah memainkan peranan yang penting ke arah memperbetulkan keadaan tersebut tanpa memilih bulu, tanpa memilih pendirian parti dan politik masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi yang mahu bercakap? Sila Yang Berhormat Bagan.

12.02 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa bagi pihak parti DAP dan saya percaya juga di kalangan parti Pakatan Rakyat kita tidak dirundingkan terdahulu tentang pemilihan-pemilihan semua ahli-ahli jawatankuasa. Ini saya rasa melanggar konvensyen dan juga tradisi yang juga telah diamalkan sebelum ini kerana sepatutnya dibincangkan, kalau tidak dengan semua pemimpin parti tetapi sekurang-kurangnya dengan Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang tidak ada di sini dan saya difahami bahawa Ketua Pembangkang pun tidak dimaklumkan.

Oleh sebab itu, saya rasa ia melanggar satu konvensyen kerana biasanya dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilihan ataupun jawatankuasa-jawatankuasa yang ditetapkan di bawah peraturan mesyuarat seharusnya dibincangkan dengan parti-parti pembangkang. Saya pun tidak faham mengapa amalan dan tradisi seperti ini tidak diamalkan. So, di sini saya ingin melahirkan perasaan kurang senang hati tentang perkara ini dan saya harap Tuan Yang di-Pertua bolehlah memberikan perhatian yang sewajarnya kerana sepatutnya rundingan dibuat tentang perkara seperti ini, sebagaimana yang dilakukan sebelum ini.

Kedua, tentulah saya hendak sokong cadangan yang dibuat tentang perlunya Jawatankuasa PAC ini diberikan peranan yang lebih kepada Ahli-ahli Pembangkang, seperti mana yang diamalkan dalam Konvensyen Parlimen Komanwel. Saya sekali lagi meminta kalau boleh buatlah rundingan kerana perkara ini bukanlah kontroversi sangat. Seperti yang saya rasa, pengalaman sebelum ini bahawa biasanya kalau ada rundingan kita tidak perlu adakan perbahasan sedemikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila dari BN. Sila yang belakang sekali, Yang Berhormat Gerik.

12.04 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap berkenaan menyokong usul yang dibawa oleh pihak kerajaan. Dalam memilih Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini, kalau kita lihat pada masa-masa yang lampau, biasanya cadangan untuk melantik jawatankuasa ini kita akan pilih daripada kalangan kerajaan sahaja. [*Dewan riu*] Akan tetapi pada hari ini sudah dimasukkan dengan pembangkang sekali. Bila saya bercakap hendak bising. Biar saya hendak bercakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak betul, tidak betul.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Dengarlah dahulu, kalau sudah bijak sangat bercakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat berhujah. Sila, teruskan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Pada pandangan saya, apa yang telah dibawa oleh kerajaan adalah memberi kebaikan kepada Dewan. Kita cuma di sini sahaja bertengkar, selepas bersidang Dewan hubungan sesama kita sebenarnya amat baik. Contohnya sesama kita.

Oleh sebab itu, pada pandangan saya apa yang dibawa oleh pihak kerajaan adalah amat baik walaupun tiada perundingan dibuat saya yakin hubungan yang telah dibina selama ini membolehkan jawatankuasa ini akan bergerak ke arah yang lebih baik. Siapa yang tidak hendak baik? Semua daripada kita yang berada dalam Dewan hendak melihat perjalanan negara, perjalanan kewangan dan segala-galanya baik. Rakyat memerhatikan sama ada kita daripada kerajaan atau pembangkang, tidak ada orang yang waras hendak melihat perkara yang tidak baik. Maka dengan ini saya menyokong apa yang dibawa oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, penghabisan Yang Berhormat Pokok Sena. Selepas itu Menteri boleh menjawab.

12.06 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh soal pelantikan ini dan saya bersependapat dengan rakan saya Yang Berhormat daripada Bagan tadi bahawa sepatutnya dari segi konvensyen seharusnya semua pihak harus berunding. Sama ada Ketua-ketua Whip daripada semua parti sama ada daripada sebelah pembangkang ataupun kerajaan ataupun sekurang-kurangnya dengan Ketua Pembangkang sendiri yang perlu berunding untuk menentukan bentuk keahlian jawatankuasa ini.

Saya juga menyokong rakan saya Yang Berhormat dari Gombak tadi, sesuai dengan kenyataan ucapan sulung Tuan Yang di-Pertua di Dewan ini untuk melakukan satu perubahan kepada pengurusan perjalanan Dewan. Supaya ia dilihat lebih demokratik maka sudah tentulah bahawa jawatankuasa ini perlu dibentuk secara yang lebih menampakkan keterbukaan kita. Jadi, sepatutnya bagi saya bahawa inilah masa yang terbaik untuk kita menunjukkan satu sikap yang lapang dada untuk menerima bahawa Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini adalah daripada pembangkang.

Saya kira bukan sahaja jawatankuasa ini tetapi banyak lagi perubahan-perubahan yang perlu dibuat, yang perlu diteliti oleh satu jawatankuasa di bawah Dewan ini untuk meneliti cadangan-cadangan untuk kita buat *reform* terhadap Dewan ini. Balik kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini, sangat penting bagi saya daripada pihak pembangkang mengetuai jawatankuasa ini untuk supaya mereka boleh membuat langkah-langkah dan tindakan-tindakan siasatan yang lebih menyeluruh tanpa ada satu gangguan ataupun kadang-kadang ada gangguan yang mungkin menyekat daripada siasatan-siasatan itu dibuat secara lebih terbuka.

Saya lihat bahawa selama ini pun banyak *report* yang diberikan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya pun tidak tahu apakah langkah dan tindakan yang benar-benar berkesan untuk memastikan bahawa pengurusan pentadbiran kerajaan itu dapat berjalan dengan baik hasil daripada teguran-teguran yang telah pun dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab saya melihat bahawa ada banyak masalah yang sering timbul contohnya apa yang disebut, baru-baru ini pun saya ada sebut tentang isu AES umpamanya Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir bahawa ini perlu diteliti secara yang semasaknya sebab bila kamera itu dipasang tidak mengikut kaedah peraturan yang telah pun ditetapkan, ujian dibuat 21 hari bulan sedangkan kaedah itu berkuat kuasa 23 hari bulan. Bermakna bahawa kamera itu tidak sah.

■1210

Wang yang dipungut oleh pihak kerajaan daripada rakyat adalah tidak sah. Jadi sekarang ini duit yang ada dalam akaun kerajaan itu tidak sah, satu. Kedunya ialah Tuan Yang di-Pertua bagaimana baru-baru ini jawapan kepada Yang Berhormat Kota Melaka berkaitan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena jangan terlampau melencong lebih jauh, yang ini pasal lantikan iaitu jauh sekali melencong Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, saya hendak sebutnya betapa pentingnya Jawatankuasa Kira-kira Kewangan Negara ini, tahu. Ini isu soal wang

negara, wang yang juga membabitkan wang negara yang dibelanjakan secara yang tidak betul apabila jumlah saman yang dikeluarkan dengan jumlah saman kompaun yang dibayar itu dia sangat bercanggah dengan wang yang telah diberikan kepada syarikat. Wang yang diberikan kepada syarikat melebihi sedangkan wang yang diperoleh oleh kerajaan kecil. Macam mana kita boleh keluar daripada RM20 bilion yang diperoleh RM20 juta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terpaksa berhentikan Yang Berhormat di situ kerana itu terlampau melencong jauh. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya saya hendak sebutnya bahawa inilah pentingnya bagi saya bahawa Jawatankuasa Kira-kira Kewangan Negara ini diketuai oleh pembangkang kerana tidak nanti bahawa inilah nanti yang akan jadi. Jadi duit pungut daripada rakyat sudahlah saman itu perah rakyat ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat tahu. Itu pun sangkaan jahat juga, jangan begitu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak ini bukan sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua sebab ini berasaskan kepada fakta yang saya buat penjumlahan semula iaitu fakta jawapan daripada Kementerian kepada Yang Berhormat Kota Melaka dan juga beberapa jawapan yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Johor Bahru berdiri. Sila.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Membenarkan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil peluang sedikit sebagai bekas pengerusi...

Tuan Yang di-Pertua: Ini untuk mencelah kepada jawapan ini ataupun mahu...

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya juga mencelah kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana saya boleh memberi sedikit pandangan kepada ucapan daripada Yang Berhormat Pokok Sena kerana saya pernah menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada Parlimen yang ke-11. Sebenarnya dari segi pengalaman saya dalam keadaan negara yang ada hari ini di mana kita mempunyai media yang begitu aktif dan juga kita mempunyai sistem Ketua Audit Negara yang mengaudit semua jabatan-jabatan yang menerima pembiayaan daripada dana awam.

Maka apa yang disebutkan kebimbangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebenarnya boleh diatasi walaupun pengerusinya datangnya daripada Barisan Nasional ataupun parti pemerintah. Ia tidak menjadi masalah kalau pengerusi PAC itu sengaja hendak menutup segala keburukan yang berlaku Tuan Yang di-Pertua sebenarnya keadaan negara dan keadaan realiti hari ini tidak membenarkan perkara itu berlaku.

Ketidakadilan seseorang saya rasa akan terbongkar dengan begitu saja kerana kita tidak boleh menipu rakyat walaupun kita duduk sebagai kita datangnya daripada Barisan Nasional dari parti pemerintah kita menjadi pengerusi kepada jawatankuasa dalam Parlimen, tanggungjawab kita tentunya ialah kepada Parlimen dan memberikan khidmat kita yang sebaik mungkin. Tetapi kalau ada sangkaan buruk kita hendak main berpolitik, kita hendak bawa keputusan pilihan raya ke mahkamah, kita kata ini tidak betul, itu tidak betul. Jadi mana kita hendak memulakan transformasinya, di mana kita hendak memulakan gerak kita untuk benar-benar untuk berubah. Oleh sebab itu saya rasa ...

Tuan Yang di-Pertua: *You punya floor.*

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, boleh saya bercakap sedikit? Terima kasih. Jadi sebab itu saya rasa apa yang disangsikan oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebenarnya bukan kerana sama ada pengerusi itu datangnya daripada Barisan Nasional atau datangnya daripada pembangkang tetapi sebenarnya kerana kita sudah mempunyai sebuah negara di mana berbagai-bagai

institusi termasuk media begitu kuat dan begitu mampu untuk menyuluh dan menerangkan keadaan yang sebenar. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada Johor Bahru yang pengalaman pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kewangan Negara. Saya kalau orang macam Yang Berhormat Johor Bahru memang saya *salute* sebab dia berani untuk bercanggah dengan kerajaan sehingga beliau telah digugurkan daripada satu jawatan kerana menyokong Yang Berhormat Gelang Patah satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Ini Yang Berhormat Pokok Sena...

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, ini *privilege*, benda tidak betul. Ini benda yang tidak betul. Ini....

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, beliau pernah digugurkan tidak ingat sama ada Pengerusi PAC atau Pengerusi BNBBC '*bencher*' apabila beliau menyokong Yang Berhormat Gelang Patah pada waktu itu mewakili Ipoh Timur dan dia digugurkan kerana apa, kerana Barisan Nasional tidak boleh untuk mengambil satu keputusan menyokong pembangkang walaupun cadangan itu satu kebaikan dan Yang Berhormat Johor Bahru mengakui bahawa cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Gelang Patah pada waktu itu adalah cadangan yang baik. Jadi orang macam Yang Berhormat Johor Bahru ini memang betul layak, orang yang berani. [*Dewan riu*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi bermaknanya Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Atau Yang Berhormat hendak cadang adik Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Apabila Yang Berhormat Johor Bahru bercakap Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tidak ada, bukan saya. Yang Berhormat Pokok Sena cadangkan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pokok Sena beri laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya Yang Berhormat Shah Alam.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Abang dulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dia sudah dapat dah.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Abang dulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau abang cakap...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. [*Ketawa*] [*Dewan riu*]

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena sudah menerima hujah saya bahawa tidak menjadi masalah kalau Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional menjadi pengerusi kepada PAC. [*Tepuk*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, jadi sudah jelas jadi jangan pusing balik, pusing-pusing kan. Ini yang menjadi masalah kita, kita tidak akan maju kalau kita sentiasa memusing-musing perkara itu, fakta itu dan saya hendak betulkan sedikit. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya menyokong supaya usul

daripada ketika itu bukan Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Ipoh Timur kalau tidak silap. Yang Berhormat Tanjong, bertukar kawasan, ini yang susah saya hendak ingat, saya minta maaf, *sorry* bukan kerana kita punya ingatan pun kadang-kadang boleh jadi bertukar-tukar pasal orang bertukar-tukar dia punya keadaan, *the moving target*.

Sebenarnya saya hendak jelaskan bahawa apabila saya menyokong dan tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional maka saya kenal buat perkara yang bermaruah iaitu saya meletakkan jawatan sebagai ketua kepada BNBB, itu saja bukan kerana saya dipaksakan dan kita harus semuanya kita ini harus mempunyai maruah untuk menegakkan prinsip kita, prinsip dalam Parlimen. *[Tepuk]* Bukan kalau kita menyangka bahawa orang kalau kita ini daripada Barisan Nasional kita tidak ada maruah. Itu salah dan sebab itu mulanya proses perubahan yang Tuan Yang di-Pertua mahukan ialah dengan kita menganggap bahawa setiap kita mempunyai mandat daripada rakyat memilih kita dan setiap kita mempunyai maruah sebagai seorang wakil rakyat. *[Tepuk]*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Comel, comel.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Comel betul.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Johor Bahru yang mengatakan bahawa beliau mempunyai maruah dan beliau mengatakan bahawa beliau melepaskan jawatan tersebut, berundur kerana tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan pada waktu itu. Oleh sebab itu saya katakan kalau orang macam dia berani macam itu bagus, yang lain takut. *[Ketawa]*

Oleh sebab masih terikat, dia masih terikat makna terikat dengan ini. Oh! Barisan Nasional, kita tidak perlu sokong walaupun benda baik daripada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan perkara yang sudah disebut itu diulang, diulang, diulang. Jangan begitu Yang Berhormat. Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, ini fakta. Oleh sebab itu saya hendak *justify* bahawa cadangan Yang Berhormat Gombak itu menunjukkan bahawa betul tidak boleh bagi kepada Barisan Nasional, kena pembangkang yang mengetuai PAC.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagi dekat adik pula, kalau tidak nanti berkelahi dua orang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat selepas Yang Berhormat Pokok Sena respons kepada Yang Berhormat Shah Alam, saya jemput Menteri untuk jawab. Sudah panjang lebar kita cerita berkenaan soal ini. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, ringkas saja. Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya ingin menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi dan perkara ini bukan perkara yang kita lihat pada individu yang terlibat dan sebagainya. Mungkin di sini adalah sedikit perbezaan dengan Yang Berhormat Pokok Sena, sedikit sahaja walau pun persoalan individu itu juga penting.

■1220

Apa yang kita hendak ialah kita hendak satu sistem, mekanismeimbang dan semak dan apabila kita hendakkan mekanismeimbang dan semak (*check and balance*) ini, maka cadangan supaya pengerusi PAC itu datang daripada Pakatan Rakyat adalah lebih wajar.

Walaupun saya tidak menolak apa yang telah disebut oleh abang ataupun Yang Berhormat Johor Bahru kerana dia pun telah berhujah dengan jelas bahawa ianya pernah dilakukan dan tidak menimbulkan masalah, ada *check and balance* daripada institusi-institusi dan jabatan-jabatan yang lain. Akan tetapi dengan adanya pengerusi PAC ini dipegang oleh Ketua Pembangkang, ianya menambahkan lagi keberkesanan *check and balance* di dalam sistem yang ada. Itulah sebabnya walaupun kita tak pandang pada individu-individu yang terlibat. Apa yang kita hendak ialah satu mekanisme dan ini adalah sesuai dengan semangat perubahan yang kita inginkan, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, memang dua-dua beradik ini memang hebat. Memang mempunyai keberanian yang tertentu, yang tersendiri. *[Dewan riu]* Oleh sebab itu, saya bersetuju bahawa apa yang kita nak lakukan sekarang ini ialah untuk meningkatkan prestasi Parlimen ini sendiri supaya ia mempunyai satu wajah yang baru. Kalau tidak nanti, kita duduk wajah yang lamalah.

Jadi, sebab itu saya nak katakan bahawa dia perlu untuk meneliti perkara-perkara yang sangat penting. Saya nak tunjuk contoh untuk akhir ini, penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua, saya cukup hairan macam mana dalam kes AES yang dijawab kepada Yang Berhormat Kota Melaka, kutipan saman itu RM20 juta tetapi kerajaan hanya ambil RM3 juta dan syarikat ambil RM13 juta, mana lagi RM3 juta pergi?

Ini saya katakan bahawa PAC ini betul kena semak balik macam mana perjanjian itu dibuat. Macam mana, apa perjanjian - Hari ini kita, semua rakyat tak tahu apa butiran perjanjian yang telah dibuat, semua rahsia. Oleh sebab itu perlu kepada PAC yang betul-betul memang ada keberanian, berkesan. Ini untuk kepentingan kita bersama.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Elakkan *conflict of interest*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini untuk kepentingan kita bersama. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya sokong untuk kalau boleh kita tangguh dahulu dan kita runding semula. Tangguh dulu dan kita runding semula untuk membolehkan cadangan Yang Berhormat Gombak tadi ini dilakukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya jemput menteri untuk jawab, ada satu perkara yang saya ingin penjelasan. Jangan Yang Berhormat Shah Alam sampai dirujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12). Di mana yang tua ini? Yang Berhormat Johor Bahru kah ataupun Yang Berhormat Shah Alam? Ini kerana saya nampak Yang Berhormat Shah Alam lebih tua.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* *[Dewan riu]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jangan ada penyelewengan fakta di sini.

Tan Sri Datuk Seri Utama Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kira uban.

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Nampaknya memang dia nampak tua sebab itu saya menumbuhkan janggut untuk cuba nampak tua dengan wajah yang baru.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Shah Alam muda di hati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya nampak lebih matang Tuan Yang di-Pertua tapi kalau nak tengok lebih tua, tengok mana yang rambut putih yang lebih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila Menteri, sila. *[Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini yang matang itu dia punya fikir sahajalahkan tetapi kalau fikir matang tetapi yang orang lihat yang matang yang menentukan. *[Dewan riu]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Menteri, sila.

12.23 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini diambil kira daripada pelbagai aspek. Memang rundingan rasmi tidak dibuat tetapi cara tak rasmi memang dibuat. Kita dapat..., saya tak setuju bahawa kita tak bawa perubahan dan sebagainya. Akan tetapi kita tahu pengerusi yang paling layak sekali ialah Yang Berhormat Johor Bahru tetapi di atas beberapa perkembangan terbaru sebab mungkin ada perkara-perkara lain, setengah orang ini ada yang dilantik jadi orang besar-besar dan sebagainya.

Jadi kerajaan memikirkan bahawa sudah sampai masanya kita ketengahkan orang muda. Kita kena ingat bila kita jadi Ahli Parlimen, apa pun latar belakang kita, kita Ahli Parlimen. Kita satu kerusi dan kita satu nilai. Dia tidak ada satu orang bernilai lebih, dia hanya ada satu undi di sini. Jadi kita walaupun saya tahu pembangkang memikirkan bahawa mereka kata mereka lebih baik, kami juga memikirkan kami lebih baik. Itu sebab kami ada kualiti macam Yang Berhormat Johor Bahru dan yang kita lantik ini pun juga orang Johor juga, sudah pasti kualitinya bersamaan. Jadi tentang kualiti dan sebagainya saya ingat kita tidak ada masalah.

Nombor dua, Yang Berhormat Pokok Sena selalu timbulkan, dia peminat kamera dan juga buah keriang. Jadi, ianya boleh dibincangkan dalam PAC dan Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua akan melantik jawatankuasa-jawatankuasa lain yang akan melibatkan pembangkang dan juga Barisan.

Ini kita cukup, saya rasa banyak jawatankuasa kecuali dia orang ada *shadow Cabinet* tetapi untuk sementara waktu, Tuan Yang di-Pertua akan melantik pelbagai jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Pembaikan Dewan, Jawatankuasa Untuk Melihat Elaun dan juga petugas-petugas Ahli Parlimen. Kalau boleh jawatankuasa itu berjumpa dahulu dan kita boleh bawa masuk dalam Parlimen yang akan datang. Ini semua perkara yang saya ingat semua orang boleh terlibat malah dalam jawatankuasa PAC ini juga akan ada komposisi daripada pembangkang dan juga Barisan.

Saya juga kalau ditanya saya siapa yang saya suka di pihak pembangkang, tentu ada nama-nama yang kita *compatible*, dengan izin. Akan tetapi walau bagaimanapun, pihak Barisan atau pihak pemerintah telah melihat bahawa inilah yang terbaik berdasarkan pengalaman.

Timbalan Pengerusi mempunyai pengalaman yang cukup luar biasa, paling *senior* walaupun dia nampak lembut tapi cukup keras tentang pandangan-pandangannya. Jadi itu sebab mengambil kira orang lama dan kita ambil pengerusi orang baru. Inilah adunan yang terbaik dalam dunia, tidak akan ada adunan yang sebaik begitu. Kalau terlampau muda, dia nanti muda. Kalau ambil tua, terlampau tua. Kalau muda dengan tua, itu adunan yang baik. Macam orang nak berkahwin pun kalau ada yang macam itu, cukup baik Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa cadangan dan pandangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan adalah satu pandangan yang baik dan kita akan ambil kira dan ini biarlah kita anggap sebagai permulaan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau baik, tangguhlah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau dah kata baik, tangguhlah. Mesti tangguh, itu cadangan saya tadi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena, ini nak cari jalan baik ini. Ini pandangan yang baik dan kita boleh anggap ini permulaan kepada yang baik. Kita kena ingat cadangan Yang Berhormat Pokok Sena ini dia menganggap bahawa memang dalam Parlimen yang terkini ini dia senior daripada saya tetapi dalam senioriti dalam Parlimen, saya lebih senior daripada dia.

Kalau kita cakap yang itu, kita tak ubah. Zaman sekarang ini kita tak boleh cakap yang itu, kita nak pusing tak boleh. Kamera perhati, seluruh Malaysia sedang perhati kita. Bila kita berjanji bahawa ini adalah perubahan, kalau dia tak berubah kita boleh buat perubahan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Penjelasan, Menteri. Boleh mencelah sikit?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Penjelasan Yang Berhormat Gombak? Nak rujuk Jawatankuasa Pilihlah ini?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tak boleh. Dia kena buat semalam kalau ikut peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Lewat sehari.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya dah bawa semalam. Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri merasakan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh rakan-rakan sebentar tadi adalah cadangan yang baik, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena supaya perkara ini tidak perlu dibuat secara tergesa-gesa.

Pertama, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan rundingan secara rasmi dengan Pakatan Rakyat dalam tempoh yang terdekat ini untuk meneliti mereka yang dirasakan boleh membawa amanah ini dengan berkesan.

Keduanya, cadangan kita supaya pengerusi PAC itu di kalangan pimpinan Pakatan Rakyat kerana inilah amalan dan konvensi yang berlaku di Parlimen-Parlimen lain khususnya di negara-negara Komanwel. Jadi kalau perkara ini diterima baik oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan sebentar tadi, saya tidak nampak mengapa perkara ini perlu disegerakan pada hari ini. Kita boleh mengemukakan pandangan dan cadangan dalam rundingan yang perlu diadakan dalam masa yang terdekat dan kemudian kita boleh bawa usul ini dalam sesi yang akan datang. Itu harapan kami kepada Yang Berhormat Arau. Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan itu adalah cukup tepat. Kita menyokong kerana apa, saya melihat pemilihan ini tidak perlu rundingan kerana yang kita lantik ini adalah kawan-kawan Yang Berhormat yang mendapat kerusi mengikut populariti.

■1230

Barisan Nasional satu dan DAP ini popular. Kita merasakan bahawa calon yang kita cadang pun tidak tarik diri. Dia pun tidak setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Jadi, tidak ada masalah. Kalau dia tidak setuju dengan DAP, Yang Berhormat Pokok Sena, dia tarik diri. Jadi, dia pun menerima dan kita semua menerima. Jadi, cadangan cukup baik. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hari ini nampak Yang Berhormat Padang Besar itu baik dengan Yang Berhormat Arau. Kalau dulu tidak..., macam kucing dengan tikus. Dia puji. Kalau dulu jenuh *'kelepiaq'*.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Niat jahat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lari tidur di Pulau Pinang. Lari tidur di Pulau Pinang kerana kes Yang Berhormatlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu sangkaan jahat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, bukan apa Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa. *Qallualan nabi. Qallualan nabi.* Bulan puasa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, yang ini adalah Yang Berhormat Padang Besar dulu, bukan yang sekarang. Sekarang ini kami berdua ini adalah dulu, kini dan selamanya. Akan tetapi saya tengok Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu. Yang Berhormat ingat berlawan sakan. Betul atau tidak?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, betul.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi, sekarang berbaik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya dengan dia ini, Yang Berhormat Padang Besar dengan Yang Berhormat Arau itu, perkataan itu betul cuma orang yang berlainan. Yang Berhormat Padang Besar dulu betul. [Ketawa]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang ini saya pun tahu. Dia pun sudah lama. Yang Berhormat pun jangan buat tidak tahu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta laluan. Laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, kemudian nombor dua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bintulu berdiri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cadangan daripada Yang Berhormat Gombak, Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Bintulu? Jawab Yang Berhormat Gombak sekejap boleh tidak?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hendak jawab Yang Berhormat Gombak sekejap.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Satu minit ya. Jangan marah. *Special MY.* Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Gombak itu cantik dan baik. Akan tetapi malangnya PAC terpaksa disegerakan. Kita bertimbun-timbun barang-barang yang harus disegerakan. Dalam proses ini kita dapati kalau ada kita hendak buat perubahan apa-apa, kita boleh buat cadangan. Tidak ada masalah. Kita undi. Ramai yang menyokong, kita akan sokong. Tidak ada masalah. Cadangan perubahan ini kita boleh bawa masa depan. Ini bukan satu yang *permanent* yang kononnya tidak boleh diubah. Ini boleh diubah dari semasa ke semasa kerana peraturan mesyuarat membenarkan. Jadi, saya ingat tidak ada masalah. Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena pun sudah cakap Yang Berhormat Johor Bahru bekerja dengan baik dan dia telus. Apa salahnya kalau kita kasi lagi Yang Berhormat Pulai peluang. Dia belum jalankan tugas. Sudah kena tuduh macam-macam. Jadi, Yang Berhormat Shah Alam pun bangun. Dia sokong. Selepas itu Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Pokok Sena semua kata kita Barisan Nasional jalan tidak ikhlas dan selalu rasuah. Saya mahu tanya satu contoh. Penggal pertama, saya nampak Yang Berhormat Shah Alam di bangunan lama. Dia bawa kereta pun boleh masuk muzium. Akan tetapi kali ini saya nampak dia kereta mewah. Bawa *Range Rover* baru. Kalau kita mahu tuduh pun, boleh tuduh dia rasuah. Sepatut itu tidak boleh bawak macam itu. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kereta lamalah, bukan baru.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya kena perbetulkan. *Land Rover Discovery* tahun 2003. So, minta maaf Yang Berhormat Bintulu. Hanya nampak baru kerana ada gambar saya yang besar dekat tepi itu. Baru nampak baru.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada hal-hal yang seperti begitu harus diperbincangkan di kantin dan bukan sini. Kalau yang itu, tidak apa saja bincang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati Yang Berhormat Shah Alam ini sebab gambar dia yang paling besar di Malaysia di kalangan Ahli Parlimen. Saya terkejut tengok ada satu gambar duduk dekat *parking* saya. Kata beritahu dekat *driver*, pastikan *parking* ini dibenarkan untuknya sebab saya suka tengok gambar dia. Orang lain tidak berani bubuh gambar. Kecil-kecil sahaja. Dia bubuh gambar sebesar-besar. Besar daripada dia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kita bawa ini ialah sudah pasti pada pandangan kita adalah cadangan yang terbaik sebab kita hendak tengok adunan di antara orang lama dan orang baru. Sebab ini adalah transformasi dan juga perubahan. Akan tetapi masih kalau sekiranya kita ada apa-apa perubahan, berdasarkan peraturan mesyuarat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pencelahan sedikit. Sedikitlah. Ini kerana adunan lama dengan yang baru. Rakan saya dari Kepong itu dia lama. Yang itu baru. Patutnya Yang Berhormat Kepong itu kena naik pangkat jadi pengerusi.

Seorang Ahli: Jangan habiskan duit rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya Yang Berhormat Kepong, kalau cadangan Yang Berhormat Kepong untuk dinaikkan pangkat daripada timbalan menjadi pengerusi, saya fikir bahawa itulah yang sepatutnya sebab dia sudah ada pengalaman sebagai timbalan pengerusi. Dia sudah tiga kali. Jadi, sepatutnya Yang Berhormat Kepong itu dinaikkan pangkat menjadi pengerusi. Kita kena ambil orang yang berpengalaman dan tahu selok-belok PAC.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi, kita ambil yang berpengalaman dan yang ada kemahiran. Yang ini akauntan, yang ini doktor cucuk. Jadi, elok dicampur. So, itulah Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang dibawa ini ialah cadangan yang terbaik dan kita berharap diterima baik. Akan tetapi sudah pasti pihak pembangkang akan membuat beberapa cadangan kemudian di bawah peraturan mesyuarat tertentu yang mungkin kita akan bawa perubahan di masa akan datang. Saya ingat tidak ada masalah. Kami terbuka. Akan tetapi buat masa sekarang, calon kami itu ialah Yang Berhormat Pulai ialah calon daripada kami. Barisan Nasional mencadangkan Yang Berhormat Kepong di pihak pembangkang. Sekali lagi saya sebut, sebenarnya ini kali ketiga Parlimen memperkenalkan pembangkang menyertai PAC. Kalau tidak sebelum ini seperti Yang Berhormat Gerik sebut, pembangkang tidak pernah ada dalam PAC. Saya Ahli PAC pada tahun 1986 dan 1990 dahulu. Tidak ada pembangkang. Sekarang ini ada pembangkang. Ini ialah perubahan. Marilah kita ambil perubahan ini sebagai perubahan untuk masa depan yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bertuah kerana bukan saya yang memilih mana yang benar antara kanan dan kiri.

Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara dua itu tadi, hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, undi suara ini bukan yang nyaring tetapi yang lebih suara. Jadi, lebih suara yang setuju. Usul disetujui. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana Tuan Yang di-Pertua tahu kata semua pakat sebut perkataan setuju?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Mengangkat buku peraturan mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta maaf. Sebelum urusan diteruskan dengan usul Menteri, saya hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 24(6) iaitu

soalan jawapan bertulis yang telah pun kita serahkan kepada pihak kementerian melalui Parlimen. Sampai hari ini, hari terakhir, kita masih belum dapat lagi jawapan daripada pihak Menteri... [Dewan riuh] Jawapan sepatutnya perlu dijawab semasa sesi persidangan. Sampai hari ini Menteri tidak buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. [Dewan riuh]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Akan jawab petangkah? Kalau jawab petang, saya tarik balik soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, yang Ahli-ahli Yang Berhormat bersorak tadi itu bukan kerana apa. Isu tadi ini awal lagi sudah dibangkitkan. Menteri-menteri sudah memaklumkan kepada pegawai.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini *reminder, reminder*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA KASTAM 1967

12.39 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen 11 subseksyen 2, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 34, ST. 35 dan ST. 36 tahun 2013 disahkan”.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2012, P.U.(A) 472 yang diwartakan pada 28 Disember 2012. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan kadar duti import ke atas beberapa produk mulai 1 Januari 2013 seperti berikut.

Pertama, produk *polyethylene resins, propylene copolymers* dan *polypropylene resins* yang digunakan bagi menghasilkan produk polimer seperti tekstil, alat tulis dan wang kertas polimer daripada 15% diturunkan kepada 10%.

■1240

Kedua, produk *tin plate* yang digunakan dlm pembuatan bekas makanan tin daripada 10% kepada 5%.

Ketiga produk *teeth and soothers* daripada 15% kepada 10% yang merupakan puting susu atau penenang (*pacifier*) untuk bayi dan kanak-kanak yang dibuat daripada getah atau silikon.

Keputusan menurunkan kadar duti import produk tersebut bagi tujuan berikut:

- (i) membantu syarikat tempatan yang perlu menggunakan produk itu sebagai input untuk keluaran mereka bagi mengurangkan kos perniagaan supaya mampu mengekalkan dan seterusnya meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa; dan

- (ii) melaksanakan proses liberalisasi perdagangan secara terancang di mana penurunan kadar duti import ke atas produk tersebut termasuklah yang merupakan barangan pengguna iaitu *teeth and soothers* bagi bayi adalah selari dengan hasrat untuk mengurangkan kos kepada pengguna.

Perintah Duti Kastam barang-barang berasal dari negeri-negeri ASEAN (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN) dan Perjanjian Perdagangan ASEAN (Pindaan) 2012, P.U.(A)471 yang diwartakan pada 28 Disember 2012. Perintah ini merupakan pindaan susulan bagi menurunkan duti import ke atas produk *polyethylene raisin, propylene copolymers, polypropylene raisins, tin plate* dan juga *teeth and soothers* iaitu sama seperti dalam Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2012 di atas yang diimport daripada negara ASEAN.

Perintah Duti Kastam barang-barang di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas antara Malaysia dengan Australia 2012 (P.U.(A)487) yang diwartakan pada 31 Disember 2012. Perintah ini diwartakan selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas antara Malaysia dengan Australia (MAFTA). Perjanjian ini telah melalui rundingan sebanyak 12 pusingan dan telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri perdagangan kedua-dua negara pada 22 Mei 2012. Tarikh mula perjanjian berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Pelaksanaan MAFTA akan merealisasikan peningkatan perdagangan barangan di antara Malaysia dan Australia melalui penghapusan dan pengurangan duti import secara progresif mulai tahun 2013 sehingga tahun 2020. Di bawah komitmen ini, Malaysia akan menghapuskan duti import ke atas 9,938 baris ataupun 95.59% pada keseluruhan baris tarif pada tahun 2013 dan meningkat kepada 10,295 baris atau 99% daripada keseluruhan baris tarif pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah Yang Berhormat Kepong. Sudah dilantik timbalan pengerusi pun mahu bahas lagi [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kepong, teruskan.

12.43 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ini memang melanggar peraturan terutamanya Yang Berhormat Bintulu seolah-olah ini di karaoke. [Ketawa] Dia ingat masih di karaoke. Dia minum di situ, nyanyi di situ.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau macam itu Yang Berhormat Kepong memang ada pergi. Kalau tidak pergi macam mana boleh tumpang. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Pandang di sini supaya tidak ada gangguan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sebutkan Kertas Statut 33, 34, 36 yang meliputi banyak kekurangan duti import. Ini memang mengurangkan hasil kerana di dalam duti import dan sebagainya, kita sampai RM30 bilion atau lebih setiap tahun. Dengan ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pandang Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak mengambil perhatian dengan hasil negara. Duti import tidak langsung cuma mementingkan elaun dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini dengan dikuatkuasakan peraturan ini. Apakah kekurangan hasil untuk negara dari segi polimer yang disebutkan tadi iaitu *polypropylene, tin plate* dan sebagainya. Saya nampak ada kekurangan yang banyak daripada 15% kepada 10% dan juga untuk *tin*

plate daripada 10% kepada 5%. Ini memang kita hendak mengetahui kerana terutamanya dengan ASEAN misalnya, kerana di ASEAN itu kita ada Perintah Duti Kastam barang-barang berasal dari negeri Asian dan ini saya berharap dapat dijawab dengan MAFTA.

Tuan Yang di-Pertua, ini begitu banyak. Kalau hendak bincang pun, satu hari tidak boleh habis. Memang tidak boleh habis dengan pertikaian hangat dengan TPPA sekarang itu kita mesti tahu juga, dengan MAFTA itu, apakah keuntungan untuk kita semua. Ini kerana kalau dengan butiran yang begitu banyak di sini dengan terperinci, kita tidak ada masa untuk bincangkan. Cuma bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dengan adanya MAFTA ini, apakah keuntungan untuk negara kita.

Apakah keuntungan sebab kita tahu Australia itu rakan perdagangan terbesarnya negara China. Setakat ini nampaknya eksport Australia kepada China sudah kurang sedikit. Dengan ada MAFTA ini, apakah tujuan Australia adakan MAFTA dengan kita. Adakah ini bermakna mereka akan menambahkan eksport Australia kepada Malaysia? Kalau itu yang berlaku, kita ada MAFTA, duit import itu sudah dikurangkan. Apakah kerugian untuk negara ataupun keuntungan untuk negara dengan AMFTA ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang minat untuk bahas, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang mengambil bahagian. Kerugian kepada negara daripada implikasi hasil duti import apabila kita menurunkan daripada 15% kepada 10% PE *raisins* ialah RM35,335,617.33. Ini anggaran menurut kutipan tahun 2012. PP *raisins* 15% kepada 10%, kerugian hasil RM22,185,451. *Teeth and soothers* 15% kepada 10%, RM169,157.67. 10% kepada 5% untuk *tin plate*, RM11,332.034. Berjumlah keseluruhan anggaran kehilangan hasil RM69,622,060.

Namun walaupun kita kekurangan hasil sebanyak itu apabila duti import ini dikuatkuasakan, kita juga mendapat faedah-faedah daripada apa yang kita laksanakan. Ini kerana segala barang-barang yang kita turunkan harga ini, turunkan duti import ini, ia adalah merupakan input kepada produk-produk lain untuk mengeluarkan produk berasaskan plastik dan perkara-perkara lain daripada produk itu.

Ini menyebabkan kos kepada produk yang dihasilkan dalam negara akan berkurangan dan *end product* yang berkurangan kos itu akan kita eksport keluar dengan harga yang lebih murah. Dengan lain perkataan, satu masa nanti eksport negara kita akan bertambah akibat kita mengurangkan duti import ini. Ini kerana sebahagian besar daripada hasil itu akan mengurangkan kos barangan import dan hasilnya kos kepada *end product* juga akan turun dan eksport kita akan meningkat. Kalau *end product* kosnya turun, bukan hanya eksport kita akan meningkat tetapi juga pengguna juga akan untung mendapat harga yang lebih murah daripada yang sewajarnya. Itu yang pertama.

Tentang MAFTA. Ada pelbagai keuntungan apabila kita menandatangani perjanjian dua hala. Ia adalah merupakan *win-win* atau menang-menang antara Malaysia dan juga Australia.

■1250

Apabila kita menang-menang ini, ia adalah merupakan *synergistic cooperation* dengan izin. Sebenarnya hubungan *synergistic* ini akan menyebabkan bukan satu campur satu maksudnya bertambah jadi dua, tetapi apabila kita bergabung berpakat dengan Australia ini satu campur satu bukan dua tetapi satu campur satu ialah tiga ataupun lebih keuntungan yang akhirnya akan diperolehi dalam pelbagai bidang yang kita tawarkan seperti pendidikan, telekomunikasi dan juga *financial*, perkhidmatan. Australia pada ketika yang sama memberikan dan memerlukan bidang-bidang Malaysia yang tertentu dan akhirnya MAFTA ini akan memberi keuntungan kedua-dua belah pihak dan yang mana lebih agresif negara itu akan lebih untung.

Inilah yang kita telah tandatangani pelbagai perjanjian seperti ASEAN Free-Trade Area (AFTA), ASEAN China, ASEAN Japan, ASEAN Indian Free-Trade Agreement, ASEAN Australia, New Zealand dan pelbagai lagi perjanjian-perjanjian yang telah pun kita tandatangani selama ini. TPP belum lagi diputuskan secara muktamad. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan Statut 34, Statut 35 dan Statut 36 tahun 2013 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MERUJUK YANG BERTHORMAT SIMPANG RENGAM KE JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DI BAWAH P.M. 80

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk berhujah, saya telah buat keputusan bahawa daripada sebelah kiri saya daripada pihak Pakatan. Selepas Yang Berhormat Jelutong bentang usul, kalau boleh ada lagi tiga Yang Berhormat daripada Pakatan dan kalau boleh daripada parti masing-masing. Selepas itu daripada pihak kerajaan juga, selepas Yang Berhormat Simpang Renggam berhujah, saya akan jemput ada lagi tiga orang daripada pihak kerajaan. Bagi Yang Berhormat, saya beri masa 15 minit, penghujah-penhujah yang berikut 10 minit seorang. Begitu juga daripada pihak kerajaan. Sila Yang Berhormat Jelutong.

12.52 tgh.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya wakil dari Jelutong membentangkan usul supaya Yang Berhormat Simpang Renggam dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat bersabit Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Nombor 36(12).

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Julai secara lisan dan secara spontan dalam Dewan, serta pada 3 Julai secara bertulis, saya telah membawa usul supaya Yang Berhormat Simpang Renggam dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dengan berdasarkan Penyata Rasmi Dewan Rakyat (*Hansard*) bertarikh 2 Julai 2013, muka surat 137 hingga 149, serta Penyata Rasmi bertarikh 4 Julai muka surat 28 hingga 30, adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Simpang Renggam telah berucap dalam Dewan Rakyat lebih kurang pada pukul 6 petang, Selasa, 2 Julai 2013 dengan lemparan tuduhan.

Antara yang lain, yang mengaitkan Yang Berhormat Permatang Pauh dengan sebanyak 20 akaun simpanan di luar negeri dengan tuduhan jumlah simpanan mencecah USD66 juta dan SGD49 juta termasuk simpanan di Israel *National Bank*. Tuduhan ini dirakam dalam Penyata rasmi muka surat 139. Dalam muka surat 139 yang sama, Yang Berhormat Simpang Renggam juga berkata, "*Peristiwa kedua ialah mengenai maklumat yang didedahkan oleh WikiLeaks*". Nas ataupun inti pati dalam tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Simpang Renggam antara lain ialah:

- (i) bahawa sumber maklumat tersebut adalah berdasarkan *WikiLeaks*;
- (ii) bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh mempunyai simpanan bank USD66 juta dan SGD 49juta di bank-bank asing; dan
- (iii) bahawa antara bank yang menyimpan simpanan tersebut termasuklah *Israel National Bank*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usul bertulis saya bertarikh 3 Julai yang lalu, saya telah memberi beberapa alasan untuk menyatakan Yang Berhormat Simpang Renggam telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12) dan harus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana Yang Berhormat Simpang Renggam telah mengatakan beliau tidak akan berganjak daripada apa yang dihujahkannya dalam Dewan dan beliau tidak akan menarik balik tuduhan-tuduhan tersebut. *Point of Order* 36(12) mengatakan mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina majlis dan ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang internet dan kandungan internet. Sesudah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dikuatkuasakan, saya telah melibatkan diri sebagai salah seorang pengasas dalam dua forum yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan menerusi kehendak-kehendak Akta 1998 tersebut. Saya telah memberi sumbangan sebagai salah seorang pengasas dalam forum kandungan dan juga pengasas bagi forum pengguna.

Dalam penglibatan saya di kedua-dua forum tersebut, saya juga memainkan peranan sebagai salah seorang penggubal kod-kod etika bagi kod kandungan multimedia dan juga kod pengguna. Selain itu, saya juga bersama-sama yang lain adalah perintis yang mempelopori *social political blogs* sejak tahun 2003 di bawah nama Jeffwee.com. Kini terdapat melebihi 250,000 lebih *entry* jika istilah Jeffwee disearch dalam Google.

Tuan Yang di-Pertua, saya memperkenalkan diri saya secara demikian bukan bertujuan untuk mengangkat diri. Sebaliknya saya ingin membantu untuk mewujudkan satu sistem Parlimen yang bertaraf *five star* seperti mana yang termaktub dalam penyata misi ataupun *mission statement* dengan izin, Parlimen Malaysia. Yakni untuk senantiasa berucap dan berbahas dalam Dewan dengan berdasarkan sifat-sifat Parlimen yang berwibawa dan rasa penuh tanggungjawab demi mendaulatkan raja, bangsa dan martabat Ahli Parlimen Malaysia.

Oleh itu, saya mendapati hujah Yang Berhormat Simpang Renggam adalah bertujuan mengelirukan Dewan dan kelakuan tersebut boleh disifatkan menghina Dewan dan ahli-ahlinya dan beliau wajar dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan tersebut dengan berdasarkan sebab-sebab seperti berikut:

- (i) tuduhan terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh yang kononnya berdasarkan *WikiLeaks*. Adalah dimaklumkan bahawa *WikiLeaks* serta kandungan dalam *WikiLeaks* merupakan maklumat domain awam ataupun *public domain information* dengan izin yang satu, dipapar secara terang dan langsung. Kedua, mudah dan sedia dirujuk oleh orang ramai. Ketiga, kandungan laman webnya tiada banyak pindaan dan sekiranya pindaan dibuat ia hanya dilakukan mengikut etika kandungan laman web supaya dianggap sebagai sumber maklumat domain awam yang layak dipercayai; dan
- (ii) portal dan kandungan *WikiLeaks* adalah disiarkan rayakan pada www.wikiLeaks.org. Semua pendedahan *WikiLeaks* mengenai hal ehwal Malaysia adalah disiarkan rayakan pada [http://WikiLeaks.org/wiki/Category: Malaysia](http://WikiLeaks.org/wiki/Category:Malaysia) dengan mengatakan ia bersumberkan *WikiLeaks*.

Maka sudah pasti Yang Berhormat Simpang Renggam akur kepada takrifan *public domain information* yang saya katakan tadi. Akan tetapi *WikiLeaks* yang mana yang Berhormat Simpang Renggam sandarkan? Saya telah baca dan saya turunkan siaran di *WikiLeaks official page* mengenai kategori di Malaysia terdapat 17 halaman dalam kategori yang sama. Dalam pada itu jumlahnya hanya sebanyak 17 perkara dan 17 perkara tersebut tidak satu yang sentuh tentang akaun simpanan yang kononnya disimpan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

Jadi, saya telah pun memberikan satu pakej maklumat yang agak lengkap kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Simpang Renggam sendiri sebagai kekunci untuk membuktikan bahawa Yang Berhormat Simpang Renggam telah terpesong dan harus menarik balik tuduhan-tuduhan yang membinasakan Yang Berhormat Permatang Pauh. Amat jelas sekali sebarang tuduhan terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh bersabit simpanan wang di *Israel Nasional Bank* dengan bersumberkan *WikiLeaks* dan ini adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ada sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya juga ingin mengutip daripada Penyata Rasmi Dewan kita bertarikh 4 Julai muka surat 29 di mana Yang Berhormat Simpang Renggam telah mempersendakan Yang Berhormat Batu sebagai orang yang jahil kerana tidak melayari laman web ataupun yang termasuk *WikiLeaks*. "*Saya sebenarnya dalam perbincangan Yang Berhormat Batu sudah tanya saya sama ada ia ada dalam WikiLeaks*". Saya menjawab, "*Kecuali Yang Berhormat tidak melayari internet. Saya tidak boleh cakap apa. Akan tetapi semuanya ada dalam internet.*"

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu perspektif menerusi kata-kata hikmat oleh Martin Luther King dengan izin, "*Nothing in the world is more dangerous than sincere ignorance and conscientious stupidity*". [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat siasatan, malah dengan *Google* pun sudah cukup. Bank seperti *Israel National Bank* tidak wujud. Kalau tidak wujud macam mana pula Yang Berhormat Simpang Renggam boleh mengatakan Yang Berhormat Permatang Pauh menyimpan simpanan di bank tersebut.

Saya juga membuat kutipan daripada *public domain*. Sebenarnya, hanya terdapat 10 bank yang beroperasi di Israel dan daripada 10 bank yang beroperasi di Israel sekarang, satu merupakan *Central Bank* seperti Bank Negara di Malaysia. Itu dinamakan *Bank of Israel*. Sembilan bank yang lain ialah Bank Mizrahi Tefahot, Israel Discount Bank, Bank Hapoalim, Bank Leumi, Mercantile Discount Bank, Bank Otsar Ha-Hayal, First International Bank of Israel, Union Bank of Israel dan juga Bank of Jerusalem.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tiada bank yang dinamakan *Israel National Bank* seperti mana yang disebut-sebut oleh Yang Berhormat Simpang Renggam saya rasa itu menunjukkan *abject ignorance conscientious stupidity. The most dangerous thing in this world*. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sumber-sumber palsu digunakan dalam Dewan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam juga bertujuan untuk mengelirukan, *to mislead and deemed to be in contempt of the House*, dengan izin. [Tepuk] Adalah didapati hujah-hujah pokok yang digunakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam adalah lebih berdasarkan tulisan-tulisan dalam blog tanpa nama, *anonymous blogs* yang tidak layak dipercayai dari segi mana-mana definisi sebagai maklumat domain awam.

Sebagai contoh, blog tanpa nama sedemikian rupanya adalah seperti berikut, saya telah berikan dua lampiran kepada Tuan Yang di-Pertua. Satunya, disiarkan pada 12 Jun 2012 di bawah <http://pengundisetiasungairapat.blogspot.com>. Butiran itu telah di bentang. Lampiran yang satu lagi disiarkan pada 24 Februari 2013 di bawah blog <http://theunspinnners.blogspot.com>. Adalah didapati Tuan Yang di-Pertua, semua nombor akaun bank luar negeri milik Yang Berhormat Permatang Pauh yang dikutip dan dihujahkan dalam Dewan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, mirip dengan blog-blog tanpa nama *anonymous* blog yang saya sebutkan tadi. Adalah juga didapati bahawa tiada sebarang pendedahan yg sama mengenai akaun-akaun luar negeri konon-kononnya milik Yang Berhormat Permatang Pauh seperti yang dihujah oleh Yang Berhormat Simpang Renggam boleh diperoleh di dalam portal *WikiLeaks* seperti saya berikan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, saya dapati Yang Berhormat simpang Renggam telah melanggar peraturan-peraturan mesyuarat Dewan nombor 36(12) dan saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya membuat keputusan untuk membawa usul ini, saya sedar akan keputusan yang mungkin terjadi. Saya juga telah berkhidmat dalam Parlimen Kedua Belas dan telah juga mengharungi usul Peraturan Mesyuarat 36 yang sama terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh bersabit kes APCO. Saya sedar kuasa suara

majoriti boleh diguna untuk meluluskan ataupun menolak usul-usul seumpama yang saya bawa hari ini.

Dalam prosiding mengenai APCO dahulu, keputusan Dewan pada 16 Disember 2010 ialah untuk menggantung Yang Berhormat Permatang Pauh daripada menghadiri Dewan selama enam bulan. Di samping itu, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Bukit Gelugor juga dikenakan penalti yang sama, gantung selama enam bulan kerana bersabit perkara-perkara lain yang berkenaan dengan perjalanan jawatan perundingan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dalam tugas-tugas penelitian.

Maka, kali ini kita dalam Dewan menghadapi ujian yang sama Tuan Yang di-Pertua, yakni semua kuasa sama ada kuasa suara besar akan dipergunakan sehingga soal martabat dan kemuliaan Parlimen harus dipinggirkan untuk menegakkan *tyranny of the majority* apabila berhadapan dengan satu perkara mengenai prinsip dan juga martabat negara. Justeru, demi Peraturan Mesyuarat Dewan nombor 80 dan 80(a), saya pohon supaya usul saya terhadap Yang Berhormat Simpang Renggam dapat diselenggarakan dengan secepat mungkin. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat Bayan Baru menyokong dan saya minta Yang Berhormat Simpang Renggam bertaubatlal. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat sekarang ini sudah 1.06 minit. Jadi nanti sebelah tengah hari, *insya-Allah* saya juga mempengerusikan. Saya akan jemput pihak-pihak yang berkenaan yang telah pun dinamakan untuk turut berbahas. Ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.07 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat?

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk semula kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) yang saya bangkitkan pagi tadi dan atas nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua tadi, Yang Berhormat Pandan telah menyatakan beliau akan mengemukakan usul dan akan membuat kenyataan akhbar di luar dan mengulangi apa yang disebut.

Akan tetapi setelah beliau melakukan, ia benar-benar mengelirukan. Saya anggap ini seakan-akan mengelirukan Tuan Yang di-Pertua juga sebab beliau tidak sebut secara eksplisit dan secara spesifik sebagaimana yang tertera di dalam *Hansard* tentang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR yang didakwa ada kaitan dengan Mohd Salleh bin Mohd Ali itu.

Jadi, saya anggap Tuan Yang di-Pertua bahawa sekali lagi Yang Berhormat Pandan di bawah 36(12) mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan ini dan boleh dianggap juga sebagai membuat dakwaan yang tidak berasas dan menghina Dewan yang mulia ini. Saya pohon *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat, waktu saya buat *ruling* pagi tadi saya telah pun meneliti hujah daripada Yang Berhormat Pandan dan faktor-faktor yang mengelilingi hujah tadi itu termasuk celahan daripada Yang Berhormat.

Bagi saya Yang Berhormat, tafsiran saya mengenai 36(12) ini ialah apabila dua fakta bercanggah iaitu fakta daripada pihak yang sekarang dituduh ini dan satu fakta lagi lain.

Akan tetapi, dalam hal ini tidak ada langsung percanggahan fakta. Cuma apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Pandan adalah suatu tuduhan bahawa individu sekian-sekian ada hubungan dengan orang sekian-sekian seperti Yang Berhormat ada sebut tadi. Jadi dalam soal ini, itu sebab saya katakan Peraturan Mesyuarat 36(8) penting. Jangan libatkan nama-nama yang tercatat dalam 36(12). Secara kebetulan ialah pegawai-pegawai SPR.

Mengenai dengan tuduhan yang dibuat itu ialah kalau ianya serius, mesti bawa usul bersendirian. Kalau itu pendirian dia. Jadi, tujuan peraturan-peraturan Mesyuarat yang melarang Ahli-ahli Yang Berhormat untuk buat perkara sangkaan jahat, jangan gunakan perkataan-perkataan *unparliamentary* adalah untuk mengelakkan perkara seperti begini yang dibangkitkan Yang Berhormat.

Jadi, pada pagi tadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat Pandan oleh kerana soal yang sedang kita sebut ini adalah soal integriti, soal keadilan, maka saya kata Pengerusi SPR dan Timbalan Pengerusi SPR tidak boleh menjawab bagi pihak mereka dalam Parlimen, diri mereka. Maka, untuk memberi peluang kepada mereka kalau Yang Berhormat Pandan juga betul-betul ikhlas untuk mencari keadilan, maka harus dia buat kenyataan itu di luar Dewan supaya pihak yang *aggrieved* ini dapat ambil tindakan mahkamah.

Terpulang kepada Yang Berhormat Pandan pula untuk juga integriti dia sebagai Ahli Parlimen yang terhormat. Begitu juga umpamanya soal dia kata dia akan buat usul bersendirian bermakna dia akan buat usul bersendirian, persidangan akan datang kalau sudah datang kita akan masukkan dalam *order paper*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja Yang Berhormat. Saya tidak nampak kerana 36(12) itu mesti memenuhi tiga kriteria.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya tidak nampak di situ bahawa kriteria-kriteria itu dapat dipenuhi..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya cakap?

Tuan Yang di-Pertua: Siapa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini Ahli Parlimen..

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu? Mana satu lagi ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila. Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Parlimen Pandan – Yang Berhormat Parlimen Pandan. Silap cakap. Ini Ahli Parlimen Pandan ini saya tengok kenyataan dia pagi tadi Tuan Yang di-Pertua, dia bukan sahaja menyelewengkan Dewan malah dia juga telah memperdayakan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah SPR dia tidak hormat. Kalau Tuan Yang di-Pertua pun dia tidak hormat, bagaimana dia boleh layak berada di dalam Dewan ini?

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi betul Tuan Yang di-Pertua pun dengar Tuan Yang di-Pertua pun sudah ulang bahawa kalau betul-betul dia ini bukan seorang yang pondan atau seorang jantan dia kata dia akan *repeat* benda ini..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan. *Are these... is it unparliamentary language?*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey. Tidak apa. Saya tarik balik.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tarik balik. Oleh sebab pandan dan pondan ini dia dekat-dekat sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya tarik balik. Saya kata pandan. Pandan, p, a, n, d, a, n. Pondan, p, o, n, d, a, n. Apa salahnya. Saya tarik dirilah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua..

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Lidah masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Salah? *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua untuk buat *rule*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua isu peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Baiklah kalau..

Tuan Yang di-Pertua: *We take it once at a time.*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pandan tidak ada di dalam Dewan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa. Tidak apa.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Isu *privilege* Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pandan tidak ada di dalam Dewan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mana ada. Dalam peraturan berapa?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Kita tunggu sampai Yang Berhormat Pandan balik.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan berapa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Tuan Yang di-Pertua, mana ada dalam...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Menyampuk]*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ini tidak ada orang, dia bising.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Waktu Yang Berhormat Pandan menuduh Pengerusi, dia tidak ada dalam Dewan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ini isu yang penting.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, itu sebenarnya *floor* saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Bila ahli tidak ada, isu *privilege* tidak boleh dibangkitkan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mana ini?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Bagi dia peluang untuk datang. Dia pergi untuk siasatan polis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Waktu Yang Berhormat Pandan menuduh Pengerusi, dia tidak ada dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Ahli Yang Berhormat. Duduk dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk dulu Yang Berhormat Lenggong. Duduk sekejap. Duduk sekejap. Ahli Yang Berhormat sedar tak yang kita sedang bincang ini peraturan mesyuarat?

Apabila kita membentangkan peraturan mesyuarat membangkitkan, maka harus kita mengikut peraturan mesyuarat itu. Jadi, jangan lagi tambah hujah-hujah satu dua perkataan untuk menimbulkan lagi kekecohan. Tolong Ahli Yang Berhormat, saya faham itu. Apabila kita bangkitkan peraturan mesyuarat maka kita harus patuh kepada kandungan peraturan mesyuarat baru kita boleh bermesyuarat.

Tadi sudah saya buat keputusan mengenai dengan apa yang saya sebut. Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham Peraturan Mesyuarat 42, 43, 44. Apabila Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan, tidak lagi boleh diulang kaji balik. Mesti bawa usul bersendirian pula. Jadi kalau Yang Berhormat bangkitkan itu apa pun *argument* daripada Ahli Yang Berhormat saya tidak akan berganjak dengan apa yang saya sebut pagi tadi kerana itulah *finding* saya secara ikhlas.

■1440

Terpulang kepada Yang Berhormat Pandan untuk membuat kenyataan yang sejelas-jelasnya, jangan bersembunyi lagi dengan retorik yang lain supaya Pengerusi SPR dan Timbalan Pengerusi SPR mendapat tindakan mahkamah. Kalau mereka fikir mereka teraniaya dalam soal itu, itu jelas dan Yang Berhormat Pandan kata dia akan buat. Satu lagi yang diakui ialah bahawa dia membuat usul bersendirian mengenai dengan tuduhannya yang kononnya ada elemen-elemen korupsi di dalam hal ini. Itu sahaja, *very clear*. Jadi, apa lagi yang tidak ada di situ yang saya tidak nampak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebab hendak menjaga maruah Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat. [*Dewan riuh*] Dengar, dengar, dengar dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya ada salinan *press release* daripada Yang Berhormat Pandan. [*Merujuk lampiran di tangan*] Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, di dalam *press release* dia... Saya hendak baca supaya Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua boleh tafsir apa *press release* dia.

Dia kata apa? "*Hakikat bahawa syarikat-syarikat yang rekod kewangan pun tidak dikemas kini, kali terakhir difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ialah bagi tahun 2009, diberi peluang untuk mendapatkan tiga kontrak perbekalan secara rundingan terus. Menguatkan lagi dakwaan bahawa Mohamed Salleh Mohd Ali mempunyai hubungan yang baik dengan kepimpinan SPR.*" Sekarang ini dia tukar. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Kepala Batas tidak akan membawa usul kalau dia di dalam ucapannya, di dalam *Hansard* dia tidak menyebut spesifik...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 43... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Pengerusi dan juga Timbalan Pengerusi. [*Dewan riuh*]

Tuan N. Surendran a/ K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Peraturan 43, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Surendran a/ K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 43...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat, saya dengar dahulu apa...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, bagilah.

Tuan Yang di-Pertua: ...Selepas itu berdiri, bolehkah saya minta begitu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini...

Tuan Yang di-Pertua: Sila habiskan, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu ialah *wording* dan juga macam mana kita mentafsirkan perkataan. Yang Berhormat Kepala Batas membuat usul kerana di dalam ucapan dia di dalam Dewan yang mulia ini, dia sebut spesifik. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR dan itulah sepatutnya yang dia mesti buat dalam kenyataan di luar Dewan seperti dijanjikan kepada Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi hari ini di dalam kenyataan, dia tidak sebut spesifik. Dia hanya menyebut "*Hubungan yang baik dengan kepimpinan SPR.*" Kalau inilah dia bercakap waktu dia berucap pada hari itu, saya yakin Yang Berhormat Kepala Batas tidak akan bangun. Ini menunjukkan dia seorang yang tidak berani dan tidak bermaruah. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Great liar.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Great liar.* Mana?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Great liar.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Ini pengarah strategi yang tidak berani, yang bercakap berputar belit.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Di dalam Dewan lain, di luar lain... Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan apa Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana kalau berani bercakap spesifik...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Pengerusi SPR...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Dengan Timbalan Pengerusi SPR.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat Batu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Ini bermakna hakikatnya dia takut untuk didakwa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak cakap, kita kalau betul-betul anak jantan, kalau dia betul-betul berani ulang spesifik bahawa Pengerusi SPR, Timbalan Pengerusi SPR terlibat, barulah betul. Ini dia dalam Dewan cakap lain, luar Dewan cakap lain, kita buang masa membahaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Satu ucapan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Yang memutarbelitkan Dewan. *[Tepuk]*

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan Yang Berhormat Tanjong Karang...

Beberapa Ahli: *Peraturan apa?*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya sama, peraturan mesyuarat yang sama dalam menyelewengkan Dewan. Isu ini secara spesifik, kita hanya boleh bincang hujah yang dibawa dalam Dewan. Tuan Yang di-Pertua tidak perlu layan *statement* yang di luar, di lobi ini setiap hari. *[Dewan riuh]* Seperti Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi, kalau ketua SPR rasa dia dianiayai, tidak betul, dia boleh ambil tindakan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Kita tidak perlu membazirkan masa...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Untuk berbincang di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat, itu sebab terpaksa saya layan. Kalau mengikut kehendak saya, tidak ada apa-apalah semua undi sahaja.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang perlu membaca Peraturan Mesyuarat 43. Jelas bahawa selepas Tuan Yang di-Pertua membuat *ruling*, tidak boleh ditimbang semula, tidak boleh diulang kaji. *[Dewan riuh]* Kecuali dibuat...

Seorang Ahli: Penakut! Penakut! Penakut! *[Dewan riuh]*

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Peraturan 43.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Jelas Tuan Yang di-Pertua, dia perlu membaca peraturan. *[Dewan riuh]* Buku warna biru kecil.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Betullah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, masalahnya Yang Berhormat Pandan tidak menghormati *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Lain yang disuruh buat, lain yang dicakap...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Yang Berhormat Batu ini pun kepala macam batu, tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...*The meaning*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Kalau dia betul-betul berani sebut di dalam *press statement* dia...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Bahawa Pengerusi SPR dan Timbalan Pengerusi SPR mesti disebut dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Bukan hanya umum.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Kepentingan SPR.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kepimpinan SPR...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Berbeza. Janganlah hendak putar belit fakta.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kepimpinan SPR...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Siapa lagi kepimpinan SPR?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, apa ini? Peraturan mesyuarat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak respons kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Yang di-Pertua: ...Ataupun informasi *additional* sahaja?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, okey.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You* bukan *lawyer*, duduklah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak apalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...*You* mana tahu. Ha! Itu pun *lawyer* yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga-tiga Ahli Yang Berhormat itu duduk dahulu. Isu sekarang ini mudah sahaja. Yang Berhormat Kepala Batas berdiri tadi dan selepas itu Yang Berhormat Tanjong Karang isunya adalah seperti berikut, kalau saya faham betul-betul. Di mana ekoran daripada *ruling* saya pagi tadi, rupa-rupanya Yang Berhormat Pandan membuat kenyataan. Jadi, kenyataan yang dibangkitkan tadi itu dia tidak menamakan secara spesifik pengerusi dan timbalan pengerusi. Timbalan pengerusi itu, tidak ada kena mengena dengan *ruling* saya. *Ruling* saya tadi jelas bahawa saya katakan untuk menjelaskan semua ini dan berlaku adil kepada orang yang terlibat.

Saya mencadangkan, bukan saya mengarahkan untuk membuat kenyataan di luar Dewan untuk memberikan peluang kepada pihak-pihak yang *agree* ini mengambil tindakan. Jadi terpulang kepada Yang Berhormat Pandan, kerana soal yang kita mempersoalkan ini adalah integriti setiap Ahli Parlimen yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru. Jadi terpulang kepada Yang Berhormat Pandan. Kalau dia masih berselindung

dengan itu, itu di luar bidang kuasa saya Yang Berhormat Tanjong Karang. *[Dewan riuh]* Terpujang. Terima kasih. Jadi saya menganggap isu ini berakhir di situ Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, selepas ini saya akan panggil Yang Berhormat Simpang Renggam. Sekarang kita sedang membahaskan Peraturan Mesyuarat 36(12). Tadi Yang Berhormat Jelutong telah berhujah, jadi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin hendak menyampuk atau mencelah, tolonglah ambil perhatian pada peraturan mesyuarat. Ini kerana, kita jangan berbincang dengan peraturan mesyuarat selepas itu peraturan mesyuarat pula kita ketepikan. Kalau kita berbuat begitu tidak elok dipandang oleh semua. Jadi, berhati-hati ketika berhujah. Sila Yang Berhormat Simpang Renggam ada 15 minit mulai daripada sekarang.

2.47 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk memperjelaskan keadaan dan membela diri saya di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jelutong.

Yang Berhormat Jelutong di dalam usulnya mahu merujuk saya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana dikatakan mengeluarkan kenyataan yang menyelewengkan Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan yang menyeleweng Dewan itu? Di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) tidak dinyatakan apakah jenis kenyataan yang menyeleweng malahan mengikut fahaman saya, di dalam peraturan mesyuarat Dewan Rakyat pun tidak memberikan tafsiran atau mengkategorikan kenyataan yang menyeleweng Dewan.

Bagi membuktikan sama ada seseorang Ahli itu memberikan kenyataan yang menyeleweng atau memesongkan Dewan maka perlu dibuktikan tiga elemen utama, Tuan Yang di-Pertua. Elemen yang pertama, kenyataan itu bersifat menyeleweng ataupun *misleading*, dengan izin. Elemen kedua, kenyataan itu hendaklah diketahui pada masa itu tidak tepat dan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, niat untuk menyeleweng walaupun tahu kenyataan itu tidak tepat. Jadi, saya ingin menegaskan di sini bahawa saya tidak berniat untuk menyelewengkan Dewan yang mulia ini.

Fakta yang saya berikan di dalam Dewan pada tempoh hari adalah berdasarkan rekod internet yang ada di dalam *public domain* dan juga mudah diakses oleh orang ramai.

■1450

Pada masa saya menyampaikan fakta itu di dalam Dewan ini, saya telah difahamkan bahawa fakta itu ada dalam *WikiLeaks* dan juga di blog-blog. Seterusnya, saya juga pada masa itu dimaklumkan bahawa fakta yang diberikan itu adalah betul dan atas sebab itu maka saya berani menyatakan dan membentangkan fakta-fakta tersebut di dalam Dewan ini. Seandainya saya tahu bahawa fakta itu tidak tepat, sudah tentu saya tidak akan mengemukakan fakta-fakta tersebut di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga membaca usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelutong. Di mana berbunyi begini:

“Hujah-hujah pokok yang digunakan oleh saya (Yang Berhormat Simpang Renggam) adalah lebih berdasarkan tulisan-tulisan dalam blog tanpa nama yang tidak layak dipercayai.”

Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh memilih untuk tidak mempercayai, tetapi padahal ramai termasuk saya mempercayai apa yang ditulis dalam blog-blog. Betul atau tidak?

Beberapa Ahli: Betul! [Tepuk]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Jadi di samping itu, sekiranya disemak kenyataan saya pada 2 Julai 2013 adalah jelas bahawa saya menyatakan bahawa fakta-fakta itu perlu disiasat oleh pihak yang bertanggungjawab. Saya hanya meminta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada fakta-fakta itu adalah betul. Jadi tidak timbul

bahawa saya mereka-reka fakta atau cuba menyeleweng Dewan ini memandangkan bahawa saya telah meminta supaya fakta tersebut disiasat.

Saya cuma ambil bulat-bulat apa yang ada di dalam internet. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi sekali lagi, ini isu yang cukup serius. Saya sebenarnya tidak ada kepentingan peribadi. Ini berkaitan isu keselamatan negara. Saya telah berulang-ulang kali saya sebut ini berkaitan keselamatan negara. Ini isu berkaitan ada campur tangan daripada luar negara dalam politik Malaysia. Ini berkaitan isu SUARAM (Suara Inisiatif Sdn. Bhd.), ini berkaitan isu Jusuf Kalla. Temu ramah Jusuf Kalla yang jelas menyatakan...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Minta laluan...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh saya dapat penjelasan Yang Berhormat? Mungkinkah yang mendorong Yang Berhormat membawa perkara itu ke Parlimen kerana catatan-catatan yang dipaparkan di dalam internet itu melibatkan orang yang memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan ketika perkara itu berlaku dan melibatkan jumlah yang besar dan bentuk paparan dalam internet itu mempunyai fakta-fakta yang menimbulkan keinginan Yang Berhormat mengetahui perkara yang sebenar.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Memang benar beliau yang melibatkan seorang merupakan mantan pemimpin negara dan pada hari ini masih duduk di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Simpang Renggam boleh mencelah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak apa saya teruskan, ada lagi. Jadi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yalah berani bagi celahan...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua satu lagi saya juga difahamkan sebelum ini ada seorang Mantan Penolong Gabenor Bank Negara dan namanya Datuk Abdul Murad Khalid, beliau telah membuat akuan bersumpah (*statutory declaration*) Tuan Yang di-Pertua. Beliau mengatakan bahawa beliau membantu menguruskan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Simpang Renggam, bagilah celahan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menguruskan Yang Berhormat Permatang Pauh pada masa ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan membantu beliau menguruskan aset saham dan sebagainya bernilai sejumlah RM3 bilion. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua ini tidak relevan Tuan Yang di-Pertua. Tidak *relevancy* kepada isu hari ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh minta celah...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Jadi saya mahu pihak kerajaan, dengar ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yalah buat dakwaan. Okey celah sikit.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tidak berkaitan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Dengar, dengar ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan untuk...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya mahu pihak kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu duduk dulu Yang Berhormat Batu.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Meyakinkan...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, duduk dulu.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu kerajaan meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa 20 akaun yang saya sebut itu bukanlah sebahagian daripada RM3 bilion ataupun sebahagian daripada RM3 bilion. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini adalah isu yang cukup serius dan saya menyeru...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita tahu itu serius.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Pihak kerajaan menyiasat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau serius bagilah bahas.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menyiasat dan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya sudah siasat...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang tadi Yang Berhormat Pandan...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya ingatkan bahawa balik kita sekarang ini sedang membahaskan soal peraturan mesyuarat yang amat serius. Jadi kalau ingin turut berbahas patuh peraturan mesyuarat. Dalam mencelah apabila seorang Ahli Yang Berhormat berdiri, apabila yang sedang berhujah itu memberi laluan, baru boleh. Jadi untuk pada ketika ini kita *observe* dulu peraturan mesyuarat dengan sebaik-baiknya. Sila teruskan Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, *air cond* kurang sejuk. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pandan pagi tadi tidak berani mengulangi apa yang beliau hujah dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya akan - sebab 20 akaun yang saya mendapati adalah sama apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Jelutong dalam usul ini juga. Jadi saya akan menulis secara rasmi kepada pihak bertanggungjawab untuk menyiasat perkara ini. *[Tepuk]* Jadi Tuan Yang di-Pertua oleh itu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Simpang Renggam bagilah sikit.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya memang tidak terniat oleh saya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagilah sikit.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Untuk menyeleweng Dewan yang mulia ini dan jadi adalah salah untuk Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dia kena responslah kalau bagi atau tidak bagi. Sebut bagi atau tidaklah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ...Untuk merujuk saya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila dalam senarai saya. Sila sama ada Yang Berhormat Bukit Katil yang dulukah atau Yang Berhormat Shah Alam. Mana satu?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Atau Yang Berhormat Raub. Sila Yang Berhormat Raub.

2.57 ptg.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Speaker saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong untuk menghadapkan Ahli Yang Berhormat daripada Simpang Renggam kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peruntukan 36(12).

Sebentar tadi kita telah mendengar penjelasan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam dengan izin, *that is the classic line of lawyer's defend*.

Keduanya tidak secara langsung dia mengakui bahawa sumber maklumat dia ialah daripada blog-blog yang tidak bernama. Sekali lagi mengenai 20 akaun bank yang disenaraikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong. *[Disampuk]*

Blog tidak ada nama. Dengar dulu. Saya pun penulis blog. *[Dewan riuh]* Saya pun penulis blog. Ada nama... Tuan Yang di-Pertua ada nama blog akan tetapi tidak identiti penulisnya. Ini dua perkara yang berbeza. *[Tepuk]* Satu 'Papagomo' kah sebagai contoh 'Unspinas' kita tidak tahu siapa identiti penulisnya. Serupa juga 'Pengundi Setia Sungai Rapat', kita tidak tahu identitinya. Ada nama blog. Kita tidak tahu. Ini semua blog-blog yang ditaja dan disokong oleh UMNO.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ini minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Yang ini tarik balik.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua inilah yang digunakan oleh blog-blog tertentu...

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta tarik balik! Kenapa dia menyebut nama UMNO. *[Dewan riuh]*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Yang digunakan oleh...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita minta tarik balik.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Okey tarik balik, tarik balik. Yang digunakan oleh puak-puak tertentu untuk menjustifikasikan...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Dia tarik tidak?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Nanti, saya sudah tarik balik sudah. *[Dewan riuh]* Saya sudah tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik ya. Akan tetapi inilah blog-blog yang bernama tetapi tidak beridentiti...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ini sangkaan jahat ini.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Yang digunakan sebagai alasan untuk menjustifikasikan permohonan 352 untuk melawat...

■1500

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta dia tarik balik, dia menyebut UMNO tadi *[Dewan riuh]*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Woi! Dia suruh tarik baliklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Dulu kita sebut DAP, kita tarik balik. Sekarang kita minta dia tarik balik.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya sudah sebut tadi tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Bertenang dulu Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya sudah tarik balik.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bulan puasa telinga kurang. Bulan puasa telinga kurang. Telinga korek, korek telinga.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya sudah tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengar tadi dia Ahli Yang Berhormat kata dia tarik balik. Akan tetapi kerana terlampau riuh di belakang sana, mungkin tidak mendengar.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Ikutkan pengakuan *indirect* daripada Ahli daripada... Boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Kalau kita mengikut pengakuan *indirect* daripada ahli daripada Simpang Renggam yang dia menggunakan sumber maklumat daripada *blog* yang bernama tetapi tidak tahu identiti. Beza ya? Tidak tahu identiti. Kalau kita bersedia memberi kredibiliti dan kesahihan kepada sumber-sumber ini, maka kita perlu juga menerima kredibiliti dulu yang pernah ditulis dalam internet bahawa pemimpin-pemimpin kerajaan pun ada akaun-akaun tersembunyi. Izinkan saya membaca Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Jangan libatkan hal-hal orang lain dalam sidang yang kita bahas.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Bukan hal lain. Sebab saya...

Tuan Yang di-Pertua: Itu nanti dulu, nanti dulu.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab Yang Berhormat sekarang ini, kita terpaksa...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Contoh penggunaan sumber kalau kita sedia menerima.

Tuan Yang di-Pertua: ...Berbahas dengan soal ini.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, contoh sebagai kalau kita bersedia menerima kredibiliti sumber maklumat yang kita tidak tahu, maka kita harus bersedia juga menerima. Akan tetapi tidak mengapa kalau tidak mahu digunakan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Mencilah sedikit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Sumber. Sekarang ini kita mesti *clear* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sumber yang digunakan oleh...

Ya.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: [Bangun]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam. Terima kasih Raub. Setujukah 'saudara' daripada Raub bahawa memang ini sudah menjadi satu tabiat pemimpin daripada Barisan Nasional. Ingatkah masa tersebut di mana kita ada satu *dispute* tentang Pulau Batu Puteh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order.* Bukan "saudara" tetapi Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Di mana pasukan perundangan... *Eh! This is my floor.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan "saudara" tetapi "Yang Berhormat Raub". Bukan "saudara".

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *This is my floor please.* Ini *floor* saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana ada "saudara-saudara". "Saudara" itu di kampung, di luar. [*Dewan riuh*]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tunggu masa, tunggu masa. Duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Floor* siapa yang duduk? Duduk, duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kena hormat, "Yang Berhormat Raub". Bukan "saudara". Ini bukan ceramah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Floor* siapa? *Floor* siapa? *Floor* siapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* nak ceramah, keluar sana.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tunggu masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ceramah pergi luar. Ceramah di kampung.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang ceramah Yang Berhormat sekarang ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ceramah di kampung. Nak pakai "saudara", ceramah di kampung.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Kinabatangan. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* mengapa, *you* nak?

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* nak, tak boleh tambah sendirikah? *You* pondankah?...*Check out.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik dia cakap "pondan" [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: Tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolong Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri untuk duduk.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik. Minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya nak habiskan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Kurang ajar punya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Kurang ajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Raub duduk dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun meninggalkan Dewan]*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Jangan keluar.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Keluar buat apa? Keluar buat apa?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tidak boleh keluar-keluar

Tuan Yang di-Pertua: Raub duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, duduk dulu Yang Berhormat Raub. Yang sedang berdiri, duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan paksa saya untuk buat *ruling* siapa nanti yang mengganggu lagi mesyuarat, saya akan suruh keluar. Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham yang kita bincang ini ialah soal peraturan mesyuarat. Soal integriti, *privilege* sebagai Ahli Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya ada kuasa begitu, semua saya halau supaya saya tidak sakit kepala. Saya tiada kuasa buat begitu. Sila Yang Berhormat Raub teruskan. Jangan lagi kaitkan dengan isu-isu politik yang menimbulkan kekecohan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, dua Yang Berhormat yang sedang berdiri sekarang. Sila mana satu yang dipanggil untuk mencelah ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli daripada Simpang Renggam tadi...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Raub, BM, BM.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Ada bagi?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Belakang, belakang. BM, BM. Saya belum habis cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tadi Yang Berhormat Raub kata *blog* yang tidak ada nama. Yang Berhormat Simpang Renggam sebutkan akuan bersumpah Datuk Murad. Ini akuan bersumpah Datuk Murad. Lebih dari tiga bilion...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Duduk, duduk. Duduk, duduk *[Dewan riuh]*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Duduk. Dia sudah takut. Apa, sudah takutkah?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, *statutory declaration*..

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Takutkah? Penakut...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tak, tak.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tak berani terima kenyataan? Duduk penakut.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Statutory* Tan Sri...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penakut. Tak boleh terima kenyataan? Okey. Berani terima kenyataan bagi saya *floor*.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Akuan bersumpah itu sudah ditarik balik. Jadi tidak perlu ditimbulkan lagi.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tak. Siapa tarik balik? Siapa tarik balik?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sekarang kita mempersoalkan RM322 juta.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tak. Ini semua penakut itu. Bangun. Bangun. Penakut, penakut.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tak takut. Tak takut.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Ini laporan akhbar.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya tak takut. Saya nak beritahu...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Laporan akhbar RM3 bilion. Semua sudah tahu.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sudah ditarik balik.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Siapa ambil tindakan mahkamah? Penakut.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sudah ditarik balik. Nanti, nanti.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: PKR penakut. Ketua Pemuda PKR penakut.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Dia jawab.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, order.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Ini saman. Ambil tindakan mahkamah...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Kita pun tak takut juga.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, order, order.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: ...Tahun 1999, tindakan mahkamah. Ambillah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak sambung.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penakut.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya nak sambung.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penakut. Bangun.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya nak sambung.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Okey, *stand up, stand up. You stand up.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Stand up.* Bangun.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada *Point of Order* 38.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Kalau cerita Ketua Pembangkang, ini orangnya...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Dia.. Ini *diversion*. Ini *diversion*.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: ...Yang membela. Tak usah cakaplah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Ini *diversion* untuk apa...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Kalau nak bela Ketua Pembangkang, tak usah cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, tolong duduk Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Ini seolah-olah...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Inner circle* Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Seolah-olah...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Saya tahu kerja baik atau tidak baik Ketua Pembangkang. Saya salah seorang *inner circle* dia yang membina sampai dia menjadi Timbalan Menteri [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Bangun, bangun. Ketua Pemuda bangun. Apalah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: [*Menyampuk*]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Duduk dulu. Sahabat duduk dulu. Ini nak lawan dengan Yang Berhormat Raub sebentar. Nak lawan dengan Yang Berhormat Raub.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Pendang jangan sombong. Jangan sombong Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang dengan saya sama. Yang Berhormat Pendang lagi teruk, yang ini saya hendak beritahu [*Dewan riuh*]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Ambil tindakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Saya nak cadangkan, ini akhbar, laporan, buat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penakut. Penakut. Ketua Pemuda PKR tak berani bangun. Bela.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: [*Mengetukukul*] Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sedang kita bersidang ini ada *live streaming*. *Live* Yang Berhormat di samping satu jam setengah pagi itu, ada *live streaming*. Jadi sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup sedih mengulang berkali-kali. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, Parlimen ini ada yang mengatakan *gentlemen club*, macam main golf. Ada aturan-aturan tertentu. Bukan membuat tuduhan-tuduhan yang pada akhirnya ada perbincangan seperti begini. Apabila pula berbahas yang seperti begini, ada lagi *additional factor* yang menjadi kekecohan lagi. Macam mana kita boleh bermesyuarat kecuali saya bersikap jahat iaitu siapa lagi yang mengganggu, saya akan suruh keluar. Jangan simpan sakit hati kerana sama-sama jalankan tugas. Jelas?

Beberapa Ahli: Jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau jelas, tolong Yang Berhormat Raub seminit, dua minit lagi selepas itu saya jemput Ahli Yang Berhormat yang berikutnya. Jangan ganggu. Siapa yang ganggu pertama, itu yang saya suruh untuk jalan..., *create* sejarah Parlimen Ketiga Belas yang direhatkan dulu.

Sila Yang Berhormat Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar Ahli Yang Berhormat daripada Simpang Renggam ada menyebut mengenai *security*. Kalau dia nak menyamakan diri dia macam Edwards Nordan, yang mendedahkan bahawa Kerajaan Amerika dan Kerajaan England mengintip secara elektronik rakyat dia, itu adalah perbandingan yang jauh meleset. Itu betul-betul sebab apa kita nak tahu sumber apa yang dia gunakan. *WikiLeaks* ataupun sumber daripada *blog* yang tersenarai di dalam senarai yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong. Ini kita tidak tahu. Sedangkan kita tahu *WikiLeaks* tidak pernah menerbitkan laporan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong. Jadi daripada mana?

Just nak penutup. *Exit test* dia, sebab Parlimen Kedua Belas, saya tidak ada di dalam ini tetapi kita tahu Yang Berhormat Permatang Pauh, dia *committed* kepada *privilege*, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dan digantung selama enam bulan kerana menyebut berkenaan APCO sahaja, dan kita hanya perlu buat satu benda. Seperti mana cerita, mengambil atau menyuruh menjemput pihak APCO, menyatakan bahawa dia tidak *deny* apa yang Permatang Pauh cakap, dia kena gantung. Sekarang ini kalau kita boleh panggil *WikiLeaks* datang ke sini, dan dia *deny* apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Simpang Renggam dan kita *commit*, serupa juga.

■1510

Ini untuk memelihara konsistensi dan kedaulatan Parlimen dan *ruling* yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. [*Tepuk*] Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya keizinan untuk sama membahar usul Peraturan Mesyuarat 36(12) yang dikemukakan oleh sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong yang membawa usul.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Segambut mengganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh suruh dia keluar sekarang?

Ahli-ahli: [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Juru bohong, Jelutong. Dia juga sebagai 'juru beruk' yang dikatakan oleh beliau, yang pakar 'juru beruk'.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Mencelah sedikit. Sebut betul-betul, juru brok kah juru blok?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Juru beruk.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Hah? Juru apa? Biar cakap kepada Tuan Yang di-Pertua? Juru blokkah, juru beruk?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia mengganggu, suruh keluar Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan, teruskan Yang Berhormat Putatan. Jangan menimbulkan perkara yang ada teman nanti yang saya akan suruh keluar. Okey, saya serius.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya terkeliru apabila melihat usul yang dikemukakan oleh sahabat 'Jerebong' ini yang mana terdapat bukti-bukti apa yang dikatakan dalam teks ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam yang ada di sini. Terbukti Tuan Yang di-Pertua dan apabila kita mentafsirkan istilah memesong, mengeliru, menyeleweng tidak sama sekali kena mengena dengan apa yang usul daripada Yang Berhormat Jelutong. Ini kerana kita melihat berdasarkan usul yang dikemukakan itu kita bawa persoalan isu ke tengah adalah berkaitan fakta, memesong Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, fakta tersebut dikatakan diambil daripada laman internet yang blog-blog, beruk-beruk ini lah. Secara spesifiknya, fakta tersebut diambil daripada *WikiLeaks* dan beruk-beruk. Beruk-beruk. Jadi, perkataan 'memesong' ini sangat besar *effectnya*. Ia boleh disifatkan menghina Dewan dan boleh diambil tindakan ke atas Ahli yang membuat kenyataan yang memesong ini Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu bagi membuktikan kenyataan yang memesong, mengeliru, menyeleweng, maka rujukan hendaklah dibuat kepada tiga elemen seperti Tuan Yang di-Pertua katakan tadi. Menurut buku *Parliamentary Practice in New Zealand*, ada salinan di depan saya, yang disediakan oleh David McGee, Clerk of the House Representatives, New Zealand.

Ini bukan beruk, ini betul-betul. *'There are three elements. Most common allegation that has been an attempt to deliberate to mislead the House involves statement by Members in the House whether by way of personal explanation in the course of debate or in replying to a question. There are three elements to be established when it is alleged that a Member in contempt by reason over statement that the Member has made. Number one, the statement must in fact, has been misleading.* Perkataan 'misleading' ini, saya tidak tahulah. Saya rasa juru bohong ini yang dari Jelutong usul ini memang dia bohong.

Sepatutnya, dia yang dibawa ke tindakan 36(12). Dia yang bohong Tuan Yang di-Pertua. Jadi kedua, *'It must be established that the Member making a statement knew at that time the statement was made that it was incorrect.* Mana ada 'incorrect'? Dia ambil daripada lampiran juga disampaikan oleh Yang Berhormat Jelutong. Sekarang betul la, dia bukan juru bohong. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu siapa, saya keliru. Saya rasa yang banyak di sini keliru juga Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini soalnya dia memesong Dewan ini. Jadi, saya mintalah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Boleh bagi celahan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah dulu. Saya habiskan dahululah. Saya bagi peluang, jangan susah kau Raub. Jadi, amat jelas. Satu lagi, *element* yang ketiga ini, *'Making it, the Member must have intended to mislead the House'*. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua katakan tadi, niat itu langsung tidak ada. Dia menyebut sumber dia daripada yang dimuat di internet, yang blog-blog ini, yang blog beruk ini semua, saya rasa dia pakar tahu ini. Tahu siapa sumber dia, *domain* dia semua boleh tahu. Apa yang hanya Yang Berhormat Simpang Renggam minta tahu, kita minta kerajaan ataupun badan-badan yang boleh menyiasat meminta supaya kesahihan.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, sah. Betul la itu ya. Ini loghat Kedah ini ada lain sikit Tuan Yang di-Pertua. Loghat Sabah lain. Kita punya loghat itu lain. *[Ketawa]* Belum lagi *bah*, apa ini?

Rakan saya amat jelas bagi membuktikan bahawa seseorang Ahli mengeliru, memesong Dewan, niat untuk memesong itu amat penting di sini Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya tanpa niat, maka kenyataan itu tidak boleh disifatkan sebagai memesong Dewan. Rakan saya Yang Berhormat Simpang Renggam dengan jelas menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai niat jahat untuk memesong. Mungkin kenyataan beliau dibuat semasa itu, *the way they construct, phrased the sentence*, mungkin ada kelam kabut sedikit. Jadi, pada masa itu mungkin fakta digunakan itu tidak di semak dengan teliti, digunakan dengan *reckless*, namun ia bukan sebab utama untuk merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Merujuk kepada buku yang sama, muka surat 654. Kau mabuk, diam.

'Reckless in the used of the word 'debate', though reprehensible in itself for short of standard required, to hold a Member responsible to mislead the House'. Oleh yang

demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tindakan merujuk Yang Berhormat Simpang Renggam kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak perlu dibuat. Saya mohon usul ini ditolak Tuan Yang di-Pertua.

Ahli-ahli: [*Tepuk*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *'For misleading the House to be deliberate, there must be something in nature of the incorrect statement that indicates an attention to mislead'*. Yang mana percaya tidak wujud dalam kenyataan Yang Berhormat Simpang Renggam. Oleh itu Tuan yang di-Pertua, kalau saya melihat usul daripada sahabat saya Yang Berhormat Jelutong- banyak betul duitnya. [*Melihat dokumen*]

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya boleh mencelah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Banyak wang ini pak. Jadi, itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menolak usul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, buah cempedak di dalam pagar, ambil galah tolong jolokkan. Saya MP baru belajar, kalau kurang minta Tuan Yang di-Pertua tunjukkan. Sebagai orang baru tentunya saya melihat dan menilai watak dan gelagat Ahli-ahli Parlimen yang *senior* dan tentu saya terkejut melihat serangan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam. Ini kerana dilontarkan pada malam itu saya masih ingat, jelas merujuk kepada Yang Berhormat Permatang Pauh mempunyai simpanan di akaun Israel National Bank.

■1520

Beliau juga *quote* ataupun menyatakan dengan jelas sumbernya itu adalah *WikiLeaks*. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Simpang Renggam jangan berpusing berdasarkan apa yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam Dewan ini. Ini kerana kalau kita hendak ambil pendirian Yang Berhormat Simpang Renggam menyatakan percaya semua di dalam *blog*, itu bahaya. Ini kerana dalam *blog* misalnya, saya ambil contoh, *blog tukartiub*, "Najib terlibat dalam kes bunuh Altantuya". Kalau kita hendak percaya terus, inilah isunya dan bawa dalam Dewan ini. Saya ingat ini berbahaya. [*Dewan riuh*]

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Boleh saya mencelah?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bukan sekadar itu, saya juga ingin menjelaskan...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Hendak mencelah.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bahawa dalam hal percaya terus menerus di dalam *blog* tanpa membuat kajian, itu juga bahaya dan *it is an insults to the intelligence of the Parliament*, dengan izin. Ahli-ahli Parlimen ini pasti ada satu cara untuk kita memberikan hujah dan kemukakan itu berdasarkan fakta yang telah kita teliti betul. Ini kerana rakaman ataupun siaran Parlimen ini dilihat dengan jutaan rakyat seluruh dunia. Yang Berhormat Simpang Renggam orang muda, saya orang muda. Biarlah kita tunjukkan kepada anak-anak muda di luar sana ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Kita ada kualiti di dalam perbahasan [*Tepuk*] Bukan kemukakan apa yang diberikan oleh *blog* dan percaya terus. Inilah sebagai hujahnya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Bukit Katil, sedikit.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi dalam ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam, dia sebut akaun ini dipegang semasa Yang Berhormat Permatang Pauh di dalam kerajaan. Sebagai Ahli Parlimen daripada kerajaan, sudah

tentulah bukankah langkah yang terbaik ialah semak dengan kerajaan kerana maklumat ini sudah tentu sama dengan kerajaan [Ketawa].

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu dan menjadikannya sebahagian daripada hujah saya. Silakan Yang Berhormat Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Setujukah Yang Berhormat Bukit Katil untuk mengesahkan sama ada sumber yang digunakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam ialah *WikiLeaks*. Kalau *WikiLeaks* itu dianggap sebagai sumber yang sah, maka kaitan pembunuhan Altantuya dengan Perdana Menteri mesti diterima [Tepuk] Setuju atau tidak?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, kita sebagai anggota Parlimen, terus mempercayai bulat-bulat di dalam *blog* tanpa ada siasatan dan kita *quote* sumber kita *WikiLeaks*. Apa yang menjadi masalah dengan Yang Berhormat Simpang Renggam, dia terperangkap kerana dia menggunakan perkataan "*WikiLeaks*", dan dia menggunakan secara khusus. Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa ini seolah-olah ada perancangan jahat, seolah-olah. Apabila disebut sahaja di dalam Dewan ini, esok di dalam media *Utusan*, itu dijadikan berita utama. Apakah ini *it is a coordinated plan* di dalam Dewan yang mulia ini? Kalau itu berlaku, bermakna ini jelas menunjukkan ada wujud perancangan dan niat yang jahat. Ini kerana macam mana hendak buktikan niat jahat, mesti ada perancangan, mesti kita nampak apa tindakan selepas itu. Ini yang saya sebagai pengamatan yang saya inginkan hujah di sini...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bahawa ini jelas ada niat yang jahat dan Yang Berhormat Simpang Renggam diberi peluang untuk memperbetulkan keadaan, dia tidak *retract* pada keesokan harinya. Saya ingin ingatkan Yang Berhormat Simpang Renggam, *there is a Chinese Confucius quote of wisdom, "A man who has committed a mistake and does not correct it, is committing another mistake"*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. [Tepuk]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Bukit Katil kerana kita tahu bahawa *Utusan* hari-hari *attack* pemimpin-pemimpin Pakatan dan selalunya dibawa ke mahkamah kerana silap *Utusan* adalah tidak *check* fakta. Berkali-kali kena saman dan kita menang. Saya hendak berikan beberapa contoh. Satu, bulan Januari tahun ini 16 haribulan. [Dewan riuh] Yang Berhormat Rembau terpaksa tarik balik kenyataan menyifatkan Anwar sebagai pengkhianat Melayu dan boneka US dan Yahudi, di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Kedua juga Yang Berhormat Permatang Pauh, 21 Januari 2013, *Utusan attack* Dato' Seri Anwar kata, "*Back the lesbian, gay, bisexual and transgender (LGBT) movement*", menang Yang Berhormat Permatang Pauh dan *Utusan* kena bayar RM45,000. Bukan sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh, ada Yang Berhormat Bukit Gelugor juga *Utusan* kena bayar RM50,000 pada 14 Disember 2012. Yang Berhormat Bagan, 24 Jun kena bayar RM200,000. Juga dahulu Yang Berhormat Bukit Gantang pada 4 Julai 2013 kerana isu plat WWW1, menang dan *Utusan* kena bayar RM250,000. Yang Berhormat Shah Alam dan sebagainya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Okey. Baik. Itu yang saya sebutkan tadi apakah ada *coordinated plan*. Saya hendak nyatakan begini Tuan Yang di-Pertua, yang kita kena putus hari ini apakah ada elemen niat yang jahat. Itu yang hendak kita cuba buktikan dan saya telah buktikan tadi dengan hujah-hujah saya. Cuma sedikit saya agak terkesan tadi sebab ada wakil dari Pendang, Ahli Parlimen Pendang menyatakan saya penakut dan saya tidak ikut untuk bangun seperti mana yang diminta. Begini. Saya hendak ulas. Saya tidak ada masalah kerana saya tidak bercadang untuk mengikut cara Yang Berhormat Pendang tetapi saya hendak jawab tentang RM3 bilion.

Saya kemukakan di dalam Dewan ini bukan sumber daripada *blog* tetapi akuan bersumpah yang dibuat oleh Abdul Razak bin Idris yang merupakan bekas pengarah di Badan Pencegah Rasuah Malaysia. Dalam akuan bersumpah ini disebut, "*Saya bekerja di BPR dari tahun 1974 hingga 2004 dan saya telah menjalankan siasatan ke atas akuan bersumpah Dato' Abdul Murad bin Khalid yang diterbitkan akhbar tempatan dan secara*

mendalam saya telah pergi termasuk ke luar negara, Singapura dan United Kingdom. Siasatan itu menghasilkan tiada sebarang kes terhadap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim" [Tepuk]. Ini jawapan saya. Inilah yang saya ingin tegaskan bahawa...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Dalam hal ini, akhirnya selepas perbahasan, kedua-dua pihak terpaksa membuat keputusan. Silakan.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Sedikit sahaja. Saya Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Apabila sudah ada akuan bersumpah yang dibuat bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bersalah, mengapa Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ambil tindakan mahkamah terhadap Dato' Murad bagi membersihkan dirinya? *[Disampuk]* Itu soal mudah sahaja.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yalah. *[Ketawa]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Utusan* ambil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Isu yang dibangkitkan ialah akuan bersumpah RM3 bilion di dalam Dewan ini dan saya jawab melalui akuan bersumpah. Soal saman ataupun tidak, itu pendirian Yang Berhormat Permatang Pauh *[Disampuk]* Apa yang penting, akuan bersumpah ada. Kalau betul dia buat salah, laporan pihak-pihak anggota Parlimen boleh buat laporan polis terhadap Abdul Razak bin Idris kerana kalau akuan bersumpah itu didapati tidak betul...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ada undang-undangnya, Akta Akuan Berkanun. Jelas.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kalaulah seperti Yang Berhormat Pendang katakan tadi bahawa Dato' Murad membuat akuan bersumpah bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah ataupun mempunyai sejumlah wang RM3 bilion, kenapakah Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional mengambil masa yang begitu lama untuk menyiasat, akhirnya menangkap Yang Berhormat Permatang Pauh kerana RM3 bilion ini satu jumlah yang besar. Mesti siasat dari mana wang ini datang, siapa yang beri, di mana disimpan. Kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan? Apakah pendapat Yang Berhormat Bukit Katil mengenai hal itu?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Oleh sebab itu saya nyatakan tadi, perancangan beberapa kalangan pimpinan atasan UMNO Barisan Nasional, strateginya begitu. Menyerang secara karakter, pembunuhan karakter dilakukan secara bertalu-talu sejak 15 tahun yang lalu. Itu tidak pernah menggugat sekalipun sokongan rakyat kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Inilah jelas dalam pilihan raya yang lalu. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Bukit Katil, minta laluan.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Last, satu. [Dewan riuh]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Beri. Kita hendak cerita *detail, detail*, beri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita sama praktis. Terima kasih. Sebentar tadi kita lihat wakil dari seberang sana, pembangkang ada menyebut soal

Altantuya. Pada saya tidak sepatutnya disebut di dalam Dewan yang mulia ini sebab perkara ini telah dibawa ke dalam mahkamah. Saya lihat tadi wakil Raub sebut. Soalnya sekarang ini, kita mempertahankan Yang Berhormat Simpang Renggam kerana *WikiLeaks* ini tidak didakwa. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Katil?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Lipis, tetapi cuma kerana sumber Yang Berhormat Simpang Renggam itu dalam *WikiLeaks* [Disampuk] Sumber Yang Berhormat Simpang Renggam dan Israel National Bank itu tidak ada dalam *WikiLeaks*, yang ada dalam *WikiLeaks* itu adalah kes Altantuya. Oleh sebab itu saya guna itu sebagai satu *bearing* sebab saya ambil satu contoh dan Israel National Bank pun tidak pernah wujud. Itu yang kita sebut soal niat yang jahat yang secara berterusan dilakukan di dalam Dewan ini.

■1530

Sebab itu saya dalam hal ini, saya ingin mengajak Ahli-ahli Dewan daripada kedua-dua pihak untuk mengambil manfaat ini bagi mempertahankan maruah dan integriti Dewan Rakyat ini.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Boleh Yang Berhormat sedikit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Johor Bahru sebentar tadi.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Sedikit sahaja satu minit dua minit sahaja.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bagaimana setiap anggota Parlimen daripada kita mempunyai maruah dan integriti untuk kita pertahankan.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Ini hendak cakap bab integriti.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya tahu bahawa di akhir perbahasan ini...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya tidak bagi laluan. Di akhir perbahasan ini...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tidak boleh takutkah? Sudah penakut?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Kita akan membuat keputusan. [Dewan riuh]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penakut takutkah? Tidak berani takut. [Dewan riuh] Satu orang berapa puluh lawan satu tidak beranikah?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, apa ini cakat takut, takut, takut ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dua minit dua minit. Tidak saya hendak bagi sedikit lagi *detail*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang duduk Yang Berhormat.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang Berhormat Melaka, Yang Berhormat Masjid Tanah Yang Berhormat Masjid Tanah.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua ada perkataan *gangster* dalam ini. Dia sebut *gangster* pada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Pendang duduk Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Hei siapa cakap *gangster*? Siapa cakap *gangster*. Cakap *gangster* kita bertumbuk di luar. Hoi *gangster*! [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Siapa *gangster*? Tuan Yang di-Pertua, dia sebut *gangster* pada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Pendang duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Kalau hendak tahu *gangster* kita jumpa di luar. *Bull shitah! Bull shitah!*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak dapat *ruling* sama ada B.U.L.L.S.H.I.T itu boleh diguna dalam Dewan. Kalau tidak saya ingin Tuan Yang di-Pertua ambil satu tindakan yang sangat tegas terhadap Pendang.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Pendang duduk dahulu Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tidak dengar pun apa yang saya sebut daripada awal tadi. Kita berbahas mengenai soal Peraturan Mesyuarat Integriti sebagai Ahli Parlimen. Jadi jangan lagi bawa perkara-perkara yang menyulitkan lagi perkara yang telah sulit. *Exercise control*, semua kita ini individu-individu Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab. Sila Yang Berhormat Bukit Katil seminit dua lagi lepas itu gulung.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Baik saya minta maaf tidak bagi laluan kerana ada satu minit. Saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut tadi soal maruah dan juga integriti dan Yang Berhormat Putatan tadi sebut soal beberapa undang-undang di beberapa negara Komanwel yang disebut ialah di New Zealand tentang *deliberate intent to mislead the house*. Akan tetapi dia tidak baca habis. Oleh sebab dalam bab *misconduct, the contempt can be committed by anyone taking part in Parliamentary proceedings. It consists of the conveying of information to the House or a committee that is inaccurate in a material particular and which the person conveying the information knew at the time was inaccurate or at least ought to have known inaccurate*. Itu *conclusion* daripada bab *misconduct* dalam New Zealand.

Di Australia pula *forged or falsified documents. The presenting of a forged, falsified or fabricated document to either House or to a committee, with intent to deceive, has been treated as a contempt. To conspire to deceive either House or a committee of either House could be punished as contempt. The abuse of the right of petition and forging or falsifying documents could be examples of this type of contempt*. Dalam hal ini dikemukakan dalam bentuk dokumen maya, sumbernya katanya *WikiLeaks*, tiada *WikiLeaks*. Katanya Israel National Bank, tidak ada Israel National Bank. Diminta untuk membuat penjelasan, minta tarik balik, tidak mahu tarik balik. Jadi inilah perkara-perkara yang membina ke arah pembentukan inilah niat yang jahat ini ataupun niat yang menyimpang daripada tujuan untuk menyimpang ataupun untuk *mislead the House*.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, hari ini daripada usul ini kita akan membuat satu penghakiman. Saya ingin ingatkan diri saya dan juga diri rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain. Allah SWT telah berfirman... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Ayatnya maksudnya apa? Maksudnya ialah Allah telah menyuruh supaya mereka yang mendapat amanah ini melaksanakan amanah. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Apabila kamu memberikan hukuman, keadilan, keadilan mesti diputuskan dengan adil".

Di akhir perbahasan ini kemungkinan akan ada, pastinya akan ada undi. Saya hendak minta kepada kedua-dua pihak. Jangan kita terikat dengan bahawa semua kerajaan buat itu adalah betul. Ada perkara misalnya dalam perkara ini dalam perkara yang membabitkan maruah dan integriti Parlimen. Saya ingin cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain biar kita ambil jalan yang betul-betul ingin membersihkan. Kalau ada satu contoh dibawa ke Jawatankuasa Hak dan

Keistimewaan, kita mesti ada moral ataupun kekuatan politik dan moral untuk menyatakan perkara yang sebenarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

3.36 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelutong ini satu usul yang menyusahkan, meremehkan dan membuang masa Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada hujah yang diberi daripada pihak sebelah sana banyak berkaitan dengan *WikiLeaks*. Saya hendak ambil contoh *WikiLeaks* ini. Kalau kita tengok *popular Malaysia related articles*, ada disebut di sini Raja Petra Kamarudin *statutory declaration on Altantuya Shaariibuu murder*, saya bagi contoh. Kalau kita tengok apa yang dalam *statutory declaration* oleh Raja Petra, kalau kita baca baik-baik tidak ada sebut pun nama Yang Berhormat Perdana Menteri terlibat dengan Altantuya tidak ada. Dia sebut tiga orang sahaja satu, dua, tiga saya tidak mahu sebut nama-nama ini. Tidak ada disebut.

Macam mana perkara ini kalau kita seorang yang rasional boleh memutarbelitkan perkara yang tidak benar. Tadi Yang Berhormat Raub pun sebut, ramai sebut ini tadi. *[Tepuk]* Sudah bacakah belum? Kemudian ini sudahlah perkara tidak betul, bila perkara tidak betul pula Keadilan sebagai contoh mengambil kesempatan. Keadilan; "*Najib didesak nafi laporan WikiLeaks berhubung kelemahannya dan kaitannya dalam kematian Altantuya*". Hendak nafi apa? Dia tidak ada sebut pun di dalam *WikiLeaks* ini, tidak ada. Kemudian tidak puas pula dengan Keadilan, tambah pula dengan PAS buat juga ini, PAS ini tadi sebut lagi ini. Najib perlu perjelaskan laporan *WikiLeaks* tuduh terlibat dalam ini. Ini gambar Yang Berhormat Pokok Sena ini buat *statement* ini bagaimana? Ini contoh, contoh menunjukkan bahawa apabila perkara yang tidak benar dituduh dilemparkan kepada pihak kerajaan mereka mengambil kesempatan memutar belitkan fakta. Menipu rakyat menyusahkan rakyat, ini yang mereka buat.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua apabila *WikiLeaks* mendedahkan penglibatan Ketua Pembangkang mengenai homoseksual. Daripada *WikiLeaks* disiarkan pula di surat khabar di Australia, disiarkan kemudian barulah masukkan *Malaysian Insider*. Apabila perkara ini dimasukkan dalam *Malaysian Insider third party*lah...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nantilah dahulu, bagilah saya cakap, nanti saya bagi habis cakap. Saya bagi, bagi saya cakap dahulu. Peraturan ada, you hendak bangun ini *my floor. My floor*, saya bagi baru Yang Berhormat boleh bangun ya.

Saya hendak bagi contoh ini supaya rakyat Malaysia bukan sahaja dalam Dewan, rakyat Malaysia boleh buka. Bagaimana cara taktik kotor yang dibuat oleh pihak pembangkang kepada pihak kerajaan pemimpin kita. Bila pemimpin mereka dikaitkan dengan homoseksual dimasuk dalam *WikiLeaks*, disiarkan di surat khabar Australia, di masuk pula dalam *Malaysian Insider* pada 12 Disember 2010. Dalam masa yang sama Keadilan cepat-cepat membuat kenyataan bahawa laporan *Sydney Morning Herald* dan Kandungan Kabel Diplomatik Singapura, Keadilan menolak pendapat peribadi yang disensasikan. Terpaksa ditolak. Apa dalam laporan dibuat ini saya petik ini daripada Yang Berhormat Bukit Katil, saya ambil. Ini dibuat oleh Setiausaha Agung PKR Saifudin Nasution. Saya hendak petik daripada hujah panjang dia sebut apa di sini, dia sebut bila kena batang hidung mereka hendak mempertahankan pemimpin mereka yang maksum, yang tidak pernah buat salah ini apa, Keadilan cakap? Cakap apa? "*Keadilan mengulangi pendirian parti bahawa pandangan-pandangan tersebut, walaupun terkandung di dalam kabel sulit diplomatik yang dibocorkan oleh WikiLeaks adalah pandangan peribadi*".

■1540

Individu-individu tersebut yang tidak disokong oleh fakta. Untuk berlaku adil kepada semua pihak, komen-komen itu perlu dianggap sebagai cakap-cakap kosong dan pendapat peribadi mereka. Wah, sedap dia jawab bila hendak pertahankan bos dia. Wah, bila kena pada kita tidak disebut di dalam *WikiLeaks* pun "*Oh, Perdana Menteri kena jawab*". Sampai Yang Berhormat Puchong pun terlibat kena gantung. Saya katakan ini *double standard*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bermakna, usul pada hari ini Tuan Yang di-Pertua memang jelas membuktikan tembelang sebenarnya pembangkang, budaya mereka mengelirukan rakyat, menipu rakyat dan mereka ini bercakap tidak serupa bikin. [Tepuk]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tanjong Karang boleh beri laluan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ambil contoh lagi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan sebelum kita teruskan ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ambil contoh. Waktu mereka belum memerintah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Laluan dahululah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ambil contoh macam mana *double standard* mereka. Waktu mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat cuma saya ingin ingatkan sekarang ini soal dia ialah mengenai dengan Yang Berhormat Simpang Renggam dirujuk. Jangan terlampau...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, tidak apa, tidak apa. Saya balik, balik.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua belah pihak ini jangan terlampau melencong lebih jauh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, okey saya balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat Tanjong Karang berhujah oleh kerana yang menimbulkan masalah seperti begini adalah Yang Berhormat Bukit Katil. Itu sebab *I got to be very fair*. Jadi, jangan lagi selepas daripada ini timbulkan hal lain. Fokus kepada Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya balik bahawa daripada apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Simpang Renggam itu ialah satu pendapat beliau bersatu maklumat yang dia dapat. Suara dia sebagai Ahli Parlimen, dia hanya menyuarakan supaya siasatan dibuat. Terpulang kepada pihak yang berkuasa untuk menyiasat. Tadi pun Yang Berhormat Simpang Renggam telah membuat perjanjian bahawa beliau akan menulis surat rasmi kepada pihak berkuasa. Salah kah dia untuk memberikan satu pandangan sama ada betul atau pun tidak dan pandangan itu bukan daripada pemikiran dia?

Kalau dia tidak dapat sumber, dia sendiri cakap makna *what* dia daripada saya tahu. Macam Yang Berhormat Pendang tadi lah misal kata. Saya tahu pengalaman saya bercampur dengan ini, ini. Bolehlah salah dia. Ini diambil pada maklumat dan dia minta pihak berkuasa untuk menyiasat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya hendak ulangi bahawa usul ini cukup remeh, menyusahkan dan membuang masa Dewan Rakyat. Saya bagi Yang Berhormat Batu. Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya teliti dengan hujah Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Banyak isu yang telah dibawa itu adalah yang dibawa di luar daripada Dewan. Kita yang bersama-sama sini kita jaga integriti. Kita ketepikan perbezaan politik. [Dewan riuh] Di luar kita bolehlah serang, bolehlah... tetapi bezanya ialah kita tidak bawa di sini.

Yang Berhormat Puchong pernah dihalau dan disekat dari Parlimen kerana bawa kes pembunuhan yang melibatkan Perdana Menteri di sini dan beliau dihukum. Kita ambil *precedent* yang sama. Kita di luar, kita bolehlah hujah macam-macam. Akan tetapi, saya sedikit sahaja. Saya ingin dapatkan pendapat Yang Berhormat Tanjong Karang. Surat yang sepatutnya dibawa oleh Yang Berhormat Simpang Renggam bukannya lebih elok ditulis sebelum dimasukkan dalam hujah.

Takkanlah kerajaan begitu tidak peka dengan permintaan dari seorang *backbencher* dari kerajaan supaya perkara yang serius ini dapat dijelaskan sebelum dibawa dalam satu ucapan Titah Diraja yang sangat penting untuk menjaga integriti Parlimen. Saya ingin dapat pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, ini macam-macam *style* lah. Macam Yang Berhormat juga, semalam saya dengar ucapan Yang Berhormat mengenai kes Lahad Datu. Yang Berhormat sudah beritahu, semalam Yang Berhormat kata maklumat awal telah pun diketahui, polis sudah tahu dan bekas Menteri yang lama memberitahu... itu Yang Berhormat punya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu, nanti dulu. Dengar dahulu saya cakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak tanya pengesahan dari RCI. RCI. Itu *statement* RCI.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, faham. Saya faham, dengar dahulu. Ini *style*, itu *style* Yang Berhormat tetapi sebelum ini Yang Berhormat kata Lahad Datu itu sandiwara. Ini *style* Yang Berhormat cakap belit-belit.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudah, sudah, tidak apa, tidak apa. [*Dewan riuh*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu di luar Dewan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini *style*. Yang Berhormat ini...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan. Perkara yang di luar Dewan kita hadapi risiko di mahkamah. Itu lain.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya faham.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu keputusan peribadi. Apa yang kita hujah di luar Dewan, kita tanggung risiko keputusan mahkamah tetapi...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, faham, faham. Tidak apa lah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi, dalam Dewan kita jaga integriti Dewan ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis. Saya tidak mahu layan ini. Dia memang *style* batu. Semalam dia puji polis tetapi sebelum itu dia gigit telinga polis. Jadi, susah. Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak menjelaskan bahawa usul ini dibuat ialah kerana ada kaitan dengan pemimpin maksum mereka. Kalau tidak mereka pun diam. Maksud saya ialah mereka tidak boleh menerima kenyataan. Ini masalah pembangkang. Apa juga teguran kita buat, sudah kalah pilihan raya, sudah kalau pilihan raya tidak puas hati. Petisyen tidak puas hati.

Sekarang hendak pergi mahkamah pula. Hendak batalkan semua pilihan raya. Ini, selagi ada sikap pemimpin seperti ini, Tuan Yang di-Pertua negara kita jadi kelam kabut dan jadi kucar kacir Yang Berhormat. Jadi, sebab itu saya menyokong supaya usul ini ditolak kerana ia meremehkan dan menyusahkan dan membuang masa Dewan. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam.

3.46 ptg.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita membincangkan ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam yang mana atas sebab ucapan dia, kita hendak rujukkan dia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ada tiga syarat iaitu:

- (i) tuduhannya tidak betul;
- (ii) dia tahu ianya tidak betul;
- (iii) dia berniat untuk menyelewengkan Dewan.

Maklumat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam jelas tidak betul dan dia pun tahu ianya tidak betul kerana dalam ucapan beliau Yang Berhormat Simpang Renggam telah mengatakan bahawa mengenai maklumat yang didedahkan oleh *WikiLeaks*. Dia memberikan gambaran bahawa maklumat yang dia peroleh adalah daripada *WikiLeaks*. Sedangkan dia tahu, dia tidak baca *WikiLeaks*. Yang dia baca adalah blog.

Blog-blog yang bernama tetapi tuan punya *blog* tidak tahu siapa. Kenapa dia tidak kata bahawa maklumat ini dia dapat daripada pengundi setia Sungai Rapat *blogspot* sebagai contoh. Dia tidak cakap dia dapat maklumat ini daripada *blog-blog* yang sedemikian rupa kerana dia tahu bahawa maklumat yang diperolehi daripada blog-blog sedemikian tidak ada integriti dan kredibiliti. Maka, dia sebut dia dapat daripada *WikiLeaks* sedangkan dia tahu dia tidak baca *WikiLeaks*. Maka, dia tahu maklumat yang dia sebut dalam Dewan yang mulia ini adalah maklumat yang tidak tepat bertujuan untuk membohongi Dewan ini dan menyeleweng Dewan ini. [Tepuk]

Ini merupakan penghinaan terhadap Dewan. Kalau dia ingin bercakap dengan ikhlas, dia akan katakan saya dapat daripada blog sekian-sekian yang mengatakan maklumat ini daripada *WikiLeaks* tetapi tidak. Dia kata ini daripada *WikiLeaks* dan dia telah berusaha untuk mengelirukan Dewan dengan dakwaan yang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu isu yang cukup penting.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Gelang Patah.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Shah Alam setuju sebenarnya Yang Berhormat Simpang Renggam ada berbohong dalam Dewan ini tiga kali, bukan satu kali. Kali pertama hari beliau buat ucapan di mana beliau ada kata bahawa maklumat yang didedahkan oleh *WikiLeaks*.

Yang kedua, dua hari selepas itu apabila Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada beliau untuk membuat penafian dan beliau kata bahawa mempertahankan kedudukan. Hari ini kita rasa mungkin beliau akan tarik balik dan memohon maaf tetapi dia mempertahankan kedudukan beliau bahawa maklumat itu daripada *WikiLeaks*. Itu yang kedua.

■1550

Ketiga, bahawa adakah Yang Berhormat setuju bahawa hari ini sebenarnya Dewan Parlimen ini sudah jatuh ke *lowest point*, yang mana tidak kesah mengenai integriti, maruah. Isu yang sangat *simple*, sama ada Yang Berhormat Simpang Renggam ada penyelewengan, berbohong dalam perkara ini. Kata bahawa maklumat ini daripada *WikiLeaks* bukan masalah SUARAM, bukan masalah Jusof Kalla tetapi sama ada daripada *WikiLeaks*, ada atau tidak? Itulah spesifik. Kenapa kita mahu – hari ini sebenarnya kita bersidang sebagai satu mahkamah atau *court* tetapi demikian rupa, bukan sahaja *court* tetapi '*kangaroo court*'. [Dewan riuh]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh? Terima kasih. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cukup setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Isunya ialah sejauh mana Yang Berhormat Simpang Renggam bercakap benar. Dia tahu maklumat yang dia dapat bukan daripada *WikiLeaks*. Dia tahu ianya datang daripada blog tetapi dia tidak mahu sebut. Dia hendak menipu dan mengelirukan Dewan ini dengan mengatakan ianya daripada *WikiLeaks*. [Dewan riuh]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Shah Alam, boleh?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan integriti dan kredibiliti Ahli-ahli Parlimen. Sekiranya dibenarkan seorang Ahli Yang Berhormat untuk terus menipu dan memutar belitkan fakta maka kehormatan Dewan ini dan Ahli-ahlinya akan terjejas.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh? Boleh Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh berikah Yang Berhormat Simpang Renggam, Tuan Yang di-Pertua? Perlu kah beri?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baiklah. Saya berilah. Tidak mengapalah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa yang berbohong adalah Yang Berhormat Gelang Patah, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana pada hari kedua, apabila saya diberi peluang untuk memberikan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, saya kata apa yang saya dapati adalah dalam internet. Saya juga katakan bahawa saya tidak akan menarik balik sekiranya terbukti ada campur tangan dalam politik Malaysia daripada luar negara. Akan tetapi saya akan mohon maaf sekiranya terbukti memang ada orang yang tersabit kesalahan itu hendak dijatuhkan hukuman pengkhianat negara.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih. Saya tidak mahu menyimpang daripada *point* saya. [Dewan riuh] *Point* saya ialah dia tidak bercakap benar dan dia berusaha untuk mengelirukan Dewan. Dia tidak menyatakan dengan jelas dia dapat maklumat itu daripada blog-blog yang pemiliknya adalah orang yang tidak dikenali, yang mana kalau daripada awal dia sebut bahawa ianya datang daripada blog-blog yang sedemikian rupa dia sendiri tahu orang akan gelakkan dia. Akan tetapi apabila dia cakap dia ambil dari *WikiLeaks* maka dia memberikan sedikit kredibiliti kepada tuduhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dia menipu Dewan. Oleh kerana dia menipu Dewan dia perlu dibawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan [Tepuk] untuk hendak jaga nama baik Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalamnya. Dia telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai Ahli Dewan dan kekebalan yang datang dengannya kerana apabila kita suruh bawa kenyataan itu di luar, dia tidak sanggup juga. Ini menunjukkan kepada kita bahawa dia memang berniat jahat untuk sekadar menyebarkan fitnah itu melalui akhbar-akhbar yang akan memetik ucapannya. Selepas itu lepas tangan setelah membuat satu tuduhan yang begitu berat. Ini menunjukkan yang dia tidak bertanggungjawab dan dia perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya menyeru kepada tuan-tuan...

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini merupakan bulan Ramadan, biarlah...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Masuk penggal kedua bodoh lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Semasa kita berpuasa, berbulan Ramadan, kita bertindak dengan ikhlas dan dengan adil.

Seorang Ahli: Mana ada ikhlas... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hakikatnya terbukti Yang Berhormat Simpang Renggam memutar belitkan fakta, tidak menyatakan kebenaran. Beliau perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya menyeru semua Ahli Parlimen untuk membersihkan nama Dewan ini dengan menyokong supaya beliau dibawa ke hadapan jawatankuasa tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya panggil nama kerana tadi ada nama yang diberi kepada saya daripada kedua-dua belah pihak. Memandangkan bahawa Yang Berhormat Kinabatangan adalah Timbalan Pengerusi BNBBB sering kali berdiri, dia mahu bercakap. Maka itu saya akan bersikap adil untuk memberi peluang kepada pihak Pakatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kinabatangan, 10 minit, selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas itu Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.56 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk mencanggah dan juga...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kenapa ada Menteri menjawab?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menolak usul daripada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukankah Parlimen ada dia... Jadi, biarlah ada apa nanti jawapan berjawab. Tidak mengapa. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya dengan bahasa saya. Yang Berhormat Shah Alam duduk diam. Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya disebabkan kewibawaanlah, disebabkan maruahlah maka Ahli Parlimen Simpang Renggam mendedahkan perkara-perkara itu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Perkara palsu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pada saya... Siapa suara macam binatang itu? Saya tidak tahu siapa dia. Dari mana sumber dia? Macam beruk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh! Ini beruk! Beruk dari mana ini? Saya pun tidak tahu beruk dari mana. Tiba-tiba datang. Mungkin dia kelaparan. Kita puasa, dia lapar.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya lihat bahawa Ahli Parlimen daripada Jelutong – Yang Berhormat Putatan kata 'Jerubong'!

Seorang Ahli: Dalam Parlimen buat khabar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...yang tidak berwibawa dan memesongkan Dewan ini, memutar belitkan Dewan ini serupa juga dengan rakan dia Yang Berhormat daripada Pandan pagi tadi. Dia sudah bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, dengan Dewan yang mulia ini untuk menyatakan apa yang dihujahkannya dalam Dewan ini akan dia hujahkan di luar sana. Akan tetapi yang jelas, sama ada Yang Berhormat Jelutong ataupun Yang Berhormat Pandan... Yang Berhormat Pandan menjadi pondan sebab dia tidak berwibawa.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dia kena tarik balik. Apalah... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan kita ini manusia.

Tuan N. Surendran a/ K. Nagarajan [Padang Serai]: Kena tarik balik.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tarik balik. [Dewan riuh]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Apa masalah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. [Dewan riuh] Yang Berhormat Kinabatangan, saya bagi Yang Berhormat Kinabatangan berhujah, fokus kepada itu. Bukan menimbulkan kekecohan. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan berhujah lagi begitu saya akan suruh Yang Berhormat keluar. Sila sambung.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya hujah saya relate Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk] Ini tukang kacau. Ini mengacau. Mahu keluar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh kerana ini pada saya usul daripada Yang Berhormat Jelutong perlu ditolak sebab awal-awal lagi Yang Berhormat Jelutong telah memesongkan Dewan.

Pada saya hujah daripada Yang Berhormat Simpang Renggam menyatakan bahawa sumber itu daripada *WikiLeaks* atau daripada sumber mana-mana, apa yang penting *content* nya ada. Maka apabila ada, wajarlah pihak kerajaan untuk menyiasat. Kebimbangan saya ialah waktu Yang Berhormat Jelutong mengemukakan hujahnya dia buat deklarasi dia seorang pakar perisian komputer dan internet. [Disampuk] 'Jerubong' kata Yang Berhormat Putatan. Memang jelaslah bahawa kepakaran dia itu dengan kepintaran dan kebodohnya memperlihatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, duduk dulu Yang Berhormat. [Dewan riuh] Ahli Yang Berhormat yang lain dengar dahulu. Ahli Yang Berhormat, perkataan-perkataan seperti bodoh, bohong dan semua sebenarnya *unparliamentary*.

■1600

Cuma kadang-kadang Yang Berhormat sendiri tidak konsisten dengan pendirian masing-masing. Saya beberapa kali dengar tadi Yang Berhormat Putatan mengatakan bahawa Yang Berhormat Jelutong ialah pembohong tetapi dia diam. Mungkin oleh sebab dia baik. Akan tetapi selepas itu diulang balik oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi apabila nanti ada lagi seorang Ahli Yang Berhormat yang berdiri mengenai dengan soal begini, macam mana kita boleh bermesyuarat?

Seorang Ahli: Suruh dia keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Konsisten dalam standard. Jangan libatkan saya dengan anti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Kalau ahli-ahli Yang Berhormat tidak serius, saya serius dengan tugas saya. Sila Yang Berhormat Kinabatangan. Jangan lagi melencong jauh di mana. [Ketawa]

Datuk Bung Mokhtar bin Raden [Kinabatangan]: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Saya serius sesungguhnya saya berpuasa Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu pada saya Yang Berhormat Jelutonglah yang telah menyelewengkan Dewan ini sebab benda yang diungkit oleh Yang Berhormat Simpang Renggam memang ada dalam internet, dalam blog dan dia telah menyatakan dia pakar dalam internet. Kenapa tidak gunakan kepakaran dia untuk *search* di semua blog, barulah menafikan kenyataan Yang Berhormat Simpang Renggam.

Yang Berhormat Simpang Renggam tidak pula ada niat jahat dengan mana-mana individu termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh selaku Ketua Pembangkang. Apa Yang Berhormat Simpang Renggam hujahkan, yang pada saya cukup jelas iaitu meminta kerajaan untuk menyiasat sama ada benar dakwaan dalam blog itu ataupun tidak. Kalau benar, maka perlu dibuktikan oleh kerajaan. Kalau tidak, maka pemilik-pemilik blog itu harus

diambil tindakan. Itu sahaja. Itu sahaja. Maka oleh sebab itu saya berdiri di sini dengan 100%, 200% menggesa wakil rakyat Barisan Nasional dan juga pembangkang kita tolak usul yang tidak munasabah ini. *[Tepuk]* Walaupun itu usul daripada Yang Berhormat Jelutong dari pembangkang, tidak salah juga pembangkang menyokong kita sebab usul ini tidak masuk akal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas itu Yang Berhormat Ketereh, selepas itu saya kemukakan masalah iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat keputusan. Tidak payah saya bagi Menteri untuk campur lagi. Sila.

4.02 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Simpang Renggam mengungkapkan kata-kata dengan membawa contoh-contoh, Yang Berhormat Simpang Renggam mempunyai niat bahawa apa juga yang dikatakan itu betul. Dia cuba meyakinkan Ahli-ahli Dewan bahawa fakta-fakta yang dia bawa bukan sahaja untuk tujuan untuk disiasat tetapi untuk mencela, untuk memperlekeh serta untuk memalukan Yang Berhormat Permatang Pauh dengan membawa fakta-fakta yang langsung tidak betul.

Sudah pasti bila kita melihat latar belakang Yang Berhormat Simpang Renggam, bukan sahaja beliau seorang yang berpelajaran tinggi tetapi seorang yang mempunyai pengalaman yang cukup jauh tidak mungkin Yang Berhormat Simpang Renggam tidak akan paling tidak pun membuat sedikit *research* sama ada wujudnya Bank Israel National Bank. Tidak mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh boleh pergi ke Israel dalam keadaan pasport dia bercop tidak boleh masuk Israel untuk buka bank di sana. Tidak mungkin. Sebab itu maknanya Yang Berhormat Simpang Renggam dengan mempunyai niat...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Wait, wait...*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Untuk mencela...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *Wait, wait...*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dengan tujuan apabila juga disebut, sebentar saya akan panggil. Tiada masalah.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Satu helai, satu helai.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya akan bagi juga. Yang Berhormat Pendang saya akan bagi.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dua beradik ini. Duit siapa? Duit siapa? Duit siapa?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Di kampung, maka dunia sedang melihat Yang Berhormat Pendang bagaimana Yang Berhormat Pendang bertindak dan berlagak. Saya harap orang Pendang, orang kampung tengok, inilah ustaz kita. Duduk, duduk, tak apa. *[Ketawa]*

Sebab itu kita bawa usul ini supaya ianya akan bagi contoh kepada Ahli Parlimen yang lain. Sementara kita boleh berpolitik, sementara kita boleh serang-menyerang di luar. Akan tetapi di dalam Parlimen mesti ada *decorumnya*. Dalam Parlimen mesti ada tatasusilanya. Soal-soal yang boleh menjatuhkan maruah teman-teman Ahli Parlimen sendiri, kita harus mempunyai batasan-batasannya. Kalau begitu apa juga yang dimuatkan dalam blog kita terus sebut dalam, tidak mungkin. Sebab itu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebentar Yang Berhormat Shah Alam ya. Sebab itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, kalau kita hendak punggah semua yang ditulis dalam blog, semua kita ini dicaci, dicerca. Tidak mungkin sebagai orang yang waras, orang yang dipilih oleh puluhan ribu rakyat untuk bercakap soal negara, soal maju ke depan, kita bercakap soal-soal yang remeh-temeh begini. Tidak

mungkin. Sebab itulah saya sekali lagi ulang, kita mungkin boleh berpolitik di luar tetapi di dalam ini Dewan yang mulia kita ulang, ulang dan ulang. Ini Dewan yang mulia. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berhubung dengan hujah yang berdecorum Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Sungai Petani. Penggunaan istilah maksud terhadap seseorang pemimpin bila dikatakan bahawa kita ini percaya Ketua Pembangkang ini maksum. Ia satu tuduhan yang berat kerana maksum ini hanya Nabi dan Rasul. Lalu apabila kita kata Yang Berhormat Permatang Pauh ini orang Pakatan Rakyat percaya dia maksum, macam seolah-olah kita menjatuhkan satu hukum *takfir* mengkafirkan orang-orang dalam Pakatan Rakyat. Tidak boleh digunakan istilah maksum. [Dewan riu] Semua manusia... [Dewan riu] Ini adalah fakta. Saya harap dalam soal penghujahan juga mungkin boleh ditegur kepada silakan Yang Berhormat Tanjong Karang. Memanglah saya orang PAS.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Sungai Petani, sungai Petani, Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Satu yang berkaitan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sila.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mengutip daripada celahan dari Yang Berhormat Kepala Batas yang mengatakan, dikatakan dalam bahasa Inggeris tetapi saya tak pandai bahasa Arab. Jadi saya pinjam sahaja interpretasinya yang mengatakan orang yang mendakwa kena datang dengan bukti.

Jadi dalam soalan saya, niat saya untuk membawa usul ini saya juga sebut tentang nas ataupun inti pati dalam tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Simpang Renggam antara lain ialah tiga perkara:

- (i) bahawa semua maklumat yang digunakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam adalah berdasarkan *WikiLeaks*, kita tumpu pada itu;
- (ii) bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh mempunyai simpanan bank berjumlah USD66 juta dan Singapura Dollar 49 juta di bank-bank asing. Kita tumpukan pada itu; dan
- (iii) bahawa antara bank yang menumpang simpanan tersebut termasuk Israel National Bank yang tidak wujud, kita tumpu pada itu.

Akan tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam ialah dia minta kerajaan ataupun agensi-agensi yang berkenaan setelah beliau membuat tuduhan supaya dijalankan siasatan sedangkan tuduhan yang dilemparkan di dalam Dewan ini 2 hari bulan. Hari ini sudah 18 hari bulan. Sudah lebih daripada dua minggu. Kenapa kerajaan dan agensi-agensi tidak membuat siasatan? Kerana kononnya kami semua bohong. [Dewan riu] Apa pandangan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Seperti yang saya katakan tadi, Yang Berhormat Simpang Renggam bila mula berucap dan berbahas tentang isu ini, Yang Berhormat Simpang Renggam mempunyai niat yang jahat. Saya sebut sekali lagi bahawa Yang Berhormat Simpang Renggam tahu bahawa bank-bank ini tidak wujud. Akan tetapi biar Yang Berhormat Simpang Renggam sahaja ungkapkan supaya orang di luar boleh *pick-up*, supaya media boleh *pick-up*, supaya ia boleh menang.

Sebab itu kita kata, kalaulah setiap muatan dalam blog-blog itu kita hendak punggahkan di sini, maka rakyat di luar akan menderita Tuan Yang di-Pertua. Sebab bukan tugas kita sini untuk memunggah. Bukan niat kita untuk memunggah dan menceritakan benda yang tidak betul. Sebab itu kita di sini bercakap tentang fakta. Mungkin kita boleh sindir menyindir akan tetapi untuk punggahkan apa yang dimuatkan dalam blog yang orang yang tulis dalam blog pun dia cuma reka dan tujuan dan niat dia adalah untuk menjatuhkan sesama kita. Oleh sebab itu saya yakin...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Minta laluan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kita yang melangkah dalam Dewan ini mempunyai kredibiliti. Kita tahu yang mana betul, yang tidak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, sedikit. Ya, saya hendak dapat pendapat dari Yang Berhormat Sungai Petani. Sebenarnya tujuan kita bawa usul ini, sebenarnya bukan mempertahankan Yang Berhormat Permatang Pauh atau maruah dia. Akan tetapi kita melindungi Dewan ini daripada penghinaan. Kerana kalau hari itu pada mulanya ucapannya dimasukkan dalam Titah Diraja.

■1610

Kemudian selepas Menteri sudah jawab semua soalan dan Menteri tidak mengesahkan kesahihan laporan itu bermaksud kerajaan pun ambil pendirian yang sama bahawa bank-bank ini tidak wujud dan Yang Berhormat Permatang Pauh tidak terlibat dalam kes ini. Kalau tidak sudah tentu dalam jawapan Menteri sudah masukkan kata ada kesahihan dan kerajaan tengah menyiasat. Akan tetapi hari ini selepas kita sudah hujah semua, Yang Berhormat Simpang Renggam ambil satu sikap yang sama bahawa ini ada kesahihan.

Jadi maksudnya ini menghina keseluruhan Dewan bukan sahaja terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh secara individu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Saya berjanji kepada Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang hendak cakapkah? Sila.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat saja, kata Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh pergi Israel, sebab cop pakai pasport diplomatik, dia tidak kena cop, *he can go anywhere he likes*. [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak apalah Yang Berhormat Pendang terima kasih Yang Berhormat Pendang untuk membetulkan fakta itu sebab Yang Berhormat Pendang pernah menjadi Timbalan Menteri jadi mungkin saya respek untuk itu. Terima kasih. Oh! *Sorry* Setiausaha Parlimen, ingatkan Timbalan Menteri. *Sorry*, Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita pertikaikan ialah bagaimana seorang ahli Parlimen boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang dia tahu sendiri bahawa kenyataan itu tidak betul dan dengan tujuan untuk menjatuhkan maruah kawan-kawan yang lain.

Bukan sahaja dalam Parlimen, bukan sahaja saya tidak langsung mempertahankan apa yang berlaku tetapi bukan sahaja di sebelah sana kalau pun ada orang di sebelah sini juga saya rasa yang akan melakukan. Saya ingat itu tidak betul, tidak baik kerana apa yang dimuat dalam *blog* ialah cerita-cerita yang tidak betul dan tujuannya kadang-kadang untuk menjatuhkan maruah. Oleh sebab itu seperti yang saya katakan tadi kita hendaklah berhemah supaya hujah-hujah kita hendaklah bersandarkan fakta kerana kalau ini tidak kita jaga, akhirnya kita akan menjadikan Parlimen ini sebagai satu tempat yang untuk cerca mencerca. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketereh.

4.12 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat timbulnya usul ini adalah sesuatu yang akan memberi natijah yang baik, *insya-Allah* kerana melalui usul ini kita dapat mendengar hujah-hujah daripada rakan-rakah Ahli-ahli Parlimen yang rata-rata bercakap tentang kebertanggungjawaban kita sebagai Ahli Parlimen supaya kita tidak melakukan sesuatu yang boleh menghina Ahli Parlimen yang lain, supaya kita ada *decorum*, supaya kita tertib dan sebagainya.

Saya perhatikan kadangkala hujah itu datang daripada pengamal-pengamal perilaku yang salah tadi tetapi apabila timbul isu ini mereka berhempas pulas cuba menzahirkan nilai-nilai yang baik yang harus ada pada Ahli Parlimen. Mudah-mudahan kerana adanya usul ini dan dalam bulan Ramadhan yang baik ini, akan timbul kesedaran kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum berbangkit usul untuk merujuk Yang Berhormat Simpang Renggam ke Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan ini, Dewan ini telah menyaksikan beberapa perlakuan kita yang seolah-olah makin lama makin tidak terkawal sehinggakan menjadi satu masalah yang besar kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri. Kita dengar dalam Dewan ini bagaimana istilah dan tuduhan bahawasanya Barisan Nasional menipu, disebut berulang-ulang kali secara tidak menggunakan bahasa Parlimen.

Walaupun bercanggah dengan 36(4) dalam peraturan, kita mendengar berkali-kali nama-nama penjawat dalam Suruhanjaya Pilihan Raya yang jelas sangat bercanggah dengan 36(8) dan spirit hak dan keistimewaan kita dalam Parlimen ini tetapi berulang-ulang kali penjawat jawatan dalam SPR itu dibelasah dalam keadaan mereka tidak punya keupayaan untuk mempertahankan diri. *[Tepuk]* Kita dengar berulang-ulang kali bagaimana ketua kerajaan, Ahli Parlimen Pekan dituduh memohon peruntukan belanjawan tambahan semata-mata bagi membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan wang negara kepada ketua-ketua bahagian.

Kita juga dengar berbagai-bagai tetapi lazimnya *alhamdulillah* bagi setengah-setengah daripada kita yang sudah punya pengalaman yang lama dan memahami keadaan dalam Parlimen kadang-kadang kita bersabar. Oleh sebab itu saya memahami kalau di sebelah pembangkang nampaknya mereka hari ini menzahirkan ketidaktahanan mereka kerana budaya pembangkang adalah budaya hanya tahu menyerang dan menyerang dan apabila mereka diserang sekali-sekala mereka terasa pedih yang amat sangat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang serangan termasuk saya pun dua hari lepas disindir oleh Ahli Parlimen dari Gombak sehingga menzahirkan, mengeluarkan perkataan mencuri wang orang miskin, tidak cukup dengan itu, menzahirkan perkataan saya dianugerahkan lagi Tan Sri setelah mencuri wang orang-orang miskin. Itu sudah ke peringkat menyentuh kewibawaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Akan tetapi saya duduk diam, tidak apa saya *relax* sahaja sebab saya tahu Yang Berhormat Gombak ini baru dan bila saya bangkit hujah dia terkejut dengan hujah saya maka tiba-tiba dia melenting jadi emosional. Saya *relax* sajalah. Akan tetapi ternyata ketahanan di sebelah pembangkang tidak sampai ke tahap itu dan saya boleh sebutkan banyak lagi di sini perlakuan-perlakuan sedemikian.

Baik, saya kembali kepada Yang Berhormat Simpang Renggam. Bagi saya Dewan ini harus merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Simpang Renggam kerana keberanian dia. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Simpang Renggam kita semua dengar ucapannya dan beliau secara ikhlas bila ditanya dalam celahan, beliau menyatakan beliau mengambil daripada *internet* dan dalam *internet* itu kita tahu ada disebut..

Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *WikiLeaks*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Dalam internet itu ada sebut antara lain menyebut *WikiLeaks* disebut bahawasanya, ini saya ambil daripada dokumen yang diedarkan sendiri oleh Yang Berhormat daripada Jelutong. Antara yang dicetak, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jelutong termasuklah yang menyebut di sini...

Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Cakap betul-betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Ketereh, biar saya tolong.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *WikiLeaks* bongkar di mana duit rasuah Anwar Ibrahim.

Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu dari *website*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Itu barangkali dilayari oleh Yang Berhormat Simpang Renggam. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab maka...

Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, peraturan mesyuarat, apabila seorang Ahli Yang Berhormat sedang berhujah, jangan berdiri Yang Berhormat. Ada dua berdiri seolah-olah mahu *booking* untuk mahu bercakap. Duduk.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila, teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya sebenarnya simpati dengan Yang Berhormat Shah Alam. Dia daripada parti patut majoriti sudah jadi minoriti, berhempas pulas mempertahankan PKR sebab dia parti minoriti.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Bangun lagi, tidak pasal-pasal boleh sakit nanti. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh bangunlah. Beri laluan kita jawab balik, tengok siapa sakit.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...Dalam soal ini sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, adalah hak dan *privilege* kepada beliau untuk membuat seruan atas penemuannya dalam *internet* kerana beliau tidak mempunyai wibawa untuk menyiasat. Hatta hari ini walaupun ada pihak pembangkang mempertahankan soal ada atau tidak ada dalam *WikiLeaks*, benar atau tidak benar tidak ada seorang pun mempunyai wibawa untuk mempertahankan perkara tersebut.

■1620

Maka, adalah wajar bagi Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, menyeru pihak kerajaan supaya perkara itu disiasat. Ini sudah tentulah membuktikan Yang Berhormat Simpang Renggam melakukan ini tanpa sebarang niat *mala fide* atau berniat jahat. Malah sepanjang ucapan Yang Berhormat daripada Simpang Renggam, beliau dengan jelas menzahirkan keprihatinannya terhadap kepentingan awam.

Saya percaya apabila beliau menemui sesuatu di dalam paparan *internet*, sama ada oleh *blogger*, ataupun oleh sesiapa sahaja atas perkara-perkara yang bukan lazim dan bukan biasa, seperti memaparkan rekod bagaimana seorang Timbalan Perdana Menteri mempunyai akaun yang banyak di luar. Dengan bentuk paparan yang bukan seperti mana cara biasa, maka seorang Ahli Yang Berhormat yang mempunyai tanggungjawab terhadap kepentingan awam, tempat yang paling wajar bagi beliau adalah menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini, meminta kerajaan untuk membuat penyiasatan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi dia menipu, dia kata dia baca daripada *WikiLeaks* [Dewan riu].

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: ...Maka, tidak ada sebarang niat untuk membuat tuduhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dalam ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam, beliau menyebut berkali-kali atas hasrat beliau meminta supaya perkara itu disiasat. Kalau beliau menyebut untuk perkara itu disiasat, bukan bermakna hanya untuk disiasat Yang Berhormat Permatang Pauh, juga bermaksud disiasat tentang paparan yang dibuat dalam *internet* yang berkenaan.

Adalah menjadi satu sikap yang cukup bertanggungjawab bagi Yang Berhormat Simpang Renggam meminta supaya disiasat sedangkan... [Tepuk]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: ...Sedangkan orang yang dituduh sendiri yakni Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri tidak mengambil tindakan undang-undang untuk mendakwa paparan-paparan kalau itunya dianggap sebagai satu kesalahan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh bagi laluan, bagi laluan, boleh?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, atas sebab lima perkara-perkara yang saya senaraikan ini iaitu:

- (i) Yang Berhormat Simpang Renggam menyebut dengan jelas tanpa menyembunyikan apa-apa dan secara *good faith*, bahawa beliau telah merujuk kepada paparan *internet*;
- (ii) kerana beliau telah menyebut dalam kenyataannya dalam bentuk demi kepentingan awam supaya perkara itu disiasat kerana yang terbabit itu adalah penjawat tinggi dalam kerajaan yang kebetulan mempunyai banyak perkara lain yang kontroversi berhubung dengannya yang memerlukan siasatan dan pernah disiasat;
- (iii) beliau telah menyebut berkali-kali sebagai menggambarkan itu adalah hak dan *privilege* beliau sendiri dalam mengambil bahagian dalam perbahasan; dan
- (iv) oleh kerana Yang Berhormat Simpang Renggam sendiri dengan cara membawa perkara di Dewan ini yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, bagi saya dia memberi peluang kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, kalau Yang Berhormat Permatang Pauh tidak tengok *internet*, barangkali Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri diberi peluang untuk membuatkan penjelasan-penjelasan. *[Tepuk]*

Maka, jelas daripada tindakan Yang Berhormat Simpang Renggam ini, beliau telah menjalankan tanggungjawabnya dalam Dewan yang mulia ini tanpa ada niat yang buruk, tanpa ada niat untuk menyelewengkan Dewan ini.

Ahli-ahli Dewan tidak pernah rasa terkeliru dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Simpang Renggam. *[Tepuk]* Bagi kami adalah jelas, beliau minta perkara itu disiasat kerana perkara itu penting. Maka, tidak berbangkit soal mengelirukan Dewan, tidak berbangkit soal cuba berbohong...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Putatan kata, dia keliru...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: ...Tidak berbangkit dengan mengambil maklumat-maklumat yang salah. Dengan sebab itu, saya turut menyokong agar usul merujuk Yang Berhormat Simpang Renggam ke Jawatankuasa yang berkenaan hendaklah ditolak oleh seluruh Ahli-ahli Dewan yang bertanggungjawab. *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Tuan Ooi Chuan Aun, Ahli dari Jelutong di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 4, hendaklah disetujui.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya dibuat belah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, kalau belah bahagian mesti ada setidak-tidak 15 orang Yang Berhormat yang berdiri.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang berdiri]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey jelas. Sila Setiausaha bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

■1630

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi belah bahagian yang kita jalankan sebentar tadi ialah Ahli-ahli yang bersetuju kepada usul 60 orang Ahli. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju kepada usul 107 orang Ahli. *[Tepuk]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Seramai 60 orang pertahan kebenaran, 107 tidak mempertahankan kebenaran.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak terima kenyataan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang menyokong pembohongan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ini bermakna usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelutong untuk membawa Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam untuk dirujuk kepada Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ditolak oleh Majlis. *[Tepuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maknanya Tuan Yang di-Pertua, selepas ini kita boleh guna walaupun sumber tidak betul. Selepas ini bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Yang Berhormat Pokok Sena hendak datang sebelah sinikah?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* sidang Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas telah berlangsung selama 16 hari mulai daripada 24 Jun 2013 hingga 18 Julai 2013. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama kepada saya selaku Tuan Yang di-Pertua dan kedua-dua timbalan saya bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat kali ini dapat disempurnakan seperti mana yang kita tetapkan. Sesungguhnya Mesyuarat penggal ini sedikit sebanyak telah mula menyaksikan bibit-bibit perubahan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baru sebentar kita tidak berubah. Baru sebentar kita buat keputusan untuk tidak berubah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena, ucapan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh ganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Bertenang Ahli-ahli Yang Berhormat. Kali inilah Dewan yang mulia ini telah memperlihatkan kematangan dan kebijaksanaan pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang dalam membahaskan isu-isu yang berbangkit sepanjang sesi perbahasan. Semoga transformasi baru ini akan terus dikekalkan pada sesi mesyuarat-mesyuarat yang akan datang untuk sama-sama kita memartabatkan Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi yang dibanggakan.

Di atas kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam mengendalikan urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Saya mengucapkan selamat meneruskan ibadah berpuasa di bulan Ramadan al-Mubarak, seterusnya selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba, maaf zahir batin, selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Akhir sekali, saya dan timbalan-timbalan saya mohon maaf kalau sekiranya sewaktu mempengerusikan Mesyuarat, suara-suara kami agak tertinggi dan itu menyakitkan perasaan Ahli Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Namun, nanti dulu Yang Berhormat. Namun *rulings* yang kami telah buat tidak akan ditarik balik. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Dewan ditangguhkan. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.37 petang]